KERATAN AKHBAR
TUN ABDUL RAZAK
UTUSAN MALAYSIA 1974

Malaysia
Utusan Melayu 21hb. Januari, 1974

PENGKA 1 1/78

Razak akan lancarkan 14 Februari

Kampung kenangan Tun Ismail di Pesta Johor

JOHOR BHARU 20 Jan. — Perdana Menteri Tun Abdul Razak akan melancarkan pesta pembangunan yang menelan belanja $1.4 juta di Muar pada 14 Februari depan.

Pesta tersebut yang berlangsung selama 10 hari terletak dalam satu kawasan kompleks seluas 30 ekar, kira-kira 1½ batu dari Bandar Maharani Muar.

Menteri Besar Johor, Datuk Haji Osman Saad dalam satu sidang akhbarnya hari ini berkata bahawa kompleks yang lengkap dengan berbagai-bagai kemudahan itu akan dikekalkan untuk rakyat.

Kemudahan yang akan dikekalkan itu ialah sebanyak duapuluh lapan buah rumah contoh, balairaya, klinik bidan, pejabat pos, pondok telipon, pondok polis, kawasan pertanian dan sebagainya.

Menteri Besar mencadangkan supaya kompleks tersebut diberi nama 'Kampung Kenangan Tun Ismail' sebagai memperingat jasa bakti Alahyarham.

Menerangkan objek pesta pembangunan itu, Dato' Haj. Osman berkata rakyat akan diberi gambaran mengenai perlaksanaan semua projek kerajaan dan faedah-faedah yang diperolehi sesudah dan sebelum merdeka.

"Semua jentera-jentera kerajaan, baik dari kerajaan negeri mahupun Pusat akan mengambil bahagian dalam pesta pembangunan itu," ujar beliau.

Di samping itu, tegasnya, sebanyak 28 buah badan swasta di Negeri Johor sanggup untuk mempamerkan daya pengeluaran mereka.

Oleh kerana pesta itu amat penting kepada kerajaan dan rakyat negeri ini, Menteri Besar lalu mengisytiharkan 'cuti umum' untuk Daerah Muar sempena hari pelancarannya pada 14 Februari itu.

Beliau puas hati langkah - langkah yang diambil sejauh ini oleh 11 buah jawatankuasa kecil pesta dengan beliau sendiri menjadi pengerusi jawatankuasa pusatnya.

Perarakan

Satu perarakan secara besar-besaran akan diadakan pada hari pembukaan yang disertai oleh tiga ribu orang dengan berthemakan sains dan teknoloji.

Beliau menjangka lebih seratus ribu orang rakyat akan menyaksikan upacara pembukaan pesta tersebut.

Semua menteri kabinet akan diundang untuk menyaksikannya di mana projek pembangunan kementerian masing-masing turut mengambil bahagian.

Menteri Besar itu telah mengarahkan semua pegawai-pegawai daerah supaya mengadakan kemudahan pengangkutan untuk membawa rakyat di daerah masing-masing menyaksikan pesta tersebut.

Dato' Haji Osman Saat telah meminta semua syarikat bas di negeri ini memberikan kerjasama kemudahan pengangkutan kepada rakyat terutama ahli-ahli jawatankuasa kampung untuk membawanya ke Muar.

Menjawab satu pertanyaan, Menteri Besar itu menganggap bahawa perbelanjaan $1.4 juta itu tidak akan membazir kerana kerajaan boleh mendapatnya kembali.

Beliau memberitahu pesta pembangunan itu akan dikekalkan setiap tahun dan dianjurkan secara bergilir-gilir di tiap-tiap daerah. Batu Pahat akan menjadi tuanrumah dalam pesta kali kedua.

NO. SIRI : 1
NO. PEN : 1/78

Utusan Malaysia 23 Mac, 1974

PTR. KA : 2 - 2/78

Razak: Hubungan dengan Peking diumum segera

KUALA LUMPUR 22 MAC

TUN Abdul Razak malam ini berkata rundingan-rundingan bagi mengadakan pertukaran diplomatik dengan Republik Rakyat Cina akan berhasil tidak lama lagi.

Kata beliau, penubuhan hubungan diplomatik dengan Cina, akan memberi makna yang besar kepada dasar tidak campurtangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap dalam satu jamuan yang diberikan oleh Datuk Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Hotel Hilton di sini.

Tun Abdul Razak memberitahu lebih 500 orang yang hadir dalam majlis itu bahawa Malaysia telah menjalankan berbagai usaha bagi membetulkan salahfaham antara Malaysia dengan Cina dan rakyat kedua negara.

"Semenjak bulan Jun, kita telah mengadakan beberapa rundingan rasmi di New York dengan pihak Cina dengan harapan mengurus-kan perhubungan diplomatik dan pertukaran missi diplomatik," katanya lagi.

Rundingan- rundingan ini telah meliputi berbagai masa-alah yang berhubung dengan penubuhan hubungan diplomatik itu.

pada kedudukan semula jadi negara ini "kita telahpun mengadakan hubungan yang rapat dengan sebilangan negara.

"Kita memandangkan ke hadapan dengan penuh keyakinan pada tahun-tahun akan datang bagi meluaskan perhubungan dan hubungan dagang ini."

Perdana Menteri berkata sikap serantau dan tidak campurtangan Malaysia dalam perhubungan asing telah memberi makna besar kepada cadangan perkecualian Asia Tenggara.

Runding

NO. SIRI : 2
NO. PEN : 2/78

PTS-KA 3 3/78

Utusan Malaysia 25 Mac, 1974

HUBUNGAN DIPLOMAT DENGAN CINA

Pemimpin2 politik alu2kan pengumuman Tun Razak

PEMIMPIN-pemimpin parti politik di sini mengalu-alukan pengumuman Tun Abdul Razak malam semalam tentang pnubuhan hubungan diplomatik dengan Negeri Cina, tidak lama lagi.

PULAU PINANG 24 MAC

Naib Pengerusi Kebangsaan, DAP, Encik Yeap Ghim Guan berpendapat pengumuman itu adalah satu perkara yang telah ditunggu-tunggu oleh negara, dan ia adalah satu pertanda yang baik bagi negara ini dan rakyatnya.

Tambahnya, penghargaan mestilah diberikan kepada Perdana Menteri, Tun Razak kerana kejayaan itu adalah merupakan satu perkembangan yang paling nyata di Malaysia.

Pengerusi Kebangsaan Parti Sosialis Rakyat Malaya, Encik Kassim Ahmad berkata: "Kami sentiasa menyeru supaya ditubuhkan hubungan diplomatik dengan Negeri Cina.

Dagang

Dengan penubuhan hubungan diplomatik itu Malaysia akan dapat meluaskan lagi perdagangannya dengan Negeri Cina dan bekerjasama dalam lain-lain bidang bagi faedah kedua-dua buah negara.

Katanya, "Cina adalah sebuah negara besar yang membangun dan Malaysia boleh mendapat faedah besar daripada sikapnya terhadap usaha pemodenan dan pembangunan ekonomi dan sosialnya".

luh tahun akan datang akan meluaskan pengaruhnya di Asia Tenggara dan mungkin juga di dunia.

Setiausaha UMNO Pulau Pinang, Encik Ismail Idris juga menyokong pengumuman itu.

Beliau berharap hubungan diplomatik itu akan ditubuhkan tidak lama lagi demi kepentingan bersama rakyat kedua-dua buah negara.

NO. SIRI : 3
NO. PEN : 3/78

PHOTO : 4/78

Utusan Malaysia 25 Mac, 1974

Selamat harijadi

SEMPENA persembahan Konset Perdana RTM di Oditorium Besar Wisma Radio, Angkasapuri, malam semalam, pihak RTM menghadiahkan sebuah kek harijadi kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Tun Razak telah memotong kek tersebut yang berbentuk rebana ubi sebelum persembahan itu bermula. Ini diikuti kemudian dengan nyanyian beramai - ramai Selamat Harijadi, lagu ciptaan pemimpin orkes RTM, Johari Salleh.

Gambar menunjukkan Tun Razak tunduk sejenak ketika Harijadi dinyanyikan selepas beliau memotong kek itu. Kelihatan di kanan ialah Toh Puan Hajjah Rahah. Tan Sri Omar Yoke Lin (sebelah Tun Razak), Encik Johari Salleh dan Timbalan Menteri Penerangan, Encik Shariff Ahmad. — Gambar Utusan Malaysia



NO. SIRI : 4
NO. PEN : 4/78

PTR. KA: 5 5/78

JUMAAT 29 MAC 1974

Mereka saja ambil kesempatan semasa kita hadapi inflasi

Tun: Awas golongan pengacau

TUN Abdul Razak hari ini mendedahkan ada golongan yang hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam negara dengan tujuan menjatuhkan kerajaan semasa negara menghadapi inflasi sekarang.

Anasir-anasir komunis dan talibarut mereka bergerak di sana sini menjalankan kegiatan mereka, kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, tambah beliau, rakyat janganlah berasa bimbang kerana negara mempunyai askar dan polis yang cukup untuk

JERANTUT 28 MAC

menentang dan menghapuskan kumpulan jahat yang kecil itu.

"Saya yakin dengan adanya kerjasama rakyat angkara musuh itu akan gagal," tegas Perdana Menteri sewaktu berucap merasmikan Sekolah Menengah Agama, Pulau Tawar di sini.

Kegiatan

Menurut Tun, mereka berani menjalankan kegiatan-kegiatan ganas kerana mereka tahu ada segolongan kecil penduduk yang bersimpati dengan mereka.

Beliau menegaskan, anasir-anasir ini adalah lebih jahat dari komunis itu sendiri.

Tun Razak kemudian mengingatkan rakyat terutama kalangan muda bahawa rakyat belum lupa akan pahit maung dan kesusahan selama 12 tahun semasa negara berada dalam darurat dari 1948 hingga 1960 dulu.

Beliau menerangkan, dengan keadaan politik sekarang, hasil dari kerajaan campuran dan seterusnya pembentukan barisan nasional, nyatalah perjuangan komunis ini sia-sia sahaja.

"Patut diingat kerajaan yang ada sekarang ini adalah kerajaan yang dipilih sendiri oleh rakyat dan berazam hendak membawa zaman yang aman damai, makmur dan maju kepada rakyat semua," katanya.

Tun lalu mengingatkan mereka supaya kembali ke pangkal jalan dan menghentikan perjuangan yang tidak mendatangkan faedah itu.

Beliau percaya penduduk di Pulau Tawar akan senentiasa berdiri teguh di belakang kerajaan menghapuskan anasir-anasir jahat itu kalau ada yang cuba menceroboh masuk ke tempat mereka.

"Demi kepentingan bersama rakyat dan kerajaan, setiap rakyat mestilah bersama-sama menunaikan tanggungjawab mereka dengan semangat ketabahan dan kesabaran serta dengan perpaduan akan dapat menghadapi sesuatu ancaman atau cabaran," tambah beliau.

NO. SIRI : 5
NO. PEN : 5/78

Banyak lagi kawasan sawah di Pahang — Razak

DARI MUKA 1

yang dilaksanakan di bawah Dasar Ekonomi Baru, keadaan penduduk di kawasan luar bandar akan menjadi lebih baik".

Menyentuh kemajuan-kemajuan yang dicapai di Jerantut berkata, projek jambatan akan dilaksanakan apabila dapat tender yang wajar dan dijangka siap pada tahun 1977.

Projek lapangan terbang sedang dikaji untuk memudahkan penerbangan bagi pelancung -pelancung ke Kuala Tahan.

Rancangan haidro letrik sedang dilaksanakan oleh pakar-pakar dari Russia sementara hospital baru sudah pun dipanggil tawaran dan dijadualkan siap tahun 1975.

Tun Razak juga berkata, beliau telah mengarahkan pihak-pihak berkenaan supaya menambah pengeluaran beras di Sabah dan Sarawak.

"Pengeluaran beras di kedua buah negeri itu masih berkurangan walaupun Semenanjung Malaysia mempunya 95 peratus bekalan beras yang cukup," katanya.

Menurut Tun lagi, negeri-negeri Pahang, Trengganu masih banyak lagi kawasan-kawasan sawah yang boleh dima'ukan untuk tanaman padi.

PTR. KA: 6 6/78

PTR. KA: 7 7/78



GAMBAR kelihatan Tun Razak sedang ditabur dengan bunga rampai oleh gadis-gadis di atas permaidani merah setibanya di Pulau Tawar semalam.

ini tidak dilaksanakan segera.

NO. SIRI : 6
NO. PEN : 6/78

FTR. KA: G 6/78.

Utusan Malaysia 29 Mac, 1974

2,000 penduduk Pulau Tawar sambut Razak

LEBIH 2,000 penduduk Kampung Pulau Tawar telah menyambut ketibaan Perdana Menteri di Padang Sekolah Menengah Agama Kampung itu, kira-kira 15 batu dari sini pagi tadi.

Tun yang tiba dengan sebuah helikopter diiringi oleh Timbalan Menteri Penerangan Encik Shariff Ahmad, Tengku Shaiman. Pengarah Penyelarasan di Jabatan Perdana Menteri, telah disambut oleh Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Muhammad bin Jusoh serta Yang Di-pertua Dewan Negeri, Datuk Khairuddin Kawi.

Walaupun cuaca mendung dan hujan renyai-renyai turun, tetapi penduduk-penduduk kampung terus datang ke padang sekolah untuk mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri.

Permaidani merah telah dibentang dan 20 orang gadis jelita telah menabur bunga rampai ketika Tun Razak berjalan ke pentas khas 219 orang murid sekolah telah mengibar-ngibarkan bendera Malaysia dan Pahang.

Sekumpulan murid-murid dari sekolah itu juga telah menyampaikan lagu nasyid. Selepas itu Perdana Menteri dibawa melihat pameran hasil pertukangan tangan murid-murid sekolah tersebut.

Dalam lawatan singkat itu, Tun Razak telah merasmikan sekolah tersebut berharga $292,000, sebelum bertolak ke Pusat Perkhidmatan Pertanian Temin, beliau telah bersembahyang zohor bersama-sama rakyat di situ.

NO. SIRI : 6
NO. PEN : 6/78

FTR. KA: 7 7/78.

Mingguan Malaysia 31 Mac, 1974

Razak arah PKNP diri rumah murah

IPOH 30 MAC

PERDANA Menteri, Tun Abdul Razak telah mengarahkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak supaya mendirikan lebih banyak rumah papan harga murah bagi membolehkan mereka berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Beliau membuat arahan ini setelah diberitahu bahawa perbadanan itu akan melaksanakan 15 projek perumahan di seluruh negeri yang menelan belanja $30 juta. Sejumlah 13,000 unit rumah akan didirikan.

Tun Razak berkata demikian kepada para pemberita selepas mendengar taklimat mengenai kemajuan perbadanan itu dari pengurus besarnya Encik Ariffin Said tengahari ini.

Menteri Besar, Dato' Sri Haji Kamaruddin Mat Isa turut hadir.

Kata Perdana Menteri memandangkan jentera perbadanan itu telah dibaiki, tidak ada lagi kerja lewat seperti di masa lalu.

Menurutnya, perbadanan itu akan mengawal sepenuhnya semua kawasan perusahaan baru di Perak pada masa depan untuk diselaraskan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Perdana Menteri menyatakan, sudah tidak ada lagi masanya bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Perak bekerja "lambat", kerana semua jentera pelaksanaan telah dibaiki dengan tambahan pegawai-pegawai baru yang berkelayakan.

"Masaalah kewangan juga nampaknya tidak ditimbulkan oleh perbadanan ini," kata beliau.

Beliau gembira, kerana perbadanan tersebut telah bergerak lebih giat lagi dalam bidang-bidang perusahaan baru dengan pembukaan kawasan - kawasan perusahaan di Parit Buntar, Kuala Kangsar, Lumut dan Ipoh sendiri.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan persidangan tahunan ke-39, Kelab Rotary Antarabangsa Daerah 330 di Dewan Bandaran, Tun Razak menegaskan bahawa usaha membetulkan semula kedudukan kaum yang tidak seimbang dalam ekonomi Malaysia, bukan kerana Melayu dan Bumiputera merupakan bilangan majoriti.

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 3)

DARI MUKA 1

Tegasnya, tidak ada satu pun kumpulan masyarakat yang akan ditinggalkan atau merasa tersingkir dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Ini adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk mengujudkan satu masyarakat adil, tambahnya.

Beliau berkata oleh kerana keadaan ekonomi yang tidak seimbang, khasnya antara orang Melayu dan Bumiputera di satu pihak dan golongan lain di pihak lain, kerajaan terpaksa menyegerakan usaha mengujudkan satu masyarakat Melayu dalam perdagangan dan perindustrian.

"Kami melakukannya bukan kerana orang-orang Melayu, atau Bumiputera lain merupakan golongan majoriti, atau kerana keadaan tidak seimbang dari segi kaum yang ujud sekarang boleh menimbulkan ketegangan politik dan sosial, tetapi semata-mata untuk keadilan," Tun menambah.

Perdana Menteri mengingatkan tentang bahaya kiranya jurang perbezaan antara kaum semakin luas dan boleh menimbulkan akibat buruk kiranya usaha ini tidak dilaksanakan segera.

NO. SIRI : 7
NO. PEN : 7/78

PTR. KA: 8 8/78

Utusan Malaysia 1 April, 1974

GOLONGAN BERADA DINASIHAT JANGAN TERLALU BOROS

Masyarakat perniagaan hargai tindakan kawal inflasi—Razak

IPOH 31 Mac — Tun Abdul Razak berkata hari ini masyarakat perniagaan sangat-sangat menghargai tindakan yang sedang dijalankan oleh kerajaan untuk mengawal inflasi.

Beliau telah meminta mereka supaya menolong kerajaan dalam masa kesulitan sekarang.

Perdana Menteri telah bercakap kepada para pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawat sehari ke Ipoh.

Malam tadi, Tun Razak telah diraikan di satu majlis jamuan yang dihadiri oleh kira-kira 70 orang wakil dewan perniagaan, perhimpunan Cina Perak, persatuan penjaja dan ahli-ahli perniagaan di sini.

Tun Razak berkata beliau ingin mengetahui bagaimana ahli-ahli perniagaan menghadapi keadaan inflasi di Perak.

Beliau juga menerangkan kepada mereka tentang langkah-langkah kerajaan untuk mencegah inflasi dan bagaimana mereka boleh membantu kerajaan.

Muka baru

Tun Razak telah menasihatkan golongan yang berada jangan terlampau boros berbelanja kerana wang yang beredar di negara sekarang telah berlebihan.

Petang semalam Perdana Menteri telah menemui pegawai-pegawai Perikatan kerana membincangkan soal-soal politik.

Beliau juga sempat menemui beberapa orang muka baru dalam MCA di Perak.

Mengenai perbincangannya dengan kira-kira 40 orang intelek Melayu dari kalangan awam dan swasta kelmarin, Tun Razak cuma menyatakan, bahawa dasar-dasar kerajaan telah dibincangkan.

Pada keseluruhannya, beliau telah sempat menemui semua golongan masyarakat di Perak kelmarin.

Mengenai laporan dari London yang menyatakan Kerajaan Buruh akan mengkaji tanggungjawab pertahanan Britain dalam usaha untuk mengurangkan belanja kerajaan, Tun Razak enggan mengulasnya kerana beliau belum lagi menerima sebarang kenyataan rasmi mengenai perkara itu dari Britain.

Tun Razak telah diucapkan selamat jalan di lapangan terbang oleh Menteri Besar, Dato' Sri Haji Kamaruddin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Ishak Tadin, ahli-ahli majlis kerja negeri, pemimpin Perikatan dan pegawai kanan kerajaan.

NO. SIRI : 8
NO. PEN : 8/78

PTR.KA 9 9/78

Utusan Malaysia 5 April, 1974

Peking: Tun akan beri taklimat pada Ne Win

KUALA LUMPUR, 4 APRIL

TUN Abdul Razak dijangka memberi taklimat kepada Presiden Ne Win tentang kedudukan Malaysia dalam rundingan dengan Peking bagi menubuhkan hubungan diplomatik apabila Perdana Menteri mengadakan lawatan tidak rasmi ke Burma akhir minggu ini.

Pemimpin Burma itu, menurut sumber-sumber, sudah pasti dapat memberi nasihat mengenai Negeri Cina dan hubungannya dengan negara itu.

Tun Razak dan Presiden Ne Win juga dijangka membincangkan kemajuan mengenai svor perkecualian Asia Tenggara.

Mereka juga dijangka berunding untuk mencari jalan meningkatkan lagi kerjasama antara kedua negara.

Pada masa ini hubungan ekonomi antara kedua negara terlalu sedikit dan kerjasama yang ada sekarang hanya sekadar pertukuran kakitangan dan kemudahan latihan.

Kegiatan - kegiatan ASEAN juga dijangka dibincangkan oleh kedua pemimpin itu dalam rangka kerjasama serantau. Burma telahpun membayangkan keinginannya untuk menyertai pertubuhan itu

SUMBER

Inilah lawatan yang kedua Tun Razak ke Burma dalam masa dua tahun. Sumber - sumber rasmi mensifatkan Tun Razak dan Presiden Ne Win sebagai 'rakan karib'.

Tidak ada ajenda tertentu ditetapkan bagi perbincangan mereka. Perbincangan akan berjalan secara private semasa bermain golf dan makan tengahari dan malam.

Tun Razak yang akan diiringi oleh Toh Puan Rahah dan satu rombongan pengiring yang kecil akan tinggal di Rumah Tetamu Negara di Rangoon. Segala aturcara rasmi yang biasa tidak akan diadakan.

Lawatan Tun Razak itu merupakan lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan ke Burma sejak negara itu menjadi sebuah republik bulan lalu.

Menurut jadual, Tun Razak dan rombongannya tiba di Rangoon dengan sebuah kapalterbang

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 3)

DARI MUKA 1

khas Kerajaan Sabah sejurus sebelum tengahari Sabtu.

Kedua pemimpin akan berbincang ketika makan tengahari pada hari Ahad.

Puan Ne Win telah juga mengaturkan satu rancangan khas bagi Toh Puan Rahah. Mereka akan melawat Mezium Negara dan rumah bagi orang-orang tua.

Satu pameran khas permata yang didapati dengan banyaknya di gunung-ganang sebelah timur Burma akan diadakan bagi Toh Puan Rahah.

Rombongan Tun Razak akan mengandungi Ketua Setiausaha Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim Ahmad, Timbalan Ketua Turus Tentera Darat Mejor Jeneral Datuk Othman Ibrahim dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri (tugas khas), Encik Zain Azraai.

NO. SIRI : 9
NO, PEN : 9/78

PTR·KA:10 10/78

Utusan Malaysia 5 April, 1914

Pompidou: Razak tanda tangan buku takziah

KUALA LUMPUR 4 April — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak (gambar atas) hari ini menandatangani buku takziah di Kedutaan Perancis atas kematian Presiden George Pompidou kelmarin.

Turut menandatangani buku tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Menteri Perhubungan, Tan Sri Sardon Jubir, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zaiton Ibrahim dan ketua-ketua perwakilan asing.

PTR.KA: 11 11/78

Utusan Malaysia 13 April, 1974.

Razak akan rasmi sidang j- kuasa ILO di K. Lumpur

KUALA LUMPUR 12 April — Tun Abdul Razak akan merasmikan sidang Jawatankuasa Penasihat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Kawasan Asia di Dewan Tunku Abdu. Rahman di sini pada 2 Mei ini.

Persidangan sembilan hari ini bertujuan untuk mengemaskan lagi panduan dan memaju serta menilai kegiatan-kegiatan ILO di Asia. demikian menurut Pegawai Perhubungan Akhbar Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Encik Dahlan Rahman hari ini.

Dua perkara penting iaitu 'Kemajuan Sumber Manusia Di Kawasan Luar Bandar Dengan Perhatian Khas Terhadap Pendapatan Dan Syarat Kerja Serta Kehidupan Pekerja Pertanian Dalam Konteks Rancangan Tenaga Rakyat Di Asia' dan 'Peranan Serta Kesan Kementerian Buruh Di Asia' akan dibincangkan dalam persidangan tersebut.

Jawatankuasa Penasihat Asia ILO mengandungi 28 anggota — 14 anggota kerajaan, tujuh anggota majikan dan tujuh mewakili pekerja.

Malaysia ialah di antara 14 negara anggota jawatankuasa tersebut. Anggota-anggota lain ialah Australia, Bangladesh, Cina, India, Indonesia, Jepun, Sri Lanka, Filipina, Soviet Union, Negeri Thai, Republik Vietnam, Pakistan dan Iran.

Majikan

Wakil Malaysia di sidang tersebut ialah Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Encil S.J. Zaidi sebagai wakil pekerja dan Encik G.Y.L. Lee wakil majikan

Wakil lain-lain pertubuhan seperti ECAFE. UNICEF, UNESCO, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dijangka menghadiri sidang itu.

Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Tuan Francis Blanchard, dijangka tiba di sini pada 29 April ini untuk menghadiri persidangan tersebut

NO. SIRI : 11
NO. PEN : 11/78

PTR.KA: 12 13/78.

Utusan Malaysia 13 April, 1974

Tun beri taklimat MP2 Barisan

KUALA LUMPUR 1 April — Tun Abdul Razak hari ini memberi taklimat kepada ahli - ahli Parlimen Barisan Nasional, anggota jawatankuasa mengenai pertahanan dan hal ehwal luar.

Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat itu kerana pengerusinya, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Penerangan dan Tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar berada di luar negeri.

Seorang jurucakap Pejabat Perdana Menteri berkata Tun Razak telah memberi taklimat kepada anggota-anggota mengenai lawatannya ke negara-negara Teluk Arab baru-baru ini dan lawatannya akan datang ke Eropah.

Ahli-ahli Parlimen itu telah juga diberi taklimat mengena perkembangan terbaru di Khmer dan Vietnam Selatan.

NO. SIRI : 12
NO. PEN : 12/78

PTR.KA:13 13/78.

I3hb.April,I974

Sidang Ketujuh Gabnor Bank Asia

KUALA LUMPUR 12 April — Tun Abdul Razak akan merasmikan Persidangan Ketujuh Gabnor-gabnor Bank Pembangunan Asia di sini pada 25 April ini.

Kira-kira 600 orang wakil dari 40 buah negara anggota akan mengambil bahagian dalam persidangan tiga hari itu.

Inilah kali pertama persidangan tersebut diadakan di Malaysia. Persidangan tahun lalu di Manila.

Setiausaha Jawatankuasa Penganjur Persidangan, Encik Mohamed Hanafiah Omar memberitahu hari ini, persidangan tersebut antara lain akan mengkaji kegiatan dan dasar-dasar bank itu.

NO. SIRI : 13
NO. PEN : 13/78

PTR.KA: 14 14/78

Utusan Malaysia 17 April, 1974

Maruah wakil rakyat

TENTANGAN Tun Razak terhadap usul 'Akta pengakuan faedah-faedah kewangan ahli-ahli Parlimen' yang dibentangkan oleh Encik Mustapna Hussein dari Seberang Tengah adalah untuk menjaga maruah wakil-wakil rakyat dan untuk membolehkan kita memperolehi wakil-wakil rakyat yang baik.

Usul itu tidak bertujuan jahat, tetapi kalau diperhatikan dari kontek perkhidmatan wakil-wakil rakyat di negara ini, nyatalah ia nanti akan menjejaskan keluhuran wakil-wakil rakyat itu

Kita bersetuju dengan Tun Razak bahawa wakil-wakil rakyat 'telah dipilih oleh rakyat dan memikul kepercayaan rakyat sudah tentulah orang-orang yang mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kemuliaan...' Sebarang usaha untuk menilai harta mereka tentulah berbau meragukan nilai-nilai mulia wakil rakyat itu.

Wakil rakyat kita tidak berkhidmat seperti Menteri atau Setiausaha Parlimen. Jawatan yang mereka pegang adalah satu perkhidmatan sambilan. Mereka tidak menerima gaji, tetapi cuma menerima elaun.

Kita harus sedar bahawa tugas mereka tidak seperti Anggota Parlimen British atau Anggota Kongres Amerika yang berkhidmatan penuh masa.

Sehingga ini wakil rakyat kita tidak mempunyai kuasa mutlak untuk meluluskan sebarang perkara yang dipohon oleh orangramai. Kuasa mereka cuma menjadi orang perantaraan, sedang yang meluluskan permohonan adalah menteri dan pegawai-pegawai.

Oleh itu tidak terdapat peluang yang cukup untuk membolehkan mereka melakukan perbuatan curang seperti yang dibimbangkan oleh wakil dari Seberang Tengah itu.

Kita beranggapan usul seperti ini tidak menasabah dibuat untuk membatasi kelakuan seorang wakil rakyat. Perbuatan melanggar peraturan yang mereka lakukan boleh diadukan kepada badan tertentu di Parlimen yang bertanggungjawab tentang budi pekerti anggota-anggota Parlimen.

Oleh kerana mereka sendiri mewakili parti politik, maka ada lebih baik kiranya perbuatan curang itu dihukum sendiri oleh parti politik. Parti politik yang bermaruah, tidak segan-segan bertindak terhadap anggotanya yang curang.

Aduan-aduan juga boleh dibuat kepada polis atau Badan Siasatan Negara jika berlaku sebarang kepincangan atau perbuatan serong.

Perlu juga diinsafi bahawa sesuatu langkah yang menimbulkan rasa sangsi atau ragu-ragu tidak berasas terhadap Ahli Parlimen akan menyebabkan kita sukar nanti mendapatkan wakil-wakil yang berkalibar nanti.

Dan sepatahkata Tun Razak, dalam sesuatu sistem demokrasi pengawalan yang sebaik-baiknya ialah rakyat sendiri. Mereka boleh memilih atau menolak seseorang itu dari menjadi wakil mereka. Perlulah bagi rakyat membuat pilihan yang saksama.

NO. SIRI : 14
NO. PEN : 14/78

PTR.KA: 15/15/78.

Mustapha mungkin dari peristiwa 'Wat

Usul harta ditola

DEWAN Rakyat ini menolak — ngan 81 undi lawan satu usul untuk men kan daftar yang m titkan semua penda wang dan harta tiap Ahli Parlimen pengetahuan umum.

PM TUN RAZAK

Undi-undi menolak u yang dibawa oleh **Encik pha Hussein (Bebas — S Tengah)** ialah dari wak Perikatan, PAS, Gerakan dan PPR.

Seramai 20 undi me usul itu ialah dari wak pembangkang: Pekemas SNAP dan Bebas.

Perdana Menteri, Tun ketika menentang usul kata bahawa Encik M mungkin mendapat inspir "peristiwa Watergate" di ka.

Perkara yang ditimbull tegasnya, adalah me bahkan mempersoalkan si jujuran dan kemuliaan a Dewan.

Beliau menambah: "Per

Ahli Parlimen tak dapat gaji penuh - Tun

DARI MUKA 1

ngan kedudukan ahli-ahli Parlimen di negara luar seperti Britain.

Di Britain, kata Tun Razak, anggota-anggota Parlimen mendapat gaji penuh dengan bayaran yang tinggi dan boleh dikatakan bekerja penuh masa selama 8 bulan dalam setahun dan sidang-sidang mesyuarat berlarutan hingga jauh malam.

Di Malaysia tambah Tun Razak, anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri hanya diberi elaun yang ditetapkan kecuali menteri-menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen yang mendapat gaji penuh di samping elaun itu.

Kerana itu, kata Tun Razak, "tentu tidak adil bagi kita kalau membukakan maklumat mengenai kepentingan peribadi ahli-ahli Dewan ini kepada orangramai seperti yang dikehendaki oleh anggota Bebas itu."

Menteri-menteri dan timbalan menteri mempunyai peraturan tertentu di mana mereka dikehendaki memberitahu Perdana Menteri dengan cara bertulis perusahaan-perusahaan atau kepentingan yang mereka mempunyai sebelum menjadi menteri.

Tugas

Menteri-menteri tidak dibenarkan menjalankan perniagaan atau perusahaan luar sebab mereka mendapat gaji penuh dan adalah dikehendaki menumpukan usaha dan tenaga kepada pekerjaan mereka pa-

Tun Razak yakin amalan sekarang adalah adil dan wajar sekali dalam keadaan yang terdapat hari ini.

"Sekiranya ada hal-hal yang timbul untuk dibahaskan dalam Dewan ini yang melibatkan seseorang ahli, maka sepatutnyalah ahli itu menyatakan kepentingannya dalam perkara itu," katanya.

"Terpulanglah pada ahli-ahli semua mengikut amalan yang wajar dan saksama seperti yang lazim menurut prinsip demokrasi berparlimen," tambahnya.

En. Mustapha

Beliau kemudian menegaskan tentang mustahaknya dan pentingnya ahli-ahli Dewan sekalian menjaga kedudukan dan mertabat mereka sebagai anggota Dewan yang mulia.

Di samping itu katanya, menjadi tanggungjawab parti politik menjaga kedudukan dan mertabat ahli-ahli mereka.

"Sekiranya ada ahli yang menyalahgunakan kedudukan dan keistimewaan mereka, maka terpulanglah pada parti politik yang berkenaan dan rakyat mengambil-

wan orangramai di London dan di Washington.

Katanya: "jika kita berdamping rapat dengan rakyat ahli-ahli menyedari bahawa di kalangan rakyat sudah timbul keraguan kononnya wakil rakyat yang dipilih bukan berkhidmat dan berkorban tenaga, wang dan masa untuk kepentingan dan faedah rakyat tetapi berkhidmat dengan bersungguh - sungguh untuk membuat harta benda bagi faedah diri sendiri yang setengahnya pula melalui isteri-isteri dan adik-beradik yang menjadi pengurus - pengurus majikan.

Peluang

Rakyat, katanya tidak dapat menerima, macam mana setengah wakil rakyat menjadi jutawan dan hartawan, jika wakil rakyat itu tidak mengambil peluang sebagai wakil rakyat mencari faedah bagi diri sendiri.

"Sebaliknya rakyat tidak dapat apa-apa pertolongan yang memuaskan daripada wakil-wakil yang mereka pilih sehingga sekarang dan akibatnya rakyat berada di dalam

NO. SIRI : 15
NO. PEN : 15/78

Pusat tersebut ju-
ga akan mengadakan
rekod-rekod kebang-
saan sebagai usaha

JAKARTA 16 April — Indonesia bercadang akan membina pusat sains sukan dengan bantuan dari Kerajaan Jerman Barat sebagai melatih ahli-ahli sukan muda di seluruh Indonesia.

Indonesia akan bina pusa

Enoik Lim Kit Siang
negara ini.
kebun-pekebun kecil

Pinang.

ALOR SETAR: Kejohanan Gymkhana Ke 43 Kelab Gymkhana Kedah akan diadakan di Padang Lumba Kuda Pumpong di sini pada 27 April ini mulai pukul 2.00 petang.

Kejohanan Sepak-takraw Piala Rahman dan Razak di Pulau Pinang akhir bulan lalu.

Keputusan membe-
rikan Sarawak me-
anjurkan kejohanan
itu dicapai semasa
tersebut.

Encik Mustapha Yusof dan Foo Keat Seng.

MIRI: Sarawak telah menamakan 18 pemain untuk mewa-

Hicbir Singh, Herdan-
sim, V. Kunasegaran
Raj, Mohamed Kas-
segaran, Gerald A.

PTR. KA: 16 16/78.

SABTU 20 APRIL 1974

262 lagi klinik gigi akan dibina seluruh negara—Tun

SEBANYAK 262 buah lagi klinik gigi akan ditubuhkan di seluruh negara menjelang akhir tahun depan dan 145 daripadanya di luar bandar, kata Tun Abdul Razak.

KUALA LUMPUR 19 APRIL

Berucap dalam majlis jamuan Persatuan Doktok-doktor Gigi Malaysia di sini malam ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan memperluaskan perkhidmatan itu supaya rakyat di bandar atau luar bandar mendapat rawatan sebaik-baiknya.

Ini kerana perkhidmatan pergigian tidak kurang penting dalam usaha membina masyarakat yang sihat dan maju.

Beliau juga memberitahu bahawa kerajaan sedang menjalankan satu projek perintis di Kluang yang menggunakan ubat ploraid untuk mengurangkan kerosakan gigi di kalangan kanak-kanak.

Mustahak

Kiranya berjaya, projek itu akan diperluaskan ke negeri-negeri lain kerana kerajaan menganggap mustahak kanak-kanak mendapat rawatan sejak awal-awal lagi.

Kerajaan juga, kata Tun Razak lagi, telah mengambil langkah positif melatih tenaga doktor gigi yang diperlukan oleh negara.

Adalah diharapkan dalam tempoh dua tahun lagi, Malaysia akan dapat mengeluarkan kumpulan pertama 32 orang doktor gigi dari Fakulti Pergigian, Universiti Malaya.

Selama ini, kata Perdana Menteri, han latihan di luar negeri seperti Singapura, Australia, New Zealand, Britain dan Indonesia.

Beliau juga memberitahu bahawa pada masa ini ada seramai 64 orang doktor gigi dari Indonesia, Pakistan, negara-negara di Teluk Parsi dan Korea sedang berkhidmat di negara ini.

"Dengan bantuan dari negara-negara sahabat dan dengan adanya pengeluaran doktor-doktor gigi kita sendiri, saya percaya imbangan yang lebih wajar iaitu seorang doktor gigi untuk tiap-tiap 5,000 orang akan dapat dicapai tidak lama lagi," katanya.

Kepada doktor-doktor gigi swasta, beliau meminta mereka membantu kerajaan.

Tun Razak mencadangkan supaya mereka mengadakan perkhidmatan di luar waktu untuk membolehkan orangramai mendapatkan rawatan bila-bila masa.

16
16/78

PTR.KD: 17.17/78

Mingguan Malaysia 21 April, 1974

Untuk hindar keadaan buruk menimpa negara

Tun Razak ajak rakyat waspada

TUN Abdul Razak mengajak seluruh rakyat supaya berwaspada untuk menghindarkan kemungkinan keadaan buruk menimpa negara, kerana dalam perdagangan dan perindustrian Malaysia masih bergantung kepada negara-negara luar.

TEMERLOH 20 APRIL

Perdana Menteri mengingatkan apa yang berlaku di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun pasti akan melibatkan juga Malaysia seperti dalam soal kemelesetan nilai mata wang (economic recession) sebagaimana yang berlaku dalam tahun 1932 dulu.

"Itulah sebabnya kita mesti berusaha membanyakkan pengeluaran bekalan makanan dan bahan-bahan keperluan di samping meluaskan hubungan dagang dengan negara-negara sosialis di Eropah dan Republik Rakyat Cina," kata Tun.

"Oleh itu kalau kita cermat dan berhati-hati dari sekarang kita pasti dapat menghindarkan kemungkinan keadaan buruk menimpa negara," tambah Tun.

Berucap di hadapan lebih 20,000 orang rakyat dalam rapat raksaksa Front Nasional di sini malam ini Tun Razak juga menyebut perkara-perkara berikut:

HUBUNGAN

* Malaysia akan menumpukan hubungan luarnya kepada negara-negara Islam khasnya Arab Saudi, Kuwait, dan Pakistan memandangkan kemungkinan ekonomi dan kemungkinan pelaburan.

* Ramai peneroka Felda sekarang ini mempunyai pendapatan lebih $1,000 sebulan iaitu tiga kali ganda dari jangkaan semasa sekim Felda dilancarkan dulu.

Tun Razak memuji sikap rakyat setelah keluar beramai-ramai membanjiri kawasan rapat raksaksa itu disifatkannya sebagai "membuktikan hasrat dan keazaman rakyat hendak membina masyarakat dan negara yang bersatu."

Menurut Tun secara tidak langsung ini membuktikan dengan terang bahawa seluruh rakyat berdiri teguh di belakang kerajaan menentang pengganas komunis dan anasir-anasir anti nasional yang menyokong mereka.

"Barangkali kalau ada pun orang-orang di Temerloh ini yang suka pada komunis ialah puak-puak Parti Rakyat yang sama tindak tanduknya hendak memecahbelahkan rakyat dan memburukkan kerajaan," kata Tun.

Tun Razak bagaimanapun gembira kerana rakyat sedar dan waspada terhadap putar belit anasir anti kerajaan itu dan faham akan tujuan dan cita-cita pembentukan Barisan Nasional sebagai usaha positif untuk menyatukan tenaga rakyat dari semua kaum.

Tun Razak berkata kita boleh berbangga kerana sebagai bangsa yang muda kita berjaya mencari penyelesaian sendiri tanpa bantuan sesiapa dalam menghadapi masaalah negara.

Perdana Menteri menegaskan mustahaknya perpaduan rakyat terutama sekali dalam menghadapi cabaran masa depan kerana negara senantiasa terpaksa menempuhi berbagai masaalah yang di luar kawalan seperti inflasi dan lain-lain.

Tun Razak membidas setengah golongan pemuda pemudi

NO. SIRI : 17
NO. PEN : 17/78

PTR. KA: 18 18/78

AHAD 21 APRIL 1974

TUN RAZAK NAFI PILIHANRAYA UMUM MENJELANG OKTOBER

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak hari ini menafikan bahawa pilihanraya umum akan diadakan dalam bulan Julai, Ogos, September dan Oktober depan.

"Ramalan-ramalan yang dibuat oleh setengah-setengah pihak mengenai perkara itu tidak benar," kata Tun Razak sambah menambah:

"Ramalan-ramalan itu adalah berpunca dari "Demam pilihanraya" yang sudah mula merebak di mana-mana saja sekarang."

Beliau memberitahu bahawa pilihanraya umum belum ditentukan lagi masanya dan kuasa penentuan itu ada pada "saya sebagai Perdana Menteri dan Ketua Kerajaan."

Kuasa mengadakan pilihanraya, kata Tun, hanya datang dari "Saya sendiri dan saya boleh menjalankan tanpa berunding dengan sesiapa pun."

Ketika merasmikan perwakilan UMNO Bahagian Pekan di Dewan UMNO di sini hari ini, Perdana Menteri berkata: "Tapi yang mustahak saya mesti mendapat persetujuan dari Seri Paduka Yang Dipertuan Agung untuk membubarkan Parlimen."

PEKAN 20 APRIL

Tun Razak bagaimanapun menyeru seluruh ahli politik supaya menjalankan usaha mengemaskan jentera parti bukan saja untuk persediaan jilihanraya, tetapi untuk kepentingan rakyat.

Penting

Untuk tujuan itu, kata Tun lagi, UMNO telah melantik setiausaha-setiausaha kerja bahagian bagi melicinkan perjalanan parti.

Menyentuh tentang kerjasama UMNO-PAS, Perdana Menteri menegaskan bahawa kerjasama kedua parti ini sangat penting kepada orang-orang Melayu dalam rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan sekarang.

Kerjasama itu juga, katanya lagi, dapat melicinkan lagi rancangan yang telah diatur untuk kepentingan orang-orang Melayu.

Beliau berharap kerjasama itu akan terus berkekalan bukan sahaja menjelang pilihanraya tapi hingga berpanjangan.

Menurutnya lagi, ujudnya kerjasama ini dapat menghindarkan pertelingkahan politik di sesebuah negeri yang berkenaan.

Dalam ucapannya itu juga, Tun Razak mengalu-alukan sokongan MCA kepada konsep Barisan Kebangsaan dan berharap pemimpin-pemimpin barunya akan bersama-sama dengan parti lain mara ke hadapan memajukan konsep itu.

Katanya: "Walaupun MCA kehilangan pemimpin besar bila Tun Tan Siew Sin meletakkan jawatan baru-baru ini, saya sukacita pemimpin-pemimpin parti itu sekarang tidak kurang memberikan kerjasama bagi meneruskan dasar-dasar kerajaan."

Katanya, pada 3 Mei satu rapat raksaksa menerangkan konsep Barisan Kebangsaan akan diadakan di Alor Setar dan satu lagi di Kelantan pada 9 Mei.

Tujuan mengadakan rapat serupa itu ialah bagi menggambarkan kepada rakyat azam parti-parti politik di negara ini untuk bekerjasama bagi meninggikan taraf hidup rakyat serta menyelesaikan sebarang keraguan yang timbul di kalangan rakyat tentang konsep tersebut.

Beliau menyeru ahli-ahli UMNO dan PAS di semua peringkat supaya memberi kerjasama kepada kerajaan menjayakan Dasar Ekonomi Baru untuk membaiki taraf hidup rakyat.

Tun Razak juga menyeru ahli-ahli Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO supaya memberikan kerjasama bukan sahaja dalam hal-hal politik tetapi juga dalam melaksanakan rancangan-rancangan bagi membolehkan rakyat berdamping lebih rapat dengan kerajaan dan parti.

Beliau percaya sejak UMNO Malaysia melantik setiausaha-setiausaha kerja bahagian rakyat telah dapat berdamping lebih rapat dengan kerajaan dan banyak kesulitan mereka dapat diselesaikan.

iksa barisan Pemuda dan Wanita UMNO Pekan pagi semalam.

NO. SIRI : 18
NO. PEN : 18/78

PTR. KA 19:19/78

Utusan Malaysia 23 April, 1974

Tun dedah pegawai tinggi lebih ramai bukan Melayu

KUALA LUMPUR
22 April.

TUN Abdul Razak mendedahkan hari ini bahawa kebanyakan pegawai tinggi dalam badan-badan berkanun, terutama di bidang teknik dan pengurusan adalah dari bukan Bumiputera.

Perdana Menteri menyebut Lembaga Letrik Negara, Keretapi Tanah Melayu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, NISIR, MARDI, MAS, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia ,FIDA, Institut Penyelidikan Getah, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia dan bebeberapa yang lain.

"Dalam jabatan saya sendiri, seperti Unit Perancang Ekonomi, Unit Perancang Am, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan terdapat beberapa orang pegawai bukan Bumiputera yang mengatasi rakan-rakan mereka dari Bumiputera," katanya.

Berucap semasa menggulung perbahasan atas titah diraja di Dewan Rakyat petang ini, Tun Razak membidas **Dr. Tan Chee Khoon** dan **Encik V .David** keduaduanya dari PEKEMAS kerana membangkitkan masaalah koposisi kaum dalam Perkhidmatan Awam dan lain-lain soal perkauman.

Beliau membidas mereka kerana cuba hendak 'Menangguk di air keruh' dan hanya tahu memburukburukkan kerajaan untuk berlagak sebagai pembela rakyat.

Tun Razak lalu memberi amaran kepada Dr. Tan supaya jangan memperkecilkan usaha kerajaan untuk menjamin keadilan kepada semua pihak.

Puashati

Bagaimanapun Tun Razak menerangkan bahawa beliau berpuas hati badan-badan berkanun mempunyai kakitangan yang menggambarkan kedudukan berbagai kaum di negara ini.

"Malahan di beberapa badan berkanun seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu, EPF, NISIR, MARDI, MAS, MISC, FIDA, RRI, MRDC dan beberapa badan lain, kakitangan peringkat tinggi kebanyakannya terdiri dari pegawai bukan Bumiputera, terutama dalam bidang teknikel dan pengurusan.

"Hanya di peringkat pertengahan dan rendah terdapat lebih sedikit pegawai-pegawai Bumiputera," katanya.

"Sekalipun ada rancangan untuk merapatkan jurang antara pegawai dalam badan berkanun dengan pengambilan pegawai-pegawai Bumiputera, namun bilangan pegawai bukan Bumiputera tetap lebih besar dari Bumiputera," tambahnya.

Oleh Tun Razak ditegaskan bahawa dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini terdapat keadaan tidak seimbang dalam kedudukan kakitangan kerajaan.

"Apa yang kita lakukan masa ini ialah dengan tujuan membaiki keadaan ini supaya pembahagian pekerjaan benar-benar mencerminkan keadaan penduduk di negara kita," katanya .

Tun Razak menyangkal dakwaan Encik V. David yang menyatakan bahawa peluang naik pangkat kepada pegawai-pegawai bukan Bumiputera nipis sebab mereka didiskriminasikan.

NO. SIRI : 19
NO. PEN : 19/78

PTB.KA 20 20/78

Kerajaan akan jalan Kempen Jimat Cermat – Razak

BUTIR-BUTIR KAWALAN HARGA BERAS LIHAT MUKA 2

Belanjawan cegah inflasi

KUALA LUMPUR 23 APRIL

TUN Abdul Razak hari ini mengumumkan langkah-langkah belanjawan dan kewangan bagi mengawal inflasi.

Langkah-langkah tersebut termasuklah menukarkan bentuk cukai ekspot yang ada sekarang bagi getah, minyak, kelapa sawit dan bijih yang dijangka dapat menambah pendapatan berjumlah $142 juta sepanjang tahun. Ia mula dikuatkuasakan jam 4 petang ini.

Lain-lain langkah yang diumumkan oleh Tun Razak dalam Dewan Rakyat ialah:

Tambahan

- Kerajaan akan menjalankan kempen jimat cermat. Semua jabatan kerajaan dan badan-badan berkanun diharap memainkan peranan utama dan menunjukkan contoh dalam perkara ini.
- Perbelanjaan tambahan bagi tahun ini tidak akan dibenarkan melainkan dalam kes-kes luarbiasa.
- Kerajaan akan memotong atau menangguhkan projek-projek yang tidak perlu dan begitu ekonomik.

Ini termasuklah pembinaan Dewan Keadilan dan Panggung Kebangsaan yang boleh ditangguhkan untuk sementara waktu.

- Perbelanjaan berkenaan dengan perayaan-perayaan dan perbelanjaan projek-projek yang tidak menambahkan daya pengeluaran harus dikurangkan lagi.

Perbendaharaan sedang menimbang kemungkinan menukarkan cukai tahun asas bagi mengira cukai pendapatan dan cukai tambahan pendapatan dari tahun yang telah berlalu ke tahun semasa.

Ini bermakna cukai pendapatan akan dikenakan pada tahun semasa pendapatan itu diperolehi.

Sanggup

Tun Razak mengingatkan jika rakyat tidak sanggup mengurangkan perbelanjaan maka adalah susah bagi kerajaan untuk mencegah inflasi.

Beliau menggesa rakyat berdikari dan jangan bergantung hanya kepada kerajaan bagi mengelakkan kesan-kesan buruk inflasi.

Dalam ucapannya, Tun Razak juga menyentuh langkah-langkah lain yang diambil oleh kerajaan termasuk [illegible] Malaysia, pemberian tiga faktor [illegible] bantuan buku-buku [illegible] harga itu ditetapi [illegible] sini, menyatakan [illegible] miskin, pemansuhan [illegible] berbagai barangan k[illegible] gulung ucapan [illegible] oalik sekatan impot. [illegible] umumkan demiki[illegible]

Selain dari itu, s[illegible] Datuk Hussein [illegible] sedang dijalankan di [illegible] sen di Johor." [illegible]

Kerajaan telah [illegible] yang besar jumlahnya [illegible] Negeri Sembilan dan Trengganu dan [illegible] keperluan dalam bulan [illegible] Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. [illegible] sidi-subsidi ini termasuk [illegible] Pinang dan Kawasan [illegible] duti-duti yang dimansuhkan [illegible] melebihi $400 juta dalam [illegible] ngandungi 45% [illegible] runcitkan dengan [illegible] kawasan [illegible] Pinang dan [illegible] Kuala Lumpur [illegible] sen di Negeri Sembilan dan Trengganu. [illegible] Datuk Hussein [illegible] sen di Johor." [illegible] umumkan demiki[illegible] gulung ucapan [illegible] berbagai barangan k[illegible] miskin, pemansuhan [illegible] bantuan buku-buku [illegible] harga itu ditetapi [illegible] kepada tiga faktor [illegible] git Malaysia, pemberian [illegible] [illegible] [illegible]

PTR. KA: 21 21/78

Jawankuasa pengkaji 7 orag dibentuk

Tun sambut baik bank pekerja

GAMBAR kelihatan Tun Razak sedang diiringi oleh Setiausaha Agun di Bangunan MTUC di Petaling Jaya untuk merasmikan Jubli Perak semalam. Di belakang Tun ialah isterinya Toh Puan Rahah.

KUALA LUMPUR 1 Mei — Satu jawatankuasa tujuh orang akan dibentuk untuk mengkaji butir-butir lanjut penubuhan bank pekerja yang dicadangkan itu, kata Tun Abdul Razak hari ini.

Perdana Menteri mengalu-alukan langkah Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk menubuhkan bank tersebut kerana "saya percaya penyertaan lebih ramai kaum pekerja dalam kegiatan ekonomi negara kita adalah satu perkara yang sangat baik."

Beliau berucap merasmikan perayaan Jubli Perak kongres itu di bangunan MTUC di Petaling Jaya.

Tun Razak memberitahu bahawa perkara penubuhan Bank Pekerja itu telah ditimbangkan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin.

Oleh CHAMIL WARIYA

Katanya, pemimpin-pemimpin MTUC sendiri telah menemuinya kerana membincangkan perkara itu.

"Bagaimanapun adalah penting bagi kita mempastikan bahawa penubuhan bank itu dapat memberi faedah kepada seluruh kaum pekerja. Bank itu kelak hendaklah dikawal dan diusahakan oleh mereka sendiri bukan saja di peringkat permulaan tetapi juga selama-lamanya.

Memberi faedah

"Kerana itulah saya telah bersetuju dibentuk sebuah jawatankuasa untuk mengkaji penubuhannya secara mendalam untuk menjamin supaya ia benar-benar memberi faedah kepada kaum pekerja.

"Ini kita lakukan untuk memenuhi cita-cita dan hasrat kaum pekerja di samping menjaga kepentingan mereka sepanjang masa," katanya.

Beliau memberitahu bahawa jawatankuasa itu akan mengemukakan syor-syornya tidak lama lagi.

Tun Razak kemudian mengumumkan sumbangan kerajaan sebanyak $250,000 iaitu bagi membiayai bangunan tambahan bangunan MTUC yang dirasmikannya itu.

Katanya, bangunan itu bolehlah dianggap sebagai "simbul kematangan dan kekuatan kongres."

Dalam ucapan seterusnya Tun Razak mahu supaya kesatuan-kesatuan sekerja terus mengamalkan sikap yang terbuka dan bekerjasama dengan kerajaan untuk menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh kaum pekerja.

"Semangat persefahaman dan kerjasama penting terutama kita berada dipertengahan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan dalam masa yang sama menghadapi masaalah inflasi", kata Tun Razak.

Mengenai kerjasama kesatuan sekerja dengan kerajaan selama ini, Tun Razak memberitahu, "saya sukalah menyatakan penghargaan kepada MTUC atas kerjasama sokongan yang diberikan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang sangat penting dan besar maknanya kepada rakyat dan negara".

Beliau menyebut tentang pertemuan-pertemuan dengan pemimpin MTUC dan berkata: "Mereka sedia merundingkan sesuatu issue dalam suasana yang baik dan semangat yang objektif serta bersedia menimbangkan cadangan-cadangan kerajaan demi menjaga kepentingan negara.

"Saya percaya selagi terdapat sikap yang terbuka dan semangat ingin bekerjasama ini kita akan dapat menyelesaikan masaalah-masaalah yang dihadapi oleh kaum pekerja," tegasnya.

Tun Razak memuji MTUC kerana mengadakan kegiatan untuk meninggikan daya pengeluaran ahlinya menerusi rancangan latihannya samada secara

NO. SIRI : 21
NO. PEN : 21/78

PTR·KA:22 22/78

Utusan Malaysia 20 Mei, 1974

PERIKATAN LAGI DI SG BARU

Bokti rakyat sokong Front Nasional - Razak

TUN Abdul Razak mensifatkan kemenangan Perikatan dalam pilihanraya kecil Melaka Kawasan Sungai Baru semalam sebagai memboktikan sokongan rakyat bukan sahaja terhadap UMNO bahkan kepada konsep Barisan Nasional.

Dalam satu kenyataannya hari ini, Perdana Menteri menyatakan kegembiraannya di atas kemenangan calun Perikatan, Encik Johari Yusof dalam pilihanraya kecil itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada penduduk kawasan Sungai Baru dan Perikatan Negeri di atas keazaman dan dedikasi mereka menjalankan jentera pilihanraya yang menghasilkan kemenangan cemerlang itu.

Encik Johari, 42, telah menewaskan calun PEKEMAS, Encik Abdull Ghani bin Long dalam pilihanraya itu dengan majoriti sebanyak 3,222 undi.

Bersorak

Keputusan itu telah diisytiharkan oleh Pegawai Pilihanraya, Encik Zakaria Haji Abu Hassan sebaik-baik sahaja selesai kiraan undi di Dewan Sekolah Menengah Ghafar Baba di Masjid Tanah lewat malam tadi.

Sebaik-baik sahaja pengumuman itu dibuat, beribu-ribu orang penyokong

KUALA LUMPUR
19 MEI

Perikatan telah bersorak-sorak dan menjulang Encik Johari. (Lihat muka 2).

Encik Johari telah mendapat sebanyak 4,568 undi mengalahkan calun PEKEMAS yang hanya mendapat 1,346 undi dengan 107 undi rosak. Sebanyak 71.41 peratus pengundi telah keluar mengundi.

Ketua Menteri, Haji Abdul Ghani Ali ketika ditemui di pejabatnya pagi ini berkata, kemenangan Perikatan itu juga membuktikan bahawa parti lawan memang tidak mempunyai kepercayaan rakyat.

Beliau bagaimanapun dukacita kerana didapati beratus orang pengundi yang keluar untuk membuang undi semalam mendapati nama mereka tidak tercatit di dalam pendaftaran menyebabkan kemerosotan peratus yang keluar mengundi dari 80.8 peratus dalam tahun 1969 kepada 71.41 peratus .

Kecewa

Beliau lalu menyeru pihak Suruhanjaya Pilihanraya supaya menyemak dan mengkaji semula daftar pemilih untuk mengelak berulangnya kejadian seumpama itu di masa akan datang.

Pengerusi PEKEMAS, **Dr. Tan Chee Khoon** bagaimana-

NO. SIRI : 22
NO. PEN : 22/78

PTR.KD 23 23/78.

Utusan Malaysia 31 Mei, 1974

Razak – Chou berunding dua jam dalam suasana mesra

PEKING 30 Mei — Tun Razak dan Perdana Menteri Chou En-lai akan menandatangani esok naskhah perjanjian hubungan diplomatik antara Malaysia dan Cina.

Dari MAZLAN NORDIN dan SUBKY LATIF

Ini ialah berikutan selesainya rundingan-rundingan selama dua jam pada peringkat menteri di Balai Besar Rakyat malam tadi.

Perbincangan-perbincangan dalam mesyuarat itu berlaku dalam "suasana persahabatan, terbuka dan terus terang."

Kenyataan bersama kedua pihak sedang disiapkan sekarang untuk siaran serentak di Kuala Lumpur dan Peking.

Tun akan mengadakan majlis jamuan balas malam esok di Balai Besar Rakyat.

Tuan Li Hsien-nien, Naib Perdana Menteri Cina akan menghadiri majlis tersebut, mewakili Tuan Chou En-lai.

Tun Razak pagi ini melawat selama tiga jam commune bintang merah persahabatan Cina — Korea, 15 batu di selatan Peking.

Perkampungan itu mempunyai 80,000 penduduk. Kedatangan Tun telah disambut dengan pukulan gendang, tiupan bugle oleh pengawal-pengawal merah dan teriakan alu-aluan "Huan ying, huan ying, jelie huan ying", yang bererti "Selamat datang, selamat datang, selamat datang dengan penuh mesra."

Commune

Tun Razak diiringi oleh Tuan Hua Kuo Feng, Ahli Biro Politik Parti Komunis Cina dan telah diberi penerangan mengenai commune itu oleh Tuan Lu Chun Lin, Pengerusi Jawatankuasa Revolusioner yang mentadbir perkampungan itu.

Dalam ucapan selepas majlis taklimat, Tun Razak berkata ia tertarik hati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh perkampungan itu. Kejayaan itu telah dicapai dengan semangat kerjasama dan kerja keras penduduk di situ dan ini boleh dicontohi.

Tun Razak telah dibawa melawat beberapa bahagian

LIHAT MUKA 12

Pengerusi Mao Tse-tung (kiri) sedang menyambut Perdan mengunjungi Pengerusi Mao di bilik bacaan di Peking kelmarin.

Tun Razak sedang melakukan lawatan rasmi ke Peking u Kuala Lumpur dan Peking.

Tun Razak juga telah mengadakan rundingan dengan Pe wat ke tempat-tempat yang termasyhur. — Gambar UPI.

DARI MUKA 1

commune itu termasuk bengkel di mana gadis-gadis kampung ikut sama belajar memperbaiki lori atau trektor yang rosak.

Beliau juga telah melawat rumah seorang petani biasa di perkampungan itu. Petang ini Tun Razak melawat Muzium Istana di kota larangan Peking yang bersejarah.

Kereta-kereta yang dinaiki oleh Tun dalam lawatan ke beberapa buah tempat itu lebih dari satu batu panjangnya, dan rakyat Cina yang berada di sepanjang jalan bertepuk dan melambaikan tangan mengalu-alukan pemimpin kita.

NO. SIRI : 23
NO. PEN : 23/78

PTR.KL:24 24/78

Utusan Malaysia 1 Jun, 1974

Razak disambut meriah

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak dan rombongannya telah diberi sambutan meriah ketika melawat Universiti Sin Hwa, di pinggir Bandar Peking pada 30 Mei lalu.

Rombongan Tun telah disambut dengan pukulan gendang dan sorak sorai serta nyanyian beramai-ramai oleh pelajar universiti itu.

Gambar menunjukkan betapa meriahnya sambutan para pelajar itu sebaik sahaja Tun dan rombongannya menaiki tangga universiti tersebut.

NO. SIRI : 24
NO. PEN : 24/78

PTR.KL:25 25/78

Utusan Malaysia 1 Jun, 1974

Razak daki Tembok Besar Negeri China

PEKING, 31 Mei — Tun Razak pagi ini menghabiskan masa kira-kira tiga jam melawat Tembok Besar dan Makam Maharaja Ming.

Di Tembok Besar itu Tun telah berjalan dan mendaki curam kira-kira 250 ela dan diberi penerangan ringkas mengenainya.

Tembok itu terletak 60 batu di utara kota Peking, panjangnya 6 ribu batu merentas lima propensi.

Suasana di sekitar tembok itu dingin dan kelihatan pandangan indah dengan bukit dan lurah.

Tun telah memanjat Tembok Besar China yang termasyhur itu sejauh 15 kaki lebih dari yang pernah dibuat oleh Presiden Nixon dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Kakuei Tanaka.

Dalam lawatan ke negara ini tahun 1972 dulu, Presiden Nixon memanjat tembok itu sehingga ke pangkalan nombor dua.

Tuan Tanaka pula, semasa melawat sini dulu, juga memanjat tembok itu sehingga ke pangkalan nombor tiga.

Tetapi, Tun Razak hari ini memanjat sejauh lebih 15 kaki dari pangkalan nombor tiga, iaitu bahagian kawasan paling Tembok Besar itu yang dibina semula.

Tetapi, Tan Sri Temenggung Jugah, Menteri Hal Ehwal Sarawak, yang berusia 73 tahun ini telah mengalahkan Tun Razak, Presiden Nixon dan Tuan Tanaka.

Tan Sri Temenggung Jugah berjaya sampai separuh jalan menuju ke pangkalan nombor empat iaitu tempat paling tinggi terletak kira-kira 780 kilometer dari paras laut.

Selepas itu rombongan beliau berangkat ke Makam Mahaja Ming di pinggir Peking. Sebanyak 13 Maharaja Dinasti Ming dimakamkan di situ, tetapi bahagian yang dikunjungi itu adalah makam Maharaja Chu Yi Chun 1573-1620, dan dua orang permaisurinya.

NO. SIRI : 25
NO. PEN : 25/78

PTR.KS : 26 26/78.

Utusan Malaysia 1 Jun, 1974

Jangan biarkan curiga pisahkan kita - Razak

TUN Abdul Razak dan Tuan Chou En-lai sedang mengangkat gelas masing-masing sebagai tanda ucap selamat bagi kerajaan dan rakyat Malaysia dan Republik Rakyat China di majlis jamuan meraikan Tun Razak oleh Tuan Chou di Peking kelmarin.

Dari SUBKY LATIF

PEKING 31 Mei — Tun Abdul Razak berkata malam ini perasaan bimbang dan curiga tidak seharusnya memisahkan Malaysia dan Republik Rakyat China seperti di masa lampau.

Perdana Menteri berkata: "Marilah kita meletakkan batu asas, sekeping demi sekeping, supaya menjadi tapak landasan persahabatan yang kekal abadi untuk rakyat kedua negara kita."

Beliau berucap di majlis jamuan balas meraikan Perdana Menteri China, Tuan Chou-En-lai di Dewan Besar Rakyat di sini. Tuan Chou tidak hadir di majlis itu, dan beliau diwakili oleh Naib Perdana Menteri, Li Hsien-nien.

Tun Razak yakin selama berada di Peking, kedua pihak berjaya merobohkan halangan-halangan yang telah memisahkan kedua-duanya sekian lama.

Dukacita

Katanya: "Apa yang berlaku tidak dapat dikatakan lagi. Namun kita berazam menghadapi masa kini dan masa depan dengan perasaan bebas dari curiga dan syak-wasangka."

Berikut ialah ucapan penuh Tun Razak di majlis itu:

"SAYA mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih atas kesudiaan tuan menghadiri majlis malam ini. Seterusnya saya mengucapkan terimakasih dan mengalu-alukan kehadiran para jemputan yang mulia dan sahabat yang memberi kami penghormatan pada malam ini. Saya amat dukacita kerana Perdada Menteri Chou tidak dapat bersama-ga dan syak wasangka. Proses mengenal dan memahami satu sama lain dengan baik akan mengambil masa. Ini tidaklah menghairankan ataupun patut dikesalkan. Apa yang lebih penting dan mustahak ialah kita harus mara ke hadapan. Marilah kita meletakkan batu asas, sekeping demi sekeping, supaya menjadi tapak landasan persahabatan yang kekal abadi untuk rakyat kedua negara kita.

Lawatan

Lawatan saya sejak sampai kemari amatlah menggembirakan. Saya merasa bertuah dapat bertemu dan berbincang dengan Pengerusi Mao Tse-tung yang meliputi bidang rangka yang luas, dan menyentuh cabaran-cabaran serta peluang-peluang terbuka di hadapan mengenai negara kita dan juga dunia. Saya sangat tertarik hati dan berterima kasih kerana perbincangan itu membayangkan, meskipun approach kita terhadap sesuatu masaalah itu berlainan, kita sebenarnya mempunyai kepentingan bersama dan tujuan yang sama pula.

Dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Chou, saya merasa amat puashati dengan hasil-hasil yang dicapai. Saya sangat berterima kasih kepada Perdana Menteri Chou atas penjelasan-penjelasan yang begitu terang dan nyata mengenai sikap dan pandangan negara ini atas perkara-perkara yang penting kepada kita bersama. Begitu juga di pihak saya, seberapa yang boleh telah dapat menerangkan pendapat dan pandangan kami mengenai perkembangan-perkembangan di Asia Tenggara ini. Pengertian dan persefahaman yang dihasilkan oleh pertemuan ini, saya yakin akan memupuk serta mempererat hubungan antara negara kita.

Perhubungan yang terjalin hari ini boleh diibaratkan sebagai pohon yang baru saja tumbuh dan tentulah menjadi tugas kita bersama menjamin pohon itu dipupuk supaya segar dan kuat demi kebajikan rakyat kita bersama dan juga sahabat-sahabat lain yang mempunyai hubungan dengan kita.

NO. SIRI : 26
NO. PEN : 26/78

PtR.KA 27 27/78.

SABTU 1 JUN 1974 —

Malaysia-Taiwan putus

HUBUNGAN KL-PEKING DIRASMI

PEKING 31 Mei — Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China hari ini telah merasmikan penubuhan hubungan diplomatik.

Naskhah perjanjian itu telah ditandatangani oleh Perdana Menteri Tun Razak dan Perdana Menteri Chou En-lai di Dewan Besar Rakyat di sini.

Serentak dengan masa perjanjian itu ditandatangani Kerajaan Malaysia telah memutuskan semua hubungan diplomatik dengan Taiwan yang berjalan mulai hari ini juga. (Lihat berita di sebelah).

Berikut dengan upacara menandatangani perjanjian itu satu kenyataan bersama telah diterbitkan serentak di Kuala Lumpur dan di Peking.

Kenyataan itu menyebut bahawa Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kerajaan Republik Rakyat China sebagai kerajaan yang tunggal dan sah bagi Negeri China dan Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China.

Manakala Kerajaan Republik China pula mengiktiraf Kerajaan Malaysia serta menghormati kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia.

NO. SIRI : 27
NO. PEN : 27/78

Dari MAZLAN NORDIN

Kenyataan itu selanjutnya merakamkan bahawa kedua buah kerajaan berpendapat semua pencerobohan, campur tangan, penaklukan serta kegiatan-kegiatan subversif oleh kuasa asing adalah diharamkan.

Kenyataan bersama itu juga menyebut bahawa kedua buah negara itu akan menubuhkan kedutaan masing-masing di kedua ibunegara dalam tempoh yang singkat.

Kenyataan

Kenyataan itu berkata bahawa China mengambil ingatan bahawa Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang terdiri dari Melayu, China, dan keturunan India.

Kenyataan itu selanjutnya menyebut bahawa kedua-dua buah kerajaan tidak mengiktiraf dua kerakyatan.

Berikut ialah kenyataan itu sepenuhnya:

"Atas undangan Tuan Yang Terutama Chou En-lai, Perdana Menteri, Majlis Negara, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia, telah melawat Republik Rakyat China dari 28hb. Mei hingga 2hb. Jun, 1974.

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah diiringi oleh wakil parti-parti politik kerajaan serta pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam lawatannya, Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah bertemu dengan Pengerusi Mao Tse-tung dan menyampaikan ucapan selamat bahagia Kerajaan Malaysia kepadanya. Mereka telah bertukar fikiran dalam suasana persahabatan dan dengan berterus-terang.

Perdana Menteri Chou En-lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-nien dan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak telah mengadakan pertukaran fikiran yang luas meliputi berbagai-bagai perkara berkenaan dengan perhubungan antara dua pihak, serantau dan antarabangsa.

Pertukaran fikiran ini telah diadakan dengan berterus-terang dan dalam suasana persahabatan.

Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju bahawa dalam tahun-tahun kebelakangan ini keadaan di Asia telah mengalami perubahan-perubahan mendalam yang membawa kebaikan kepada rakyat kesemua negara.

Adalah selaras dengan kepentingan-kepentingan Rakyat Negara-negara China dan Malaysia untuk menjalin perhubungan antara kedua negara. Untuk memenuhi tujuan ini, kedua-dua Perdana Menteri telah mengambil keputusan mengumumkan perjalanan hubungan di antara negara-negara mereka dengan mengeluarkan kenyataan bersama ini.

Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Malaysia, dengan tujuan untuk mengukuhkan tali persahabatan tradisional di antara rakyat kedua negara, telah mengambil keputusan untuk saling mengiktiraf kerajaan-kerajaan mereka masing-masing dan menubuhkan hubungan diplomatik bermula daripada tarikh kenyataan bersama ini diumumkan.

Kedua-dua kerajaan berpendapat, bahawa walaupun sistem-sistem sosial di Republik Rakyat China dan Malaysia adalah berlainan

Sambongan, 1hb. June, 1974

Keutuhan wilayah akan tetap dihormati

(DARI MUKA 1)

hormati kedaulatan dan keutuhan wilayah sesebuah negara, tidak cerobohmencerobohi, saling tidak mencampuri hal ehwal dalam negeri masing-masing, mempunyai persamaan taraf serta faedah bersama, dan hidup bersama dengan aman damai.

Kedua-dua kerajaan berpendapat bahawa semua pencerobohan, campur tangan, penaklukan serta kegiatan subversif oleh kuasa asing adalah diharamkan.

Mereka berpendapat bahawa sistem sosial sesebuah negara itu mestilah dipilih dan ditetapkan hanya oleh rakyat negara itu sendiri.

Mereka menentang sebarang percubaan oleh mana-mana negara atau sekumpulan negara-negara yang hendak mengujudkan kawasan lingkungan kuasanya atau membentuk kawasan di bawah pengaruhnya di manamana sahaja di dunia ini.

Kerajaan Malaysia mengiktiraf Kerajaan Republik Rakyat China sebagai kerajaan yang tunggal dan sah bagi Negeri China, dan mengakui pendirian Kerajaan China bahawa Taiwan adalah sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China yang tidak boleh dipisahkan.

Kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk menutup konsuletnya di Taipei.

Kerajaan Republik Rakyat China mengiktiraf Kerajaan Malaysia serta menghormati kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia.

Kerajaan Republik Rakyat China mengambil perhatian bahawasanya Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang penduduknya terdiri dari kaum-kaum berketurunan Melayu, China dan lain-lain.

Kedua-dua Kerajaan Republik Rakyat China dan Kerajaan Malaysia mengisytiharkan bahawa mereka tidak mengiktiraf dua kewarganegaraan.

Berlanjutan dengan prinsip ini, Kerajaan China berpendapat iaitu sesiapa jua berketurunan China yang telah mengambil dengan kerelaannya sendiri atau mendapat kewarnegaraan Malaysia maka dengan secara otomatik hilanglah kewarnegaraan China bagi dirinya.

Untuk mereka yang bermastautin di Malaysia dan yang dengan kerelaannya sendiri terus memegang kewarganegaraan China; Kerajaan China, selaras dengan dasarnya yang tidak berubah, akan mewajibkan mereka itu mematuhi undang-undang Kerajaan Malaysia, menghormati adat-resam dan kebiasaan rakyatnya dan hidup berbaik-baik dengan mereka.

Hak-hak serta kepentingan-kepentingan mereka yang berpatutan akan dilindungi oleh Kerajaan China dan akan dihormati oleh Kerajaan Malaysia.

Perdana Menteri Chou En-lai dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak bersetuju bahawa kedua-dua kerajaan, sesuai dengan amalan antarabangsa akan saling memberi segala bantuan yang dianggap perlu untuk menubuh serta menjalankan tugas-tugas kedutaan di ibu negara masing-masing dan bahawa duta besar masing-masing akan mengambil tempat mereka dengan secepat mungkin.

Mingguan Malaysia 2 Jun, 1974

PTR.KA: 28 28/78.

Tun gembira

DARI MUKA 1

Tetapi kalau mereka hendak terus di Malaysia mereka mestilah patuh kepada undang-undang negara Malaysia.

"Terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan".

Menurut Tun, Perdana Menteri Chou En-lai juga telah bertanya bagaimana masyarakat pelbagai kaum di Malaysia diintegrasi.

'Beliau turut puashati dengan penjelasan yang saya berikan", kata Tun lagi.

Tuan Chou sependapat dengan Mao mengenai masaalah orang-orang China seberang laut, Tun menambah.

Tun memberitahu bahawa Tuan Chou telah menyatakan sokongan kerajaan China kepada dasar berkecuali Malaysia dan menyokong hak milik Malaysia dan Indonesia mengenai Selat Melaka.

Kata Tun: "Saya percaya mereka akan menolong kita dalam hal ini'.

Menurut Tun selanjutnya, Tuan Chou dan lain-lain pemimpin China tidak menganggap negeri mereka sebagai kuasa besar tetapi termasuk dalam golongan negara-negara dunia ketiga yang menyokong konsep neutrality Asia Tenggara.

Bercakap mengenai orang-orang China seberang laut, Tuan Chou menyatakan bahawa Malaysia dan lain-lain negara Asia Tenggara tidak perlu bimbang terhadap campurtangan China dalam negara itu.

Tun gembira sekali kerana kunjungannya ke Negeri China sangat berjaya.

Mao telah menghadiahkan Tun gambar berwarna mereka berjabat tangan lengkap dengan tandatangan Mao sendiri.

Tun pula menghadiahkan Mao satu set changkir teh.

Tun kemudian menyeru masyarakat China di Malaysia supaya memahami nasihat dan anjuran dari Mao dan Tuan Chou serta lain-lain pemimpin China.

Razak — Chou tandatangani perjanjian

PERDANA Menteri China Tuan Chou En-lai (duduk di kanan) dan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdul Razak (kiri) sedang menurunkan tandatangan mereka pada kenyataan bersama di Peking kelmarin bagi mengadakan hubungan diplomatik penuh di antara kedua-dua buah negara. — Gambar UPI.

Dari MAZLAN NORDIN dan SUBKY LATIF

SHANGHAI 1 Jun — Mao Tse-tung, Perdana Menteri Chou En-lai dan lain-lain pemimpin China mahu orang-orang keturunan China di Malaysia taat setia kepada Malaysia serta patuh kepada undang-undang negara.

Dan Mao sedia menerima orang-orang China yang masih menjadi warganegara China untuk pulang ke tanahair mereka.

Ini dinyatakan oleh Mao kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dalam pertemuan mereka selama satu setengah jam — lebih lama dari yang dijadualkan.

Tun Razak telah bertemu dengan Mao dalam masa 24 jam selepas ketibaannya atas jemputan Mao sendiri.

Urusan Malaysia

Bercakap kepada para wartawan Malaysia yang mengikuti rombongannya, Tun Razak juga memberitahu hal-hal berikut:

* Mao tidak menganggap orang-orang China seberang laut sebagai rakyat Negeri China.
* Berhubung dengan pengganas komunis di Malaysia, Mao berpendapat bahawa itu adalah urusan Malaysia sendiri dan terpulanglah kepada Tun Razak untuk bertindak terhadapnya.
* Mao menentang sebarang langkah untuk memberi bantuan kepada pengganas-pengganas komunis di Malaysia kerana ini boleh merosakkan perhubungan dan kerjasama antara Malaysia dan China.
* Mao setuju mengadakan hubungan perdagangan secara terus dengan Malaysia tanpa melalui orang tengah.
* Malaysia dan China akan bertukar-tukar duta dalam masa enam bulan ini.

Menurut keterangan sumber yang rapat dengan perwakilan Malaysia menyatakan Pejabat Perwakilan Malaysia akan ditubuhkan di Peking tidak lama lagi diketuai oleh seorang kuasausaha.

Tun Razak berkata, Mao telah bertanya kepadanya bagaimana ia mengintegrasi rakyat Malaysia dari pelbagai kaum.

Tun menjawab bahawa perkara itu dilakukan menerusi penyatuan pelajaran, dasar bahasa dan sebagainya.

"Mao tertarik hati dengan penjelasan yang saya berikan itu," kata Tun lagi.

Mengenai orang-orang China yang masih menjadi warga negara China, Mao berkata mereka boleh balik kalau mereka mahu dan Kerajaan China akan mengeluarkan paspot.

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 3)

NO. SIRI : 28
NO. PEN : 28/78

Utusan Malaysia 5 Jun 1974

PTR.KA : 29 29/78.

Taat setia kepada Raja, negara kewajipan mutlak — Razak

KUALA LUMPUR 4 Jun — Taat setia kepada Raja dan negara adalah kewajipan mutlak setiap rakyat kerana ia adalah tali ikatan yang boleh menyatukan kita semua sebagai satu bangsa, kata Perdana Menteri Tun Razak hari ini.

Katanya, "sebagai negara berbilang bangsa, tapak asas perpaduan rakyat ialah hubungan muhibbah, sikap tolerensi dan saling mengerti antara satu sama lain."

Beliau menyatakan demikian ketika membuka rasmi pameran "Raja Kita" di Muzium Negara sempena Hari Keputeraan Ke-46 Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung esok.

Turut menghadiri upacara itu ialah menteri-menteri kabinet dan para diplomat asing.

Menurut Tun, tanpa semangat cintakan negara dan patriotism, maka wujud kita sebagai sebuah negara adalah tidak bermakna sama sekali.

Perdana Menteri menyatakan keyakinannya bahawa negara akan mencapai matlamat yang dituju "asalkan kita melakukan tanggungjawab dan memupuk kesedaran antara satu sama lain terhadap mengusahakan cita-cita bersama itu."

Perkembangan dan kemajuan di bidang ekonomi, terutama dalam perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru amat menggalakkan dan ini menjamin harapan yang baik kepada setiap rakyat, kata Tun.

"Meskipun negara menghadapi inflasi, namun kita telah mengambil langkah-langkah positif meredakan tekanannya agar tidak menghalang usaha-usaha kita membina bangsa yang bersatu," tegas beliau.

Mengenai bidang politik pula, konsep National Front yang menggabungkan tenaga sebahagian besar rakyat sangat memuaskan dan ini diharap akan menimbulkan suasana yang

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 5)

Taat kepada negara

DARI MUKA 1

segar dan cerah di masa hadapan, ujar Perdana Menteri.

"Bagaimanapun", tambah Tun Razak, "lapangan pendidikan merupakan area penting masa hadapan kerana melalui dibangku-bangku sekolah perasaan memupuk kesedaran dan saling menghormati serta tata susila yang baik bagi jenerasi muda dapat disalurkan.

Menurut Tun, Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dilaksanakan masa ini akan membawa integrasi dan perpaduan di kalangan anak-anak serta memperkukuhkan hubungan mesra antara rakyat berbiang kaum.

"Usaha-usaha yang dilakukan oleh sebaran am berjaya dengan lebih berkesan memupuk penyertaan rakyat dalam mencapai matlamat-matlamat nasional ini," tegas beliau.

Terdahulu dari itu, Menteri Perpaduan Negara, Tun Sambanthan dalam ucapannya pula berkata bahawa pameran ini dianjurkan dengan kepercayaan bahawa ia boleh memberi sumbangan terhadap kefahaman yang lebih mendalam atas ketaatan rakyat yang sama terhadap raja dan negara.

"Adalah penting dalam konteks memproses pembinaan negara bahawa kita patut memahami prinsip-prinsip seperti yang termaktub dalam Perlembagaan, termasuk kebebasan seseorang itu," tambahnya.

NO. SIRI : 29
NO. PEN : 29/78

KHAMIS 6 JUN 1974

PTR KA: 30 30/78

Harapan Razak pada keturunan China

DARI MUKA 1

"Lawatan patek itu mendapat perhatian besar dan layanan yang luar dugaan di negara China itu dah ini merupakan satu penghormatan yang tidak ternilai harganya kepada Kerajaan Ke bawah Duli Tuanku," tambah Tun.

Menurut Tun, ini juga membuktikan kepada pengganas-pengganas komunis dan penyokong-penyokong mereka bahawa Kerajaan Malaysia diakui dan diiktiraf oleh Republik Rakyat China.

"Oleh itu perjuangan mereka adalah sia-sia sahaja kerana mereka menentang kehendak dan hasrat rakyat. Mereka bukan berjuang untuk kemerdekaan bahkan menentang kemerdekaan negara yang diakui oleh semua kuasa-kuasa besar dunia," ujar beliau.

Tun Razak gembira kerana dasar luar Malaysia yang prakmatik, berlandaskan konsep berkecuali dan ingin bersahabat dengan semua negara tanpa mengira sistem sosio-politik mereka itu telah meletakkan nama Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia antarabangsa.

Perdana Menteri memberitahu bahawa kemajuan yang dicapai dalam bidang ekonomi dan sosial di negara ini juga sangat memuaskan.

Menurut Tun, setiap negeri sekarang ini sedang giat memperluaskan bidang perindustriah mereka sesuai dengan dasar kerajaan beransur-ansur mengubah corak ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian.

Di samping itu, sejajar dengan keperluan ekonomi perindustrian, pendidikan dan latihan tenaga manusia pada semua peringkat juga sedang diperkembangkan meherusi pusat-pusat pengajian tinggi, pusat-pusat latihan kemahiran dan sekolah-sekolah.

Perdana Menteri memberitahu, Kerajaan Seri Paduka juga sedar bahawa kemajuan material menerusi perindustrian dan proses memodenkan masyarakat itu mesti diperseimbangkan dengan usaha-usaha pembangunan rohani, terutamanya di kalangan golongan belia.

"Penubuhan Yayasan Dakwah Islamiah tiga bulan lalu adalah langkah tegas untuk meningkatkan pembangunan rohani itu di samping mengembangkan penyebaran agama Islam sebagai langkah meninggikan syiar Islam di negara ini," kata Tun.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai Hadiah Karya Sastra Nasional yang dikeluarkan sebagai menghargai usaha-usaha di lapangan persuratan bertujuan untuk mengisi keperluan rohaniah masyarakat dengan bahan-bahan bacaan yang berguna.

Bagaimanapun, menurut Tun, mulai tahun ini corak pemberian Hadiah Sastra itu diubah sedikit, iaitu dengan memberi penghargaan kepada penulis atau sastrawan yang paling terkemuka meninggi mutu dan nilai penulisan novel, cerpen, sajak dan essei.

Kerajaan Seri Paduka juga, kata Tun, sekarang bercadang mengadakan hadiah untuk penulisan berita terbaik seperti yang dibuat mengenai Hadiah Pulitzer supaya taraf dan mutu persuratkhabaran di negara ini mencapai tingkatan yang lebih tinggi lagi.

Harapan Tun kepada rakyat keturunan China

TUN Abdul Razak yakin perpaduan dan muhibbah antara rakyat Malaysia yang sebahagiannya berasal dari keturunan China dapat diperkukuhkan lagi dengan terjalinnya hubungan diplomatik Malaysia—RRC baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 5 JUN

Ini, menurut Tun, adalah hasil dari tercapainya persetujuan hormat menghormati antara satu sama lain dan tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing antara kedua buah negara itu.

Berucap ketika menyembahkan ucapan tahniah ke bawah Duli Yang Dipertuan Agung di Istiadat Mengadap sempena hari keputeraan Seri Paduka yang ke 46 di Istana Negara di sini pagi ini, Perdana Menteri juga telah:

* Menyembahkan keazaman Kerajaan Seri Paduka untuk terus mendapatkan sokongan dan kerjasama rakyat dalam usaha meningkatkan pembangunan dan mengawal keselamatan negeri supaya ekonomi negara terus berkembang maju dalam semua bidang;

* Menyatakan keyakinannya bahawa dengan semangat tabah dan keazaman, rakyat Seri Paduka akan berhasil membersihkan kampung dan daerah mereka dari sebarang sakibaki pengganas dan perosak masyarakat itu; dan

* Mengumumkan bahawa kehendak dan keperluan tenaga manusia terlatih untuk pembangunan besar-besaran di Pahang Tenggara luar negeri, "kerana nyata sekali rakyat dari semua golongan dan lapisan sangat berkehendakkan kepada keamanan dan kestabilan."

Menyentuh lawatannya ke RRC baru-baru ini, Tun Razak menyembahkan: "Kerajaan ke bawah Duli Tuanku telah menempa sejarah baru dengan terjalinnya perhubungan yang mempunyai makna penting buat Malaysia dan rantau Asia Tenggara itu."

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 6)

NO. SIRI : 30
NO. PEN : 30/78

Utussan Malaysia 6 Jun 1974

PTR. KA : 31 31/78

Chou En-lai menyebut pertemuan 90 minit itu sebagai "interbiu Mao dengan Tun Razak"

Tun Razak bertemu Mao sebelum mulakan rundingan

Oleh Subky Latif

TUN RAZAK dan Tuan Chou En-lai dijadualkan berunding antara pukul 3.30 atau pukul 4.00 petang Rabu lalu. Wartawan dibenarkan masuk ke bilik mesyuarat kira-kira lima minit untuk mengambil gambar.

Maka berkumpullah kami di Balai Besar Rakyat menunggu saat yang ditunggu itu. Peking terlalu memberati protokol. Apa yang akan berlaku agak sukar diduga.

Belum sempat lima minit berjalan-jalan di tangga balai itu datanglah perkhabaran:

"Perundingan dibatalkan. Tun Razak bertemu dengan Pengerusi Mao sekarang."

Protokol

Kami berhajat untuk rehat atau membeli-belah. "Kensel," seorang dari kami berkata. Masing-masing dulu mendului mengejar motokar untuk balik ke Min Zu Hotel untuk merebut talipon ke Kuala Lumpur. Siapa dapat dulu dialah beruntung. Linenya cuma satu. Terpaksa bergilir-gilir.

Tetapi motokor juga ikut protokol. Yang belakang tak bergerak selagi yang di depannya tak bergerak..

Pertemuan Tun — Mao itu membunuh segala berita lain dan rancangan-rancangan yang diatur. Tun memang patut bertemu Mao. Tetapi apakah Tun boleh bertemu tidak dapat dipastikan sehingga Tun sudah berada di Peking. Tidak siapa dapat memberi telahan.

Ada tidaknya Tun dijangka bertemu dengan Mao tengahari Jumaat sekembalinya beliau dari Tembok Besar. Itupun banyak tanda soal-

Mao dengan Tun Razak."

Hal ini dikira agak luar biasa sedikit dengan Peking dan Mao yang menjaga protokol itu. Kalau diikut tinjauan Reuter, nyatalah ini satu keistimewaan yang jarang-jarang berlaku.

Mao biasa bertemu dengan tetamu agung tetapi bukan di awal lawatan orang itu atau bukan sebelum mereka mengadakan rundingan peringkat menteri.

Tun Razak bertemu dengannya sebelum memulakan rundingan. Dan Tun bertemu dengannya selama satu setengah jam. Agak lama dibandingkan dengan lain-lain pemimpin. Mengapa?

Dengan sendirinya rundingan Tun Razak dengan pemimpin China bermula dari atas ke bawah. Selalunya kejadian di Peking ini ialah dari bawah ke atas.

Pertemuan Tun dengan Mao adalah sangat-sangat dikehendaki oleh Malaysia dan juga penyokong-penyokong Malaysia yang mencari perdamaian di Asia Tenggara. Sebabnya ialah bagi China, Mao adalah satu-satunya pemimpin yang utuh yang tidak ada cacat-celanya. Segala-galanya di tangannya.

Diplomasi

Tidak ada persetujuan kalau Mao tidak setuju. Tidak ada perdamaian kalau Mao tidak suka berdamai. Dan perundingan atau interbiu Mao dengan Tun itu dilapurkan berjalan secara terus terang dan lancar dengan semangat muhibah pula.

Apa yang dirundingkan payah hendak diagak. Mengikut

*** PENGERUSI Mao Tse-tung (kiri) dan Tun Razak sedang berjabat tangan ketik Tun menemui Pengerusi Mao di bilik bacaan Mao di Peking pada 29 Mei yang lalu. Ke dua-dua pemimpin ini telah berunding selama 90 minit.**

perkara-perkara kepentingan bersama.'

Bagaimanapun suasana interbiu itulah yang memudahkan licinnya rundingan antara Tun Razak dengan Chou En-lai yang ditunda selama tiga jam itu. Pertemuan Tun — Chou selama dua jam bermula di maghrib itu mudah sangat mencapai persetujuan.

Persetujuan itu memang suduh diduga. Ucapan Chou En-lai di majlis meraikan Tun Razak itu sendiri sudah membuka pintu untuk mencari muafakat. Tetapi bila ditambah oleh cara Mao itu, maka jadilah hal itu bertambah mudah.

Pemerhati pemerhati sedang meneliti apakah analisa yang tepat terhadap sikap Mao yang tiba-tiba itu. Tetapi di kerana Mao ingin tahu tentang konsep perkecualian Asia Tenggara yang dipelopori oleh Tun Razak itu!

Manu mengenali Tun Razak dari dekat atau manu tahu lebih cepat tentang cara-cara untuk lebih berdekat dengan Asia Tenggara?

Dan boleh jadi juga Mao sendiri sudah melihat betapa sungguhnya Tun Razak dalam mencari persefahaman dengan semua orang dan mencari keamanan.

Nuklear

Tun Razak sebenarnya sudah menunjukkan kesungguhan dalam mencari persefahaman dengan China. Hubungan diplomatik antara kedua negara belum dirasmikan ke-

Apa perlunya Tun datang ke Peking untuk menjalin hubungan itu? Apa salahnya diumumkan saja seperti yang dilakukan dengan Hanoi dan Pyongyang dulu?

Tetapi Tun yang menyedari bahawa China adalah dari kumpulan dunia ketiga dan negara besar dan punya senjata nuklear tentu tidak gentar dengan negara sekecil Malaysia.

Jadi Tun menunjukkan satu contoh membelakangkan kelaziman. dengan mengambil langkah realistik pergi sendiri ke Peking, berunding dengan pemimpin-pemimpin China dan kemudian merasmikan hubungan diplomatik itu.

Di samping itu ada juga perkara-perkara yang boleh dipe-

reka sudah salin hormat menghormat dan bangsa itu ter tulah boleh membu kerjasama yang le bih erat.

Sikap Tun dan s kap Mao sudahpu melahirkan 'detant antara kedua nega ra, dan moga-mog persahabatan itu be kekalan sebagai yan dikehendaki o l e 'toast' yang dilaku kan oleh tiap-tia seorang dari kedu bangsa itu.

Dijalin

Suatu hal yan perlu diperhatikan walaupun Mao sedi bertemu dengan Tu tanpa menghirauka protokol, dan s e dangkan Brezhnev ke luar Moscow semas Tun berada di nega ranya, tidaklah ber erti bahawa Malay sia adalah lebih ra pat dengan Peking

Mingguan Malaysia 9 Jun, 1974

PTR. KA: 32 32/78

Tun: Tindakan dari perasaan curiga boleh jadi ancaman

KUALA LUMPUR 8 JUN

TUN Abdul Razak mengingatkan hari ini tindakan pihak-pihak tertentu yang berpunca dari curiga dan syak wasangka terhadap sistem pendidikan sekarang boleh merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

Beliau berkata tindakan-tindakan itu akan lebih membahayakan sekiranya dipergunakan pula oleh anasir-anasir anti-nasional untuk menjalankan jarum politik mereka.

Berucap selaku Canselor Universiti Kebangsaan di majlis penyampaian ijazah (convocation) para siswazah universiti itu di Bangunan Parlimen petang ini, Perdana Menteri menegaskan bahawa pendidikan hendaklah memenuhi cita-cita politik rakyat.

Beliau menyentuh juga beberapa perkara lain:

° Dalam lawatannya ke Republik Rakyat China baru-baru ini beliau berkesempatan melawat ke Tsinghua Universiti di Peking.

Katanya: "Meskipun kita mempunyai sistem pentadbiran dan corak sosial yang berlainan, namun kita boleh mengambil pengajaran dari pengalaman mereka iaitu pendidikan hendaklah memenuhi cita-cita politik rakyat.

"Bagi kita di Malaysia ini matlamat cita-cita ini adalah juga sama, hanya dalam konteks rakyat negara kita yang berpegang pada demokrasi dan berpandu kepada Rukunegara.

"Walaupun antara kita dengan mereka mempunyai cita-cita yang berbeza, tetapi kita harus mengambil jalan yang berlainan sesuai dengan watak dan keperibadian negara kita sendiri."

Susila

Ingin melihat mahasiswa di negara ini amnya mempunyai watak yang ideal dalam semua bidang — tajam otak, jasmani yang sihat dan susila yang tinggi supaya benar-benar mencerminkan manusia yang intelek dan budaya.

Tun Razak yakin sistem pendidikan yang ada sekarang menjamin kehendak semua pihak berkenaan dan menjaga kepentingan masing-masing, terutama warisan kebudayaan warganegara yang berlainan rumpun bangsa.

"Oleh itu saya rasa tidaklah kena pada tempatnya tindakan-tindakan yang sebenarnya berpunca daripada rasa curiga dan syak wasangka yang sengaja ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu.

"Tindakan - tindakan seperti ini boleh merupakan ancaman terhadap keselamatan negara andaikata dipergunakan pula oleh anasir-anasir anti-nasional untuk menjalankan jarum politik mereka", katanya.

Beliau lalu menekankan perlunya dijaga persefahaman sistem pelajaran supaya tidak menyeleweng dan benar-benar mengikut landasan yang ditentukan itu.

Hasrat

Tun Razak menyebut peringkat pengajian tinggi khususnya. Menurutnya mereka yang mendapat menafaat dari kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan hendaklah menggunakan peluang itu sebaik-baiknya agar dapat pula memberi sumbangan kepada hasrat dan cita-cita negara.

Beliau menarik perhatian bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan yang berlandaskan bahasa penyatuan — Bahasa Malaysia — adalah landasan sebaik-baiknya bagi mencapai matlamat membina bangsa Malaysia yang berkebudayaan, berhaluan dan teguh bersatu, berpandukan prinsip-prinsip Rukunegara.

NO. SIRI : 32
NO. PEN : 32/78

Utusan Malaysia 11 Jun 1974

PTR.KA. 33 33/78

Berucap dalam Bahasa Malaysia di jamuan negara di Peking

KGMMB puji sikap Razak

KUALA LUMPUR, 10 Jun—Langkah Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berucap dalam Bahasa Malaysia dalam majlis jamuan negara yang diberikan oleh pemimpin China di Peking baru-baru ini telah disanjung tinggi oleh Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB).

"KGMMB merasa amat bangga dengan kejayaan Tun, terutama bila mendengar dengan jelas dan lantang ucapannya dalam Bahasa Malaysia di jamuan negara yang diberikan oleh Perdana Menteri China sebagai meraikan Tun.

"Dengan perkataan lain, Tun telah dengan banggany memperkenalkan Bahasa Malaysia di sebuah negara asing dan dalam satu peristiwa agung yang seluruh dunia menumpukan perhatian mereka," kata setiausaha agung kesatuan itu, Encik Mohd Kassim Harun hari ini.

Dalam satu surat yang dihantar kepada Tun Razak, Encik Mohd Kassim berkata seluruh anggota KGMMB mengucapkan tahniah di atas kejayaan Tun melakukan lawatan ke negeri China untuk tujuan menghubungkan kedua buah negara.

Tidak syak lagi, kejayaan Tun ini disambut baik oleh dunia dan seluruh rakyat di negara ini, kata beliau.

Dalam kontek ini, menurut Encik Mohd Kassim, KGMMB ingin turut serta mengalu-alukan kejayaan Tun di samping berdoa moga-moga Allah terus memperkenankan cita-cita lain lanjutan daripada hubungan diplomatik ini.

Katanya, peristiwa Tun berucap dalam Bahasa Malaysia adalah mempunyai pengertian yang amat besar kepada seluruh rakyat negeri ini yang sudah mula menanamkan rasa cinta dan kasih mereka kepada bahasa ibunda kita sebagai alat perpaduan rakyat.

KGMMB merasakan seolah-olah menerima satu hadiah yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata akan tinggi nilainya hasil dari peristiwa yang amat bersejarah itu, kata Encik Mohd Kassim.

PTR.KA :34 34/78.

Utusan Malaysia 11 Jun 1974

Razak singgah di Karachi

KARACHI 10 Jun — Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak yang singgah sebentar di Karachi semalam dalam perjalanannya ke Geneva untuk menghadiri Persidangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa minggu depan, memberi ahu para pemberita di sini bahawa segalagalanya telah siap diatur di Kuala Lumpur untuk Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang akan bermula pada 21 Jun ini. — AP.

NO. SIRI : 33
NO. PEN : 33/78

NO. SIRI : 34
NO. PEN : 34/78

Utusan Malaysia 11 Jun 1974

PERDANA Menteri Tun Razak mengadakan rundingan berterus-terang dan ramah mesra dengan Perdana Menteri China, Chou En-lai mengenai butir-butir lengkap penubuhan hubungan diplomatik kedua negara pada 29 Mei yang lalu.

Utusan Malaysia 18 Jun, 1974

PTRKD: 35 35/78

Menentukan perjalanan akhbar sesuai dengan kepentingan negara

TUBUH BADAN PENGAWAS-TUN



PERDANA MENTERI, Tun Abdul Razak kelihatan sedang masuk ke Dewan Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur untuk merasmikan Seminar Para Pengarang dan Penerbit Akhbar Malaysia semalam.

Mengiringi beliau ialah Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan.

NO. SIRI : 35
NO. PEN : 35/78

KUALA LUMPUR 17 Jun — Tun Abdul Razak hari ini mer dangkan penubuhan sebuah 'badan pengawas' bagi menen kan perjalanan akhbar-akhbar sesuai dengan cita-cita dan kep tingan negara.

Berucap merasmikan seminar pengarang dan penerbit akhbar seluruh Malaysia di Dewan Tunku Abdul Rahman pagi ini, Perdana Menteri juga membuat syor-syor berikut:

* Akhbar-akhbar negara ini perlu menubuhkan sebuah badan untuk mengusahakan pembelian kertas cetak dari negara-negara pembekal secara kumpulan atau group purchase.

* Majalah dan syarikat-syarikat berita

tetapi sebaliknya lebih baik dengan rasa kesedaran dan semangat baru yang ingin melihat suratkhabar-suratkhabar negara ini benar-benar mencerminkan hasrat rakyat dan memenuhi cita-cita mereka.

"Saya percaya hal ini akan mendapat sambutan yang penuh faham dan simpati, khasnya akhbar-akhbar yang masih berpusat di negara lain"

Ketika menyentuh tentang penubuhan badan pengawas akh-

"Saya rasa s sampai masanya kita membetulkan adaan ini dan baiknya seminar menimbangkan mungkinan menub kan sebuah badan ngawas yang boleh fikirkan namanya lak, seperti badan dan yang terdapat lam profession lai

"Badan ini m kin dianggotai wakil-wakil akh dan penerbit-pene wakil pihak pen ca, ahli-ahli akade wakil profession

SambOngan, 18hb, Jun, 1974

DARI MUKA 1

Perdana Menteri mencad a n g k a n supaya akhbar-akhbar di negara ini mengusahakan penubuhan satu badan untuk membeli kertas cetak daripada negara-negara pembekal secara kumpulan atau group purchese.

"Ini adalah satu cara yang lebih efektif dan lebih sesuai daripada membeli secara bersendirian dan akhbar-akhbar yang kecil akan turut merasakan faedah itu," katanya

Menurut Tun Razak, masaalah yang dihadapi oleh akhbar-akhbar pada masa ini ialah kekurangn kertas cetak dan harga bahan yang melambung tinggi.

Ini bukanlah dihadapi oleh akhbar-akhbar di Malaysia sahaja tetapi juga masaalah akhbar di seluruh dunia dan ada akhbar-akhbar terpaksa ditutup dan ada yang mengurangkan lembaran akhbar masing-masing, katanya.

Tun Razak seterusnya menekankan betapa pentingnya berita dan peristiwa di Semenanjung Malaysia dapat liputan yang luas dalam akhbar-akhbar di Sabah dan Sarawak, demikian juga sebaliknya.

Akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia ada menyiarkan berita-berita Sabah dan Sarawak tetapi "saya rasa lebih banyak lagi berita ter-

utamanya pembangunan patut disiarkan,' 'ujar beliau.

Perdana Menteri menyebut Bernama banyak mengeluarkan berita Sabah dan Sarawak tetapi kecuali sebaran am kerajaan, berita-berita itu tidak banyak digunakan oleh akhbar-akhbar di Semenanjung Malaysia.

Tun Razak berkata akhbar-akhbar tidak patut bergantung kepada syarikat-syarikat berita asing mengenai peristiwa yang berlaku dalam negeri sendiri.

Tun Razak percaya dengan proses liputan berita timbal-balik ini akan dapat merapat dan mengeratkan lagi hubungan antara rakyat di seluruh negara.

"Ini pula akan membantu usaha-usaha integrasi supaya mengujudkan keperibadian Malaysia" katanya.

Perdana Menteri sukacita kerana akhbar-akhbar telah memberikan kerjasama dan persefahaman dengan kerajaan dan "saya harap kerjasama ini berterusan di masa depan."

Utusan Malaysia 21 Jun, 1974

PTR. KA: 36 36/78

GEMA HARI JUMAAT

AL-IMAM

Latarbelakang persidangan Menteri2 Luar Islam

Oleh Penulis Kita

SESUAI dengan semangat Islam bahawa setiap masaalah diselesaikan di meja perundingan, hari ini sekali lagi para Menteri Luar Negara Islam bersidang buat kali yang kelima di Kuala Lumpur.

Persidangan kali pertama telah diadakan di Jeddah pada 23—25 Mac 1970.

Persidangan yang pertama ini telah dihadiri oleh 22 buah negara iaitu Afghanistan, Algeria, Guinea, Indonesia, Iran, Jordan, Kuwait, Lebanon, Libya, Malaysia, Mauritania, Morocco, Niger, Pakistan, Arab Saudi, Senegal, Somalia, Sudan, Tunisia, Turkey, Republik Arab Mesir dan Yemen.

Di dalam persidangan ini para perwakilan telah mengutuk Israel kerana mengengkari ketetapan yang diluluskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Di samping itu menyokong hasrat rakyat Palestine untuk membebaskan tanah tumpah darahnya.

Persidangan kali keduanya Karachi telah diputuskan menjadi tempat persidangan pada 26 hingga 28 Disember 1970. Sebanyak 23 buah negara telah menyertainya.

Persidangan ini telah menegaskan sikapnya untuk melaksanakan segala keputusan yang telah diambil dalam sidang kemuncak di Rabat dan di Jeddah itu.

Diterima dengan baik

Pakistan telah mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah bank perdagangan yang bersifat antarabangsa. Cadangan ini telah diterima dengan baik oleh setiap perwakilan. Begitu juga dengan cadangan penubuhan sebuah syarikat berita Islam.

Kali ini Malaysia dan Morocco telah ditugaskan untuk bertindak segera dalam melaksanakan keputusan tersebut. Dan satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyiapkan lapuran tertentu bagi dikemukakan ke dalam persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang ketiga.

Persidangan yang ketiga itu telah diadakan di Jeddah pada 29 Februari hingga 4 Mac 1972. Sebanyak 30 buah negara Islam telah ikut serta. Kali ini persidangan itu kelihatan lebih meriah lagi kerana 8 buah negara yang dulunya tidak ikut serta, kini sudah menyertainya.

INILAH persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam yang diadakan di Jeddah, Saudi Arabia pada 23 Mac 1970.
Kelihatan Tun Razak menghadiri persidangan itu.

Sekali lagi persidangan ini mengutuk Israel kerana pencabulan yang berlanjutan sejak tahun 1967 itu. Persidangan menghargai setiap jasa negara Islam untuk mencari perdamaian di Timur Tengah selaras dengan hasrat Bangsa-Bangsa Bersatu dan memohon kuasa-kuasa besar mendesak Israel supaya keluar dari wilayah yang ditakluki-nya itu.

Persidangan Islam yang ketiga ini juga telah memutuskan supaya satu jabatan khas ekonomi ditubuhkan di bawah naungan sekretariat. Jabatan ini juga diharapkan akan dapat memberi tunjuk ajar di samping mengadakan tenaga-tenaga pakar kepada negara-negara anggota yang memerlukan bantuan serupa itu.

Persidangan keempat Menteri-Menteri Luar Islam ini dijadualkan berangsung di Kabul. Tetapi Presiden Libya sendiri telah menawarkan yang pihaknya sanggup menjadi tuan rumah kerana memandangkan banyak perkara yang berlaku di kalangan kaum Muslimin. Persidangan itu berlangsung dari 24 hingga 27 Mac 1973.

Sebanyak 28 negara Islam telah mengambil bahagian. Dalam persidangan itu Pakistan telah mendapat sokongan berhubung dengan soal tawanan perang. Persidangan telah menuntut supaya tawanan perang Pakistan itu dibebaskan dari khemah-khemah di India.

Dari masa ke masa

Di samping itu beberapa keputusan telah dibuat yang kemudiannya telah dimaktubkan ke dalam ketetapan yang diluluskan. Setengah daripadanya ialah menubuhkan satu jawatankuasa tetap yang mengandungi pakar-pakar dari negara anggota. Jawatankuasa ini akan bersidang dari masa ke masa dengan tujuan hendak menasihati setiausaha agung dalam pelbagai masaalah ekonomi yang dihadapi oleh negara-negara anggota. Dengan yang demikian adalah diharapkan bahawa matlamat Sekretariat Islam akan dapat dicapai.

Persidangan ini juga menimbangkan perletakan jawatan Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam berjalan kuatkuasanya mulai 31 Disember 1973 dan perlantikan Tuan Hassan Mohammad Tohamy sebagai penggantinya mulai 1 Januari 1974.

Dan hari ini sekali lagi para Menteri Luar Islam bersidang dengan disertai 36 negara untuk membincangkan masaalah ummat Islam termasuk soal-soal ekonomi dunia hari ini.

NO. SIRI : 36
NO. PEN : 36/78

Utusan Malaysia 22 Jun, 1974

PTR.KD: 37 37/78

Upacara gilang gemilang di pembukaan Sidang Islam

5 LANGKAH KE ARAH BERSATU

Rakyat progresif negara maju

TUN ABDUL RAZAK (tengah) sedang menyampaikan ucapannya di pembukaan sidang para Menteri Luar Negara-Negara Islam di Bangunan Parlimen semalam. Di kirinya ialah Setiausaha Agung Sekretariat Islam, Tuan Hassan Al-Tahomy dan di kanannya, Pemangku Menteri Luar Libya, Tuan Abdel Ati Al-Obeedi yang bertindak sebagai ketua kepada semua perwakilan.

PEMANDANGAN semasa berlangsungnya upacara pembukaan sidang para Menteri Luar Negara-Negara Islam di Bilik Persidangan Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen semalam, Kelihatan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak sedang berucap. — Gambar Utusan Malaysia.

Oleh Mohd. Nor Shamsuddin

KUALA LUMPUR 21 Jun — Tun Abdul Razak hari ini mencadangkan pembentukan segera satu sekim kerjasama ekonomi dan teknik Islam bagi menggembelingkan sumber dan tenaga negara-negara Islam sedunia ke arah kepentingan bersama.

Ini adalah di antara lima langkah 'praktikal dan simboiik' yang dicadangkan oleh Tun sebagai suatu usaha ke arah memupuk perpaduan Islam sedunia yang lebih luas dan mempastikan matlamat bersama untuk mencapai keamanan dan keadilan menjadi realiti.

Empat lagi langkah yang dicadangkan itu ialah:

- Menggalakkan perdagangan dan pelaburan modal yang lebih luas antara negara-negara Islam bagi menggunakan sepenuhnya saling timbal balas ekonomi antara mereka;
- Mempergunakan wang yang tidak dipakai di dalam Bank Pembangunan Islam seberapa yang boleh di kalangan negara-negara Islam sendiri;
- Mengisytiharkan Hari Piagam Islam untuk menyemaikan kesedaran tentang kebangkitan semula Islam di kalangan masyarakat Islam sedunia; dan
- Melonggarkan sebarang sekatan pelancungan di kalangan negara-negara Islam dengan menghapuskan sebahagian keperluan visa kepada pegawai rasmi yang boleh dicari persetujuan bagi membuka jalan menambahkan perhubungan di kalangan umat Islam.

Tun Abdul Razak telah berucap merasmikan Persidangan Ke 5 Menteri-Men-

NO. SIRI : 37
NO. PEN : 37/78

hari itu dihadiri oleh 37 negara Islam, 30 daripadanya diwakili di peringkat menteri termasuklah 20 orang Menteri Luar.

Berpuluh-puluh ribu orang rakyat turut keluar beramai-ramai membanjiri di kiri kanan jalan menuju ke Bangunan Parlimen itu bagi mengalu-alukan persidangan agung tersebut.

Pesat

hak dan keadilan bahkan juga dalam usaha ke arah mencapai kemajuan yang lebih pesat di kalangan umat Islam seluruhnya.

Sambil menekankan betapa pentingnya dipupuk suatu perpaduan Islam sedunia yang lebih luas, Tun Razak berkata ia memerlukan langkah-langkah praktikal dan simbolik bagi mempastikan segala matlamat perjuangan Islam itu menjadi realiti.

Dalam hubungan ini

Persidangan itu, kata Tun hendaklah membuat syor-syor yang kongkrit yang boleh dilaksanakan dalam masa yang tidak jauh di hadapan.

Beliau mengingatkan, hasrat untuk membasmikan kemiskinan, menghapuskan penindasan serta menggalakkan kerjasama ekonomi tidak bererti kiranya persidangan itu hanya pandai mengemukakan rancangan-rancangan megah yang nampak elok di atas kertas sahaja tetapi tidak dapat dilaksa-

Sambongan, 22hb, June, I974

Jangan biarkan Baitulmuqaddis dicabul

DARI MUKA 1

tubuhan dan sumber-sumber untuk melaksanakan rancangan dan projek mereka."

Tun Razak juga menggesa persidangan itu supaya jangan menitikberatkan hanya soal kerjasama ekonomi dan teknik, tetapi juga perkembangan dagang dan pelaburan modal di kalangan negara-negara anggota.

Beliau memberitahu, di dalam ajenda persidangan itu termasuk perbincangan laporan jawatankuasa yang dibentuk dalam Sidang Kemuncak Lahore baru-baru ini mengenai kedudukan ekonomi dunia dengan menitikberatkan kedudukan di negara-negara Islam.

Malaysia, kata Tun akan berbuat segala yang boleh untuk menjadikan pertubuhan Islam itu sebagai suatu alat kerjasama yang boleh diamalkan.

Bercakap mengenai Bank Pembangunan Islam, Tun Razak berkata bahawa beliau menganggap bank itu sebagai suatu projek yang paling penting bagi kerjasama yang telah dihasilkan oleh persidangan itu setakat ini.

Bank itu, kata Tun, mempunyai harapan cemelang kiranya semua negara anggota berusaha bersungguh-sungguh dan bekerja secara membina bagi kejayaannya.

Mengenai sumber tenaga dan bahan mentah yang boleh didapati dengan banyaknya di negara-negara Islam, Tun Razak menggesa mereka menggunakan sepenuhnya sumber itu bagi mencapai matlamat ekonomi masing-masing.

Tun Razak juga menyentuh mengenai soal Baitulmuqaddis, rakyat Palestine dan masaalah Timur Tengah.

Katanya, pendudukan Israel ke atas kota suci itu sangat menyayat hati umat Islam dan rakyat yang cintakan keamanan di seluruh dunia.

Kota suci itu, kata Tun, adalah tapak kepada tiga agama utama di dunia "dan penduduk-an Yahudi tidak dapat dimaafkan oleh sesiapa juga yang menghormati sejarah."

Rampas

Beliau mensifatkannya sebagai satu langkah yang sengaja dibuat oleh Israel untuk menyingkirkan penduduk Arab, baik yang beragama Islam atau Kristian dan juga merampas hak kebebasan mereka yang turun-temurun.

Tun Razak menegaskan bahawa pendudukan tentera Israel yang berterusan di kota suci itu merupakan suatu ancaman ke atas Masjid Al-Aqsa.

Beliau lalu menggesa negara-negara Islam menggembelingkan sumber mereka untuk memastikan Israel tidak melakukan sebarang perbuatan untuk menakluki kota suci itu.

Mengenai masaalah rakyat Palestine, Tun Razak berkata, dunia hendaklah faham bahawa selagi hak sah rakyat Palestine tidak dipulihkan, pertikaian di Timur Tengah akan berlarutan dan keamanan berkekalan tidak mungkin tercapai.

Menurut Tun, keangkuhan Israel menjadi pokok persoalannya. 'Oleh itu adalah tanggungjawab kita semua untuk mendesak pencapaian suatu penyelesaian saksama yang segera kepada masaalah ini," tegas Tun.

PTR. KA : 38 38/78

Utusan Malaysia 22 Jun, 1974

Negara2 Islam digesa hidupkan semangat keilmuan Islam

Razak: Gerakan segera pengkajian tafsir Quran

TUN Abdul Razak hari ini menggesa supaya satu pengkajian dan penyelidikan bersama mengenai tafsiran Quran digerakkan segera bagi menghidupkan semula semangat keilmuan Islam dan menyangkal dakwaan kononnya Islam penghalang kemajuan.

Perdana Menteri menyarankan Persidangan Menteri-Menteri Luar Islam yang bermula di sini hari ini boleh memulakan suatu tindakan bagi mengadakan rancangan tertentu untuk melaksanakan pengkajian dan penyelidikan itu ke arah mencapai matlamat tersebut.

Berucap merasmikan pembukaan persidangan itu di Bangunan Parlimen di sini petang ini, Tun

KUALA LUMPUR 21 JUN

Razak berkata: "Islam selalu dituduh sebagai penghalang kemajuan.

"Oleh itu marilah kita sama-sama menyangkal tuduhan itu, sebaliknya memboktikan Islam adalah agama bagi kemajuan di samping memberikan nilai-nilai rohaniah yang memberi arti kepada hidup dengan sepenuhnya baik di dunia mahupun akhirat," ujar Tun.

Perdana Menteri percaya perkara ini adalah penting dan pokok kerana apa yang menjadi persoalan ialah sikap umat Islam di seluruh dunia.

Menurut beliau, kejahilan masih berleluasa terhadap nilai Islam dan ajaran Quran yang kadangkala disalah tafsirkan malah oleh orang-orang Islam sendiri disebabkan salah faham dan kecuaian.

"Sesungguhnya sangatlah mustahak kepada pembangunan rohaniah dan jasmani kita agar kita mencapai persetujuan mengenai pentafsiran Quran itu berkenaan dengan rukun Islam dan cara-cara hidup kita," kata beliau.

Tun Razak mengingatkan, di zaman kegemilangan Islam dulu terdapat kejayaan cemerlang di lapangan - lapangan seperti sains, teknoloji, fikih dan falsafah.

"Oleh itu pastilah tidak di luar kesanggupan kita hari ini untuk menghidupkan semula semangat keilmuan Islam itu dan mengusahakan suatu rancangan bersama bagi menjalankan kajian dan penyelidikan untuk mencapai persefahaman yang lebih baik dan mendalam mengenai ajaran Islam selari dengan pembangunan sekarang," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, Islam adalah agama sejagat, Quran adalah kitab suci yang secocok sepanjang masa.

"Serentak dengan itu kita mesti tahu membezakan rukun dan ajaran Islam yang tidak boleh diubah-usik dan kekal dengan corak hidup

NO. SIRI : 38
NO. PEN : 38/78

Razak lepaskan 100 ekor merpati di Ipoh

IPOH 21 Jun — Tun Abdul Razak akan diberi sambutan permaidani merah serta diarak dengan kompang sebaik saja tiba di sini esok untuk berucap di perhimpunan Front Nasional.

Beribu-ribu orang akan berbaris dari lapangan ganterbang hingga sepanjang Gopeng Road.

Menteri Besar Dato' Sri Haji Kamaruddin serta beberapa orang pemimpin parti dalam Front Nasional akan menyambut beliau di lapanganterbang.

Ucapan

Perdana Menteri akan melepaskan 100 ekor Merpati putih serta 500 biji belon sumbangan anggota-anggota ALMO di lapanganterbang. Tarian singa dan muzik asli India akan juga diadakan.

Tun Razak akan menyampaikan ucapannya pada sebelah malam di Padang Perbandaran.

Dato' Sri Haji Kamaruddin serta Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk Sri S.P. Seenivasagam akan turut berucap.

Sejumlah 300 buah bas termasuk teksi akan digunakan untuk mengangkut penumpang dari 38 buah pusat.

Parti Gerakan akan mengadakan 40 buah bas tambahan bagi mengangkut penyokong mereka dari ka-

Mingguan Malaysia 23 Jun, 1974

PTR 39 39/78.

$60 juta untuk tolong peladang tiap tahun

KUALA LUMPUR 22 Jun — Tun Abdul Razak hari ini mengumumkan keputusan kerajaan untuk mengadakan semula 'rancangan subsidi baja urea' dan lebih $60 juta akan dibelanjakan untuk itu tiap tahun, mulai tahun depan.

Rancangan ini bukan saja membantu kaum petani untuk mendapatkan baja, tetapi juga bagi mengekalkan harga beras yang saksama kepada para pengguna.

Berucap merasmikan persidangan majlis perwakilan Persatuan Peladang Kebangsaan Ke 2 di Dewan Bahasa dan Pustaka pagi ini, Perdana Menteri berkata beliau telah mengarahkan Perbendaharaan mengkaji kemungkinan menambah peruntukan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Langkah ini adalah untuk membolehkan LPP meningkatkan usaha pertubuhan peladang kawasan, termasuk membiayai keperluan kakitangan dan modal pusingan yang lebih besar bagi kegiatan ekonomi negara.

PM Tun Razak

Subsidi

Tun Razak menjelaskan bahawa rancangan subsidi baja urea itu akan diedarkan menerusi pertubuhan peladang.

Katanya, bantuan subsidi itu amat perlu kerana dengan adanya rancangan itu petani dan pengguna akan dapat sama-sama menikmati harga padi dan beras yang berpatutan.

Tun Razak menyarankan perlunya Persatuan Peladang Kebangsaan mempelopori kegiatan bagi kemajuan sosial dan ekonomi masyarakat kaum tani di samping memperjuangkan kepentingan dan kesejahteraan mereka.

Beliau gembira dengan bilangan 116 Persatuan Peladang Kebangsaan dengan anggota lebih 100,000 orang.

Beliau juga menarik perhatian persidangan itu mengenai lawatannya ke China baru-baru ini dan meninjau cara perusahaan pertanian di Red Star Commune yang menitikberatkan keperluan sendiri mencukupi dan mempelbagai tanaman.

Masyarakat di situ bukan saja mengeluarkan berbagai bijian ma-

LIHAT MUKA 16 (Ruangan 2)

Asyik dengar ucapan R



SEBAHAGIAN dari tetamu undangan dan perwakilan yang menghadiri pembukaan wakilan Persatuan Peladang Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka semalam. — Gam

DARI MUKA 1

kanan seperti gandum, padi, sekoi dan jagung tetapi mengusahakan penanaman kapas, menternak lembu, kuda dan ayam itik mempunyai bengkel untuk membuat alat jentera pertanian rengan dan membaiki jentera berat.

Beliau berharap jawatankuasa kemajuan kampung dapat mencontohi kegiatan seperti itu.

Tun Razak menegaskan pentingnya kerajaan dan rakyat bekerjasama meningkat pengeluaran barang-barang makanan. Kerajaan Pusat telah mengadakan kemudahan-kemudahan asas taliair di beberapa kawasan padi seperti, MUDA, KEMUBU dan BESUT, untuk membolehkan kawasan kawasan itu ditanam dua musim.

Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk memulihkan kawasan Rompin dan Seberang Perak bagi ditanam padi.

"Rancangan mempelbagai tanaman akan dijalankan secara besar-besaran meliputi kawasan 300,000 ekar di Johor Barat yang akan dibiayai oleh Bank Dunia", tambahnya.

Tun Razak melahirkan hasratnya ingin melihat seluruh persatuan peladang dan syarikat kerjasama berasaskan pertanian digabungkan akhir tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini.

Beliau yakin dengan adanya tambahan peruntukkan oleh kerajaan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang, persatuan peladang dan syarikat kerjasama yang bergabung akan mendapat faedah yang lebih besar.

Tun Razak menambah bahawa dengan penyusunan semula institusi-institusi rakyat luar bandar, masa depan kaum tani akan lebih cerah dan membawa harapan baik bagi kemakmuran dan kestabilan negara.

NO. SIRI : 39
NO. PEN : 39/78

Utusan Malaysia 25 Jun, 1974

PTR. KLA: HO 40/78

PEMIMPIN2 ISLAM TEMUI RAZAK





SERAMAI 16 orang ketua perwakilan yang menghadiri persidangan kelima Menteri-Menteri Luar Islam melakukan kunjungan muhibbah kepada Perdana Menteri, Tun Abdul Razak semalam.

Mereka itu ialah dari Republik Arab Mesir, Pertubuhan Pembebasan Palestine (PLO),

juga melawat Pesta Pembangunan Kebangsaan yang sedang diadakan di Stadium Negara.

Gambar 1: Menteri Luar Libya, Tuan Abdel Ati Al Obiedi, sedang beramah mesra dengan Tun Razak.

Gambar 2: Menteri Negara

Mingguan Malaysia 30 Jun, 1974

PTR-KD - A1 41/78

Demam pilihanraya umum merebak - Tun Razak

(UCAPAN PENUH TUN RAZAK MUKA 4)

UMNO DI ARAH BERSIAP SEDIA

KUALA LUMPUR 29 JUN

TUN Abdul Razak hari ini meminta UMNO 'bersiap-sedia dari sekarang' untuk menghadapi pilihanraya umum seolah-olah ia akan diadakan tidak lama lagi.

Kata Perdana Menteri, sehingga ini beliau masih belum mendapat ilham bila pilihanraya akan diadakan, "tetapi tidaklah begitu jauh seperti setengah orang menyangka dan tidaklah pula dekat seperti ramai orang bertaruh."

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung UMNO ke 25 di Hotel Hilton pagi ini, Tun Razak selaku Presiden UMNO berkata akhir-akhir ini nampaknya demam pilihanraya mula merebak. (Ucapan penuh Tun di muka 4).

Ramai yang sedang meramalkan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi, katanya.

"Namun begitu saya mintalah saudara-saudara setelah pulang dari perhimpunan agung ini membuat persediaan seolah-olah kita akan adakan pilihanraya tidak lama lagi," tambahnya.

Sebelum itu, perhimpunan itu telah bertafakur sambil membaca fatihah kepada Allahyarham Tun Dr. Ismail dan Almarhum Sultan Abu Bakar.

Lebih 1,500 orang perwakilan menghadiri perhimpunan dua hari itu.

Tun Razak mengumumkan bahawa sembilan buah parti dalam Barisan Nasional bersetuju untuk menggunakan 'neraca' sebagai simbul pilihanraya umum akan datang. Ia berwarna emas dengan latar-belakang berwarna biru.

Dedah

Beliau juga mendedahkan tentang adanya penduduk kampung-kampung baru memberi bantuan kepada penganas dalam Gerakan Indera di Raub.

Di samping itu ada golongan bekerjasama

Sidang UMNO gamat bila Tun usik Sardon

KUALA LUMPUR 29 Jun — Tun Abdul Razak hari ini menggegarkan perhimpunan agung UMNO di Hotel Hilton di sini dengan gelak ketawa bila beliau mengusik Tan Sri Sardon Jubir sebagai tokoh dari Johor yang tidak dapat ditandingi kerana "kehalusan bahasa aslinya".

Perkara ini ditimbulkan oleh Tun Razak selaku Presiden UMNO dalam ucapannya merasmikan perhimpunan itu.

Katanya, seperti perhimpunan agung tahun lepas ini adalah perhimpunan agung biasa, tidak ada pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, naib-naib Presiden dan ahli Majlis Tertinggi.

* SEMUANYA ketawa bila Tun Razak mengusik Tan Sri Sardon Jubir bahawa tokoh-tokoh UMNO Johor tidak dapat menandingi Menteri Perhubungan itu kerana kehalusan bahasa aslinya.

Sidang gegar gelak ketawa

DARI MUKA 1

juga Naib Presiden UMNO yang duduk bersama ahli Majlis Tertinggi yang lain di atas pentas.

Tun Razak kemudian memberitahu atas kehormatannya kepada Tan Sri Sardon, beliau telah melantik Menteri Perhubungan itu sebagai Menteri Pengiring bagi mengiringi Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung untuk melakukan tan ras[illegible]



Mingguan Malaysia 30 Jun, 1974

PTR. 44.42 42/75.

Ucapan Tun Razak: "Orla" dan "Orba" mesti sepakat



PM TUN RAZAK
Presiden UMNO

PADA hari yang berbahagia ini, kita bersama-sama mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan berkat taufik dan hidayahnya, kita dapat sekali lagi beramai-ramai menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke 25 ini.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada saudara-saudara para perwakilan yang datang dari jauh dan dekat untuk menghadiri Perhimpunan Agung tahun ini. Barangkali ramai juga antara para perwakilan yang datang awal-awal lagi semasa Pesta Pembangunan dan seterusnya Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam yang berlangsung baru-baru ini.

Oleh itu, boleh dikatakan Perhimpunan Agung kita ini mempunyai sempena dan erti yang penting menyusul dua peristiwa bersejarah bagi negara kita. Saya berdoa mudah - mudahan Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang memberkati Perhimpunan Agung kita yang ke 25 ini dan kepada jalan kejayaan dan kebahagiaan.

PERISTIWA MENYEDIHKAN

punan agung kita tahun lalu, beberapa peristiwa penting telah berlaku yang membawa perubahan kepada parti dan negara.

Peristiwa yang amat menyedihkan

lah menjadi contoh pemimpin dan rakyat yang mempertahankan "rule of law" iaitu undang-undang parti dan negara.

Sesungguhnya kembalinya Allahyarham ke alam baqa' itu sangat dirasai oleh saya sendiri apatah lagi oleh keluarganya. Allahyarham ialah sahabat karib saya di luar dan dalam parti dan kerajaan.

Jasa-jasa Allahyarham mempelopori kebangkitan kebangsaan Melayu dan memperjuangkan kemerdekaan tanahair tidak ternilai harganya dan akan diukirkan dengan tinta emas dalam sejarah negara.

Saya rasa sebesar kehormatan setiap rakyat boleh berikan kepada nama dan roh Allahyarham ialah bagi kita orang-orang Melayu khasnya dan rakyat Malaysia amnya menjadikan Tun Dr. Ismail sebagai contoh dan tauladan seorang pemimpin dan rakyat yang berguna kepada negara.

UMNO.

Saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa beliau akan dapat menjalankan tugas yang berat itu dengan jujur dan penuh dedikasi.

POLITIK TANAHAIR

Seperti perhimpunan agung tahun lepas, ini adalah perhimpunan agung biasa, tidak ada pemilihan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Pada masa hadapan ini naruslah kita akan kehilangan satu dua tokoh-tokoh yang biasa dengan kita di perhimpunan agung dan tokoh-tokoh baru akan timbul.

Tahun ini Johor menaikkan dua orang tokoh baru iaitu Dato' Ali Haji Ahmad dan Dato' Mohammad Rahmat.

Tetapi saya fikir kedua-dua tokoh ini tidak akan dapat menandingi Tan Sri Sardon tentang kehalusan budaya aslinya. Penghormatan saya kepada Tan Sri Sardon sangatlah tinggi.

Oleh sebab itulah beliau telah dipilih untuk menjadi Menteri Pengiring kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung dalam lawatan Duli-Duli Yang Maha Mulia ke England pada bulan hadapan.

Melihat ramainya bilangan wakil yang hadir hari ini, jelaslah parti kita sekarang dalam keadaan yang kukuh dan kuat. Perpaduannya bertambah teguh, pandangan rakyat terhadapnya semakin meningkat.

Ramai bakat baru di samping ahli-ahli lama atau veteran memberikan nafas baru serta kekuatan kepada Parti UMNO untuk menghadapi cabaran-sabaran tahun 1974 dan tahun-tahun berikutnya.

dan struktor politik tanahair telah berubah corak. Kita akan menghadapi pilihanraya dalam suasana baru di mana UMNO dan parti-parti seperjuangan dengan kita akan bertanding atas nama Barisan Nasional dan tidak lagi atas nama Perikatan.

Ini adalah satu perubahan yang besar dan penting kerana kita semua sedar kita akan menghadapi cabaran baru hasil dari suasana politik yang telah bertukar itu.

Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna UMNO tidak mampu menghadapi keadaan perubahan ini dengan sendiri atau dengan bentuk Perikatan dahulu.

UMNO dan Perikatan mampu berbuat demikian untuk mempertahankan kekuasaan politik yang ada di tangan kita sekarang ini.

Tetapi kita berjuang bukan hanya sekadar hendak berkuasa semata-mata. Kita berjuang kerana hendak benar-benar melahirkan satu rupabangsa Malaysia yang bersatupadu, bersendikan Rukunegara dan keperibadian kita sendiri.

Maka itu kita merasa mustahak memupuk semangat Malaysia yang kita harap akan menjadi sifat semua rakyat kita pada masa hadapan. Jentera politik yang sebaik-baiknya untuk mencapai matlamat ini ialah melalui Barisan Nasional. Dengan kata-kata lain, Barisan Nasional adalah asas baru politik di Malaysia ini.

Kita sangat teliti dalam hal ini, iaitu mula-mula kita tubuhkan Kerajaan Campuran antara Parti Bumiputera/Perikatan dengan SUPP di Sarawak, kemudian antara Gerakan dan Perikatan di Pulau Pinang, PPP dan Perikatan di Perak dan antara itu? Barisan Nasional ialah satu gabungan parti - parti politik atau confederation of political parties yang menerima konsep dan dasar yang diperjuangkannya. Seperti dimaklum, dasar perjuangan Barisan Nasional ialah membentuk dan mengekalkan satu Bangsa Malaysia yang kuat, bersatupadu dan harmonis, berusaha mencapai kemajuan kebendaan dan rohaniah; mendukung prinsip - prinsip Rukunegara untuk mengukuhkan satu masyarakat yang adil dan saksama untuk semua rakyat.

Pada masa ini, keanggotaan Barisan Nasional terdiri daripada UMNO, MCA, MIC, Perikatan Sarawak, Perikatan Sabah, SUPP, Gerakan Rakyat Malaysia, PPP dan PAS. Parti-parti politik yang lain boleh menjadi ahli Barisan Nasional jika dipersetujui dengan sebulat suara oleh sembilan anggota asal Barisan Nasional itu.

Saya suka mengumumkan iaitu kesembilan parti dalam Barisan Nasional telahpun bersetuju hendak menggunakan "Neraca" sebagai simbol pilihanraya umum akan datang.

Neraca ini berwarna emas dengan latar belakangnya berwarna biru.

Saya percaya, dengan berkat Tuhan, simbol pilihanraya Barisan Nasional ini akan mendapat sokongan penuh daripada pengundi - pengundi.

Saya juga berharap demi untuk mencapai kemakmuran hidup dan keamanan negara, rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, dan rakyat Bumiputera terutamanya, akan memberi kepercayaan penuh kepada Barisan Nasional dan ahli-ahli serta penyokong-penyokong Barisan pilihanraya mula merebak. Ramai yang sedang meramalkan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi.

Sebenarnya saya belum lagi mendapat "ilham" bila pilihanraya umum akan diadakan, tetapi saya sukalah bayangkan kepada saudara-saudara bahawa pilihanraya umum tidaklah begitu jauh seperti setengah-setengah orang menyangka dan tidaklah pula dekat sangat seperti ramai orang bertaruh.

Namun begitu, saya mintalah saudara-saudara, setelah pulang dari perhimpunan agung ini membuat persediaan seolah-olah kita akan adakan pilihanraya tidak lama lagi.

Untuk menentukan parti kita dan Barisan Nasional menang dalam pilihanraya umum dengan cemerlangnya, maka kita haruslah sentiasa menyesuaikan diri dan dasar kita dengan hasrat rakyat dan menerima perubahan-perubahan yang dikehendaki oleh zaman.

ORANG VETERAN' ATAU 'ORDER LAMA'

Kita bersedia memberi peluang kepada jenerasi-jenerasi muda untuk menceburkan diri dalam UMNO dan saya sukacita melihat ramai orang-orang muda yang berjuang dalam UMNO hari ini.

Kepada mereka ini saya suka menasihatkan supaya mereka betul-betul memahami konsep "Bersatu, Bersedia dan Berkhidmat" dan mereka mestilah patuh kepada dasar dan perjuangan parti.

Orang-orang veteran atau "order lama" dalam UMNO diharapkan menggunakan tenaga dan fikiran orang-orang muda sepertilah juga mereka yang muda

bih cergas dan ef
tif menghadapi
barán-cabaran
sa akan datang.

Pindaan - pind
yang dicadangkan
saya percaya a
memperkemaskan
gi pergerakan p
kita. Pindaan y
penting sekali y
akan kita bahas
dalam perhimpun
agung ini ialah b
kenaan dengan
langan wakil baha
an ke perhimpun
agung dan juga
kil cawangan un
mesyuarat per
kilan bahagian.

Mengikut pinda
ini, kita akan
ngadakan had m
sima bilangan p
wakilan yang bo
hadir dalam pe
dangan bahag
dan perhimpun
agung. Jika
hulu, kita ber
sarkan kepada ju
lah ahli-ahli tan
ada hadnya, ma
sekarang kita
mustahak mengha
kan bilangannya.

Di masa-m a
yang sudah - sud
jika sesebuah bah
gian itu mempun
ramai ahli maka
mailah pula perw
kilannya.

Peraturan ini ak
diubah kepada s
tem baru iaitu ti
tiap bahagian tid
boleh menghan t
lebih daripada
orang wakil ke p
himpunan agung
walaupun bilang
ahlinya ramai.

Ini bermakna
kiranya bahagian
mempunyai 20,0
orang ahli, perw
kilannya tidak le
dari 10 orang d
sekiranya bahagi
itu mempunyai 5,0
ahli, perwakilan
lah 10 orang juga.

Had maksima
juga dikenakan
pada mesyuarat
wakilan bahagian
iaitu cawangan-
wangan tidak bo
menghantar lebi
dari 5 orang wa
walaupun ahlinya
bih daripada
orang.

Satu pindaan
ialah bagi membol
kan mana-mana
hagian yang tid
dapat menjelask
yurannya dalam m
sa yang terter
menghantar wak
nya ke perhimpun
agung tetapi perw
kilan ini hendak
terdiri dari ke
bahagian sahaja
tapi dia tidak me
punyai hak mengu
di ataupun berta
ding untuk sebara
jawatan di perhi
punan agung.

Saya percaya c
ini bukan sah
akan mendorong
hagian-bahagian U
NO menjalankan
gas-tugasnya
sempurna
akan menghala
bahagian yang tid
berjalan deng
sempurna untuk me
dapat hak ya
sama sebagaima
bahagian - bahagi
lain yang patuh

PRINSIP DEMOKRASI

Peranan kita sebagai tulang belakang Barisan Nasional bukan sahaja bertambah berat daripada peranan semasa di dalam Perikatan bahkan juga akan bertambah rumit lagi oleh kerana proses politik hari ini bertambah complex dan sophisticated.

Cara-cara baru untuk menghadapi ma-

DARI MUKA 4

telah mencadangkan beberapa pindaan kecil yang tidak melibatkan perubahan dasar parti.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam hal ini, hanya saya suka menggesa ahli-ahli parti supaya menjunjung tinggi perlembagaan kita.

Jika perlembagaan itu dipersendakan oleh mana-mana golongan, sudah tentu kekuatan parti kita akan terjejas dan masa depan kita terancam.

Oleh yang demikian, saya menyeru kepada seluruh perwakilan supaya memahami sebangat dan tujuan Majlis Tertinggi mencadangkan pindaan-pindaan ini dan saya juga menyeru saudara-saudara sekalian supaya memberikan sokongan penuh kepada pindaan-pindaan ini.

SUSUNAN PARTI

Kita sedia maklum bahawa pembangunan ekonomi dan sosial dalam sesebuah negara itu bergantung kepada pimpinan politik yang efektif dalam suasana politik yang aman dan tenteram.

Pembangunan bermakna tindakan-tindakan dan perubahan-perubahan sosial dan segala tindakan dan perubahan ini sudah tentu akan membawa berbagai reaksi ke atas structure ekonomi dan masyarakat.

Oleh kerana adanya pertalian erat antara kestabilan politik dengan pimpinan yang efektif, serta pentingnya dasar-dasar negara dilaksanakan dengan jayanya, maka perlulah kita mengatur dan menyusun strateji pelaksanaan sesuai dengan kehendak-kehendak baru itu.

Dalah ertikata ini, saya seringkali mengarahkan **jentera** parti kita di semua peringkat supaya menyedari hakikat politik dan kehendak-kehendak pembangunan dan keselamatan.

Pendekata, untuk membolehkan kita terus-menerus memegang teraju pimpinan politik di negara ini, kita hendaklah sentiasa berpegang teguh kepada dasar perjuangan kita dan memulakan tindakan-tindakan politik yang menjadikan parti kita benar-benar efektif dalam menyatukan dan menggembelingkan seluruh tenaga rakyat untuk pembangunan.

Dalam keadaan negara kita yang masih muda ini, amatlah penting dan mustahak hubungan yang lebih rapat di antara parti dengan pentadbiran kerana tanpa perhubungan yang rapat ini, kita tidak dapat mempesatkan pembangunan sesuai dengan jadual waktu kita.

Oleh itu, saudara-saudara sekelian hendaklah memberi perhatian yang berat atas perkara ini dan merangka cara-cara baru untuk memboleh-kan UMNO menjadi jambatan yang akan menghubungkan kita dengan parti-parti lain, atas dasar pembangunan negara dan perpaduan rakyat.

Kita sedar dan faham kerumitan mungkin timbul dalam menjalankan peranan baru ini, tetapi demi kepentingan pembangunan negara untuk perpaduan rakyat, segala kerumitan ini tidaklah menjadi masaalah kepada kita.

Sebaiknya kita semua yakin bahawa parti kita mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk benar-benar menjadi jambatan itu dan kita mestilah menggunakan keupayaan kita untuk meneruskan proses pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Rukunegara.

Dua puluh lapan tahun dahulu, dalam perhimpunan agung kita yang pertama, kita telah berikrar bahawa UMNO akan memelihara dan mempertahankan negara; mendokong perlembagaan negara; mempertahan, menegak dan mengembangkan agama Islam di samping membenarkan kebebasan beragama; mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi; meujudkan satu bangsa yang kuat dan bersatu-padu; melaksanakan rancangan-rancangan bagi memajukan ekonomi rakyat terutama sekali rakyat yang mundur iaitu orang-orang Melayu dan Bumiputera, dan meujudkan masyarakat adil, moden dan maju.

Di atas dasar inilah kita telah berjaya mendapatkan sokongan orang-orang Melayu, dan kemudiannya menarik orang-orang China dan India bersatu dalam Perikatan untuk kejayaan dan kemajuan.

Dasar-dasar ini, masih kekal dan belum berubah, walaupun banyak daripadanya telah kita laksanakan dan mencapai hasilnya.

Pada hemat saya, dalam perhimpunan agung kita yang ke 25 ini, elokah kita mengulangi lagi ikrar mendokong dasar-dasar yang telah diberkati Tuhan dengan kejayaan itu.

Ikrar suci yang kita lafazkan 28 tahun dahulu pada asasnya ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang berdasarkan kerjasama di antara semua kaum dan bukan persaingan, di mana kekayaan negara adalah untuk rakyat; di mana perhubungan masyarakat adalah berdasarkan hak sama atau equality dan perhubungan di antara bangsa berdasarkan saling menghormati atau "mutual respect" dan ingin bersahabat dengan semua negara.

EKONOMI BERKEMBANG PESAT

Negara kita kaya raya dalam semua aspek tetapi masih ada lagi dalam negara kita yang dikasihi ini segulungan rakyat yang masih berada dalam keadaan dhaif dan miskin terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar dan juga di kawasan sesak di pinggir bandar.

Tiada siapa dapat menafikan bahawa taraf hidup rakyat telah bertambah ing- g sejak 20 tahun lalu, tetapi belum terdapat pembahagian kekayaan negara yang adil dan saksama.

Kedua-dua keadaan inilah yang sekarang menjadi matlamat utama perjuangan parti kita dan kerajaan hari ini supaya rakyat yang kurang beruntung baik itu mendapat tempat yang sempurna.

Sebagaimana yang pernah saya katakan. Rancangan Malaysia Kedua yang memakan tahun ke empat pelaksanaan, nya merupakan langkah pertama ke arah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita.

Oleh itu semasa menyusun Rancangan Malaysia Ketiga eloklah kita mengkaji semula strategi-strategi politik kita untuk mempastikan supaya hasil rakyat dipenuhi dalam rancangan ketiga itu.

Saya suka berterang di sini bahwa kita sekarang telah masuk ke man ekonomi wangan dan sebab sebuah negara yang belum banyak mempunyai pengaman kita mestilah menyelesaikan segala masaalah kita untuk membolehkan kita menjadi sebuah negara perindustrian yang berjaya.

Sebagai parti yang berkuasa, ada lah menjadi tanggungjawab kita menentukan bahawa kita dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita dan melahirkan suasana hidup yang aman dan harmoni dan saksama.

Setiap pekerja akan mendapat pembahagian yang sewajarnya dengan pengorbanan dan sumbangan rakyat mendapat peluang pelatihan yang sesuai dengan kebolehan masyarakat adil makmur saya sebutkan tadi akan menghendaki kita menentukan potensi utamaan untuk dipupuk dakan kita.

Matlamat kita tidak akan dapat dicapai dalam masa atau sepuluh tahun, tetapi kita mengadakan yang sesuai bagi laksanakan hasrat cita-cita negara, aman, stabil dan makmur.

Kejayaan-kejayaan yang telah setakat ini pelaksanaan Ekonomi Baru dahpun diterangkan dengan panjang lebar dalam Pertengahan Rancangan Malaysia Kedua dan yang Ekonomi Perundingan.

Kajian Pertengahan Penggal ini telah pun dibahaskan dan diterima oleh Parlimen.

Begitu juga Penyata Ekonomi yang menunjukkan angka angka pencapaian terakhir dalam sektor pertanian dan perindustrian.

Hari ini pun, bandar-bandar kecil yang dulunya tidak mempunyai apa-apa sedang bergerak maju dengan bermacam rupa perusahaan yang memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat.

Dalam pada kita menjalankan langkah-langkah untuk membawa kemajuan kita tidak pula sunyi daripada masaalah-masaalah yang lazim dalam kehidupan moden.

Hari ini kita menghadapi masaalah inflasi atau kenaikan harga barang-barang.

Inflasi adalah masaalah seluruh dunia terutama disebabkan kekurangan bekalan bahan-bahan makanan yang dikehendaki oleh penduduk-penduduk dunia yang semakin ramai.

Syukur Alhamdulillah, meskipun kita bersama-sama mengalami keadaan inflasi ini, negara kita boleh dikatakan tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran apatah lagi negara-negara perindustrian di Eropah, Amerika dan bahagian Benua Asia yang lain.

SUBSIDI MERINGANKAN INFLASI

Dalam pada itu kerajaan sentiasa bertindak dan mencari jalan untuk mengurangkan tekanan inflasi ini terutama kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan kaum tani.

Selain daripada elaun bantuan khas yang diberi kepada kakitangan kerajaan peringkat bawahan, langkah-langkah yang lain dilancarkan serentak iaitu subsidi untuk barang-barang keperluan seperti beras, gula, tepung dan minyak; bantuan buku-buku sekolah percuma kepada kanak-kanak dari keluarga miskin: Pengecualian cukai ke atas beberapa jenis barang-barang impot yang mustahak; dan baru-baru ini saya mengumumkan subsidi baja urea kepada petani - petani untuk membantu pengeluaran padi dengan harga yang patut.

Semua bantuan dan subsidi ini berjumlah tidak kurang dari $500 juta ringgit setahun dan saya percaya tidak ada kerajaan di manamana jua yang berbuat demikian.

Bagaimanapun, patutlah kita ingat semasa barang-barang impot naik tinggi itu, barang - barang pengeluaran kita sendiri menda harga yang lumayan di pasaran dunia. Harga getah, kelapa sawit, bijih timah dan lain-lain hasil bumi sangat tinggi pada masa ini yang bermakna pendapatan yang lebih kepada rakyat.

Kita tahu ramai saudara-saudara di Rancangan Kemajuan Tanah yang berolah pendapatan lebih $1,000 sebulan hari ini yang mana meletakkan mereka dikalangan rakyat yang sama berpendapataan tinggi seperti golongan pekerja mahir ataupun kumpulan executive di bandar-bandar.

Seperti yang sering saya tegaskan, kerajaan akan sentiasa mengawal keadaan ini agar kehidupan rakyat terutama yang berpendapatan rendah tidak begitu terdesak oleh tekanan inflasi.

Saya juga ingin mengulangi nasihat agar mereka juga mengambil langkah-langkah yang wajar membantu diri mereka sendiri dengan usaha bercucuk tanam dan mengadakan apa jua bekalan makanan dengan berternak dan usaha-usaha sambilan yang lain.

Dasar kerajaan mengenai bekalan makanan keperluan sudahpun diubah dan kita akan berusaha mengeluarkan beras secukupnya di samping bahan - bahan lain dan tidak bergantung pada impot lagi.

ANCAMAN KESELAMATAN

Satu lagi masaalah besar yang kita hadapi ialah soal keselamatan dalam negeri khasnya ancaman penggganas komunis yang hendak menimbulkan huru hara dan mengambil kekuasaan dengan cara kekerasan.

Kita patut bersyukur keadaan ini tidaklah bertambah berat daripada sudah-sudah meskipun selama enam bulan yang lalu ini terdapat banyak aktiviti dan berita - berita pertempuran antara pasukan keselamatan kita dengan penggganas-penggganas itu.

Bagaimanapun, keadaan adalah terkawal baik dan dalam tempoh itu kita berjaya mengenakan pukulan teruk ke atas mereka, menghapuskan bilangan yang besar dan melemahkan kekuatan mereka itu.

Seperti yang kita maklum bahaya ancaman penggganas ini dapat dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali sekiranya rakyat memberikan kerasama penuh kepada kerajaan.

Mereka itu tentu tidak dapat bertapak kecuali ada orang - orang yang bersimpati dengan mereka dan memberi mereka bantuan maklumat dan bekalan makanan, ubat-ubatan dan sebagainya.

Kerajaan mempunyai bukti yang nyata iaitu semasa Gerakan Indera di Raub tidak lama dulu, ada penduduk - penduduk kampung baru yang memberikan penggganas-penggganas itu bantuan dan menyembunyikan maklumat daripada kerajaan.

Begitu juga dalam peristiwa Lebuhraya Timur/Barat baru-baru ini ada golongan yang bersimpati dan bekerjasama dengan penggganas-penggganas itu hingga mereka berjaya melakukan angkara memusnahkan jentera-jentera berat di situ.

Saya ingin berkata terus terang di sini iaitu golongan rakyat yang membantu penggganas - penggganas itu adalah musuh negara yang paling keji dan sayugia disingkirkan dari masyarakat kita.

Bahkan mereka adalah lebih jahat daripada penggganas itu sendiri kerana mereka berpura-pura baik tetapi berusaha merosakkan negara dari dalam masyarakat sendiri.

Tindakan segera sedang diambil terhadap orang-orang ini kerana kita tahu tanpa mereka itu kegiatan-kegiatan penggganas - penggganas tadi akan lumpuh sama sekali.

Mereka adalah musuh dalam selimut dan kita bukan hanya mesti berwaspada terhadap mereka bahkan hendaklah bersungguh - sungguh mengidentify mereka dan mengambil tindakan yang keras terhadap mereka itu.

Kepada penggganas-penggganas itu, saya mengulangi seruan agar mereka menghentikan perbuatan honar mereka dan perjuangan yang siasia serta hampa itu.

Dalam pertemuan saya dengan Pengerusi Mao Tse-tung semasa lawatan ke Peking baru-baru ini beliau telah berkata bahawa penggganas-penggganas ini adalah masaalah Malaysia sendiri dan kita berhak mengambil apa juga tindakan untuk menghapuskan atau menyelesaikannya.

Jadi baiklah mereka menghentikan perbuatan jahat yang merugikan negara dan kembali kepada masyarakat.

Bagaimanapun, kalau mereka terus engkar, kerajaan berazam akan meneruskan tindakan habis-habisan untuk menghapuskan mereka dari bumi Malaysia ini.

Sehingga hari ini, kerajaan telah membelanjakan lebih dari $12,000 juta dari tahun 1971—1973 untuk pertahanan dan keselamatan iaitu polis dan tentera termasuk gerakan atau operasi.

Bagi tahun 1974 ini dianggarkan tidak kurang dari $5,300 juta iaitu kira-kira 20 peratus daripada belanjawan negara.

Sebahagian daripada perbelanjaan itu dapat dikurangkan dan digunakan untuk pembangunan sekiranya ancaman keselamatan negara dapat dihapuskan.

HUNBUGAN LUAR NEGERI

Hari ini kita berada di mercu kejayaan yang boleh kita banggakan dalam bidang hubungan luar negeri. Hasil dari langkah-langkah yang telah kita jalankan, Malaysia mempunyai nama yang sangat harum serta menduduki tempat yang tertinggi di mata dunia internasional.

Kemuncak dari usaha-usaha kita di bidang diplomatik ialah termeterainya hubungan rasmi antara Malaysia dengan Republik Rakyat China semasa lawatan saya ke Peking akhir bulan lalu.

Seperti yang pernah saya terangkan dahulu, hubungan luar negeri kita hari ini mempunyai tiga arah yang utama itu kerjasama serantau atau regional co-operation; kerjasama dengan negara-negara Islam oleh kerana kita adalah negara Islam; dan ketiganya, persahabatan yang luas atas dasar saling menghormati dan berbaik-baik tidak mengira sistem ekonomi/politik atau corak pentadbiran sesebuah negara itu.

Semenjak tahun 1970, semasa saya mengambil alih pimpinan negara, kita telah berusaha sungguh-sungguh mengamalkan politik bebas dan tidak terikat kepada mana-mana blok dunia sebagai anggota kumpulan negara-negara berkecuali.

Penerimaan kita menyertai Non-Aligned Nations merupakan satu tapak kemajuan bagi kita kerana Malaysia terpilih antara negara-negara yang duduk dalam jawatankuasa tetapnya dan pernah mendapat penghormatan mengadakan sidang jawatankuasa itu dalam tahun 1972.

Saya turut hadir dalam persidangan ketua-ketua negara di Algeria tahun lalu di mana gagasan Malaysia menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali atau Deklarasi Kuala Lumpur mendapat sokongan yang kuat dan penuh.

Kegiatan dan usaha kita mendekati negara-negara Islam bermula pada tahun 1970 semasa saya menghadiri Persidangan Jeddah untuk membentuk Sekretariat Islam.

Kita bersyukur ke hadrat Allah, berkat usaha kita itu persidangan memilih Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj sebagai setiausaha agung yang pertama iaitu satu penghormatan tinggi bagi rakyat dan negara kita.

Kepercayaan dan penghormatan negara-negara Islam kepada kita jelas semasa saya menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam di Lahore bulan Februari dulu yang memilih Kuala Lumpur sebagai tempat persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam yang baru saja selesai empat hari yang lalu.

Saudara - saudara sekalian tentu telah mengikuti perjalanan sidang tersebut dan saya amat gembira kerana program lima-mata yang kita kemukakan telah mendapat sambutan baik dan diterima penuh oleh negara-negara yang hadir.

Kita boleh berbangga kerana pada keseluruhannya para Menteri yang datang itu memuji negara kita bukan sahaja dari aspek persidangan dan program yang kita cadangkan tetapi juga dalam aspek kestabilan politik, kemakmuran dan kemajuan yang mereka saksikan sendiri di Pesta Pembangunan serta dari lawatan mereka ke beberapa negeri iaitu Pahang, Kelantan, Melaka, Johor dan Pulau Pinang.

Tidak siapa yang boleh menafikan dengan berkat Allah usaha kita yang baik itu meletakkan martabat Malaysia di tempat yang tinggi di mata dunia Islam dan juga dunia internasional.

Kalaupun kita mengeluarkan belanja untuk membiayai persidangan itu, saya yakin dan percaya atas kebijaksanaan serta menafaat yang didapati dari langkah itu.

Begitu juga saudara-saudara sekalian mengenai langkah yang kita ambil untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China. Sebagai negara yang menjalankan politik bebas, langkah ini sangatlah penting dan mustahak bagi keamanan dan ketabilan negara kita dan juga rantau ini.

Saya berbangga dengan sambutan yang meriah dan luar biasa yang diberi oleh kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China. Ini adalah penghormatan yang tidak ternilai terhadap Malaysia dan rakyatnya.

Lawatan saya ke Peking mempunyai erti yang besar kepada kita oleh kerana dengan adanya hubungan diplomatik itu kita telah menemui persetujuan dengan Republik Rakyat China atas beberapa perkara pokok — soal dua kerakyatan atau dual nationality yang telahpun ditolak oleh RRC; soal Parti Komunis Malaya; dan soal-soal politik regional dan bilateral setakat yang berkaitan dengan RRC.

Dalam perbincangan saya dengan pemimpin - pemimpin RRC iaitu Pengerusi Mao Tse-Tung, Perdana Menteri Chou En-Lai, Naib Perdana Menteri Li Hsien-Nien dan lain-lain, nyata dan jelas hasrat RRC hendak berbaik-baik dengan kita atas dasar-dasar itu.

RRC dengan tegas menolak prinsip dua kerakyatan yang diamalkan selama ini dan secara tegas juga mensifatkan orang-orang keturunan China yang telah memilih kerakyatan Malaysia terputus hubungan sama sekali dengan negara nenek moyang mereka itu.

Begitu juga mengenai orang-orang yang bermastautin tetap di negara ini dan bukan warganegara Malaysia, jika mereka hendak menjadi rakyat Republik Rakyat China, RRC akan menerima mereka sebagai rakyatnya tetapi mereka ini mestilah patuh pada undang-undang Malaysia dan menghormati adat resam serta kebiasaan hidup rakyat Malaysia.

Jadi bolehlah disimpulkan iaitu rakyat Malaysia dari keturunan China mestilah menumpukan taat setia mereka kepada negara ini dan mengamalkan cara hidup sebagai orang-orang Malaysia tulin.

Mengenai Parti Komunis Malaya atau MCP, Pengerusi Mao tegas menyatakan bahawa ini adalah soal dalam negeri kita dan terpulanglah kepada kita mengambil tindakan sewajarnya ke atas mereka itu.

China tidak campurtangan dalam hal ini dan menghormati semangat Communique Peking di mana kedua-dua negara menentang pencerobohan dan subversion dari mana-mana pihak.

Perdana Menteri Chou telah juga memberi sokongannya kepada ASEAN dan gagasan kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Begitu juga, beliau menyokong hak berkenaan Malaysia — Indonesia — Selat Menyokong hak perlakan mengenai tutan kiUndang-Undang sidangan yang sedang Laut sung sekarang racas Ven di Ca-

Saya per hasil dari lahasilnya dan hubun salomatik yang dipterjalin dengan publik Rakyat Reitu akan mentungkan kita dua-dua bidang tik antarabangsa juga perdagan yang mana RRC bersedia membeli bahan bahan mentah secara langsung daripada kita dan mereka akan membekalkan bekalau kita menghendakinya.

Dari segi tindakan kita terhadap MCP seperti saya katakan tadi, ini tanggungjawab kita dan tidak kena mengena dengan RRC dan kita berharap penggganas-penggganas dan penyokong penyokong mereka insaf akan hakikat ini.

Saya telah berucap agak panjang sedikit meliputi perkembangan - perkembangan politik dalam negeri khasnya Barisan Nasional, mengenai masaalah-masaalah dalam negeri kita dan perkembangan dalam perhubungan luar negeri dan yang lebih penting perkara-perkara yang menyentuh parti kita untuk menghadapi masa hadapan.

Hari ini dan esok kita akan menumpukan sepenuh perhatian kepada perkara perkara yang penting ini dan mencari huraian mengenai masaalah - masaalah yang kita hadapi bersama-sama itu. Marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah memberkati segala usaha kita dan memberikan kita taufik dan hidayahNya memimpin UMNO yang kita kasihi ini mencapai mercu kejayaan yang gemilang dalam memberikan perkhidmatannya kepada bangsa, negara dan agama Islam.

KERANA sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan, ruangan APA KATA BINTANG ANDA? tidak dapat disiarkan dalam keluaran ini. Oleh kerana itu kami meminta maaf kepada peminat-peminat ruangan tersebut. — Pengarang.

PTR. LA : 43 43/78.

Utusan Malaysia 23 Julai, 1974

Laporan Kawasan Baru akan dibentang di Parlimen sekarang ?

P-RAYA BILA-BILA

MASA SAJA

KUALA LUMPUR 22 JULAI

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak dijangka membentangkan laporan penyemakan semula kawasan baru pilihanraya dalam sidang Parlimen yang berlangsung sekarang.

Parlimen akan mengakhiri sidangnya pada 26 Julai ini.

Pagi ini Tun Razak menerima laporan itu dari Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Tan Sri Ahmad Perang di pejabatnya.

Laporan itu mengandungi butir hasil kajian semula serta mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya di Semenanjung Malaysia dan Sabah.



TUN Abdul Razak kelihatan sedang meneliti laporan penuh mengenai Kawasan Baru pilihanraya akan datang yang disampaikan oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya, Tan Sri Ahmad Perang di Pejabat Perdana Menteri pagi semalam.

NO. SIRI : 43
NO. PEN : 43/78

UTUSAN MALAYSIA
23hb.Julai.1974

PTR.BA: 44/78.

PENUBUHAN BANK OF CHINA TAK TIMBUL - RAZAK

KUALA LUMPUR 22 Julai — Perdana menteri, Tun Abdul Razak hari ini memberitahu Dewan Rakyat, soal kebenaran bagi Bank Of China ditubuhkan di Malaysia tidak timbul pada masa ini.

Perkara ini tidak dibincangkan semasa beliau melawat Republik Rakyat China selama 6 hari tidak lama dulu, katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan Encik Lim Kit Siang (DAP-Bandar Melaka).

Ketika menjawab soalan Haji Wahab Yunus (PAS-Dungun) Tun Razak menerangkan bahawa satu daripada hasil lawatan rasminya saya ke Republik Rakyat China ialah persetujuan bersama tentang penubuhan perhubungan diplomatik.

Dalam perbincangan dengan Perdana menteri Chou En-Lai, beliau telah menyatakan simpati serta sokongan terhadap konsep pengecualian Asia Tenggara yang saya terangkan kepadanya itu.

Katanya, soal disiplin yang diamalkan negara itu adalah perkara dalam negeri RRC sendiri dan seperti yang diketahui RRC adalah negara komunis.

Amalan tata-tertib adalah sebahagian dari sistem komunis, tegasnya.

NO. SIRI : 44
NO. PEN : 44/78

Utusan Malaysia 23 Julai, 1974

PTR.KA: 46 45/78.

BONOS TAHUNAN PEKERJA2 KERAJAAN PERLU DIKAJI —TUN

KUALA LUMPUR 22 Julai — Permintaan pekerja-pekerja kera aan untuk mendapatkan bonos tahunan dan 13 bu an ga i setiap tahun perlu dikaji dengan teli i dari semua segi.

Tun Razak memberitahu Dewan Rakyat petang ini: "Soa membayar bonos tahunan dan 13 bulan ga i setiap tahun kepada pekerja-peker a kera aan adalah perkara dasar yang besar."

"Ini kerana ia melibatkan wang yang banyak serta menyentuh kerajaan-kera aan Persekutuan, negeri dan badan-badan berkanun," tambah beliau.

Perdana Menteri menjawab **Encik V. David (PEKEMAS Datuk Keramat)** di Dewan Rakyat pe ang ini.

Encik David yang bertanya tentang perkara itu mendakwa bahawa bayaran 12 bulan gaji sekarang adalah merugikan peker a-pekerja oleh kerana terdapat beberapa bulan yang mempunyai 31 hari.

Kata Tun Razak: "Oleh hal yang demikian perkara-perkara i u per ulah dika i dengan teliti dari semua segi.

Apabi a selesai kajian itu, katanya, kera aan akan membuat keputusannya. (Lagi laporan Dewan Rakyat di muka 2).

NO. SIRI : 45
NO. PEN : 45/78

PTR.US:AG 46/78

Utusan Malaysia 24 Julai, 1974

Untuk beri peluang kepada rakyat mendapat perwakilan lebih sempurna — Razak

Laporan Suruhanjaya Pilihanraya LULUS

DEWAN Rakyat petang ini meluluskan laporan Suruhanjaya Pilihanraya untuk mempersempadankan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri di Semenanjung Malaysia dengan 104 bersetuju dan 8 menentang.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak sendiri telah membentangkan laporan tersebut.

Kesemua yang menentang ialah anggota pembangkang, sementara anggota KITA dari Larut Selatan, Encik Ng Hoe Hun tidak mengundi walaupun beliau ada di kerusinya semasa undi dijalankan.

Speaker Tan Sri C. M. Yusoff bertanya siapa ahli yang tidak mengundi dan hanya Encik Ng bangun. Tan Sri Yusoff mensifatkan ahli yang tidak mengundi — bersetuju atau menentang — sebagai 'bodoh'.

Dalam gelak ketawa ahli-ahli Dewan, Encik Ng bangun dan berkata: "Macam ini tidak patut," terus disambut dengan ketawa.

Berucap semasa membentangkan laporan itu, Tun Razak berkata perubahan yang disyorkan dalam laporan itu akan membolehkan rakyat mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan.

KUALA LUMPUR 23 JULAI

Katanya, ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya ini dibuat memandangkan kepada perkembangan-perkembangan yang berlaku di negara ini, terutama di bidang ekonomi dan sosial dalam tempoh 10 tahun lalu.

"Langkah ini juga dibuat kerana bertambahnya bilangan penduduk di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peluang

"Perubahan sempadan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyor dalam laporan itu akan memberi peluang-peluang kepada rakyat untuk mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan."

Beliau percaya ahli-ahli Dewan akan menyambut baik langkah yang diambil itu dan menyokongnya.

Tun Razak menarik perhatian persidangan tentang Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 10 Julai 1973.

Menurut akta itu, Perkara 46 dalam Perlembagaan telah dipinda dengan menambah bilangan kerusi Dewan Rakyat dari 144 menjadi 154 — tambahan 10 kerusi yang diuntukkan bagi negeri-negeri Tanah Melayu.

LIHAT MUKA 12
(Ruangan 7)

NO. SIRI : 46
NO. PEN : 46/78

Sambongan, 24hb, Julai, 1974

Razak: Kerajaan kaji syor dengan teliti

DARI MUKA 1

Berikutan dengan tambahan kerusi-kerusi Parlimen dalam Negeri Tanah Melayu, Dewan-Dewan Negeri Kedah, Kelantan, Trengganu, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Selangor telah meminda perlembagaan negeri masing-masing dengan menambah bilangan kerusi dalam Dewan-Dewan Negeri.

Menurut Tun Razak, seksyen 16 dalam Akta Perlembagaan (pindaan) 1973 menghendaki Suruhanraya Pilihanraya ulangkaji pembahagian negeri-negeri Tanah Melayu kepada bahagian-bahagian pilihanraya.

Suruhanjaya itu hendaklah mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan akta itu.

Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menyiapkan laporannya bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam jadual ketiga beas kepada perlembagaan itu pada 20 Julai lalu.

KERUSI

Laporan itu dikemukakan kepada Tun Razak semalam sebagaimana dikehendaki oleh Seksyen 8, Jadual 13 Perlembagaan.

Laporan setebal 369 muka itu, menurut Tun Razak dibahagikan kepada enam bab.

Bab pertama mengandungi latarbelakang dengan perubahan kawasan pilihanraya baru itu.

Dalam bab kedua ialah tentang pecahan kerusi-kerusi Parlimen. Perenggan 2.3 dalam bab itu juga memberi angka-angka perbandingan berkenaan dengan bilangan kerusi Parlimen negeri-negeri demi negeri—sebelum dan selepas pindaan kepada perlembagaan-perlembagaan Persekutuan dan negeri.

Bab III pula mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 2 dalam jadual ke 13 kepada perlembagaan.

Kata Tun Razak, bahagian ini dalam laporan itu menghuraikan sepenuhnya bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip ini dengan sepenuhnya.

nama-nama bahagian pilihanraya yang sedia ada sekarang.

Bab keempat laporan itu ialah tentang rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadangkan.

Menurut Tun, 140 rayuan telah diterima tetapi hanya 41 sahaja telah mematuhi kehendak-kehendak jadual ke 13.

Penyiasatan -penyiasatan tempatan telah diadakan untuk mendengar 41 rayuan. Selepas itu, Suruhanjaya Pilihanraya telah meminta syor-syor yang dicadangkan kecuali syor-syor yang berhubung dengan Pulau Pinang dan Wilayah layah Persekutuan.

Bab kelima pula mengandungi syor-syor muktamad bagi persempadanan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri.

Disertakan sama ialah senarai bagi semua daerah mengundi dalam tiap-tiap bahagian pilihanraya bersama dengan bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu daerah mengundi.

LAMPIRAN

Bab terakhir mengandungi lampiran-lampiran dan jadual-jadual. Folder dalam lampiran itu mengandungi 12 peta menunjukkan sempadan-sempadan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana yang disyorkan.

Tun Razak juga menarik perhatian ahli-ahli Dewan, syor-syor muktamad akan dikuatkuasakan kecuali berkenaan dengan bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Johor.

Juga dibentangkan bersama laporan itu ialah deraf perintah yang bercadang hendak menguatkuasakan, setakat mana yang berkenaan dengan Negeri Johor.

Syor yang dicadangkan itu menurut Tun suatu sebab yang patut bagi meminda syor yang lebih awal itu mengenai semua bahagian pilihanraya yang lain.

'Oleh yang demikian adalah lebih menasabah dan berpatutan supaya syor yang dicadangkan lebih awal itu diterima dan dikuatkuasakan.

Perdana Menteri mengucapkan terima kasih dan menyatakan penghargaan kepada pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menyiapkan laporan ini dalam tempoh yang segera.

Ucapan yang sama juga diberikan kepada setiausaha suruhanjaya itu, Encik Hassan Ibrahim dan pegawai-pegawai yang lain yang bertugas siang dan malam beberapa lama untuk menyiapkan laporan itu serta peta-petanya sekali.

Utusan Malaysia 24 Julai, 1974

PTR. KA. 47 47/78

CHEE KHOON: KENAPA PARTI2 PENYOKONG KERAJAAN DAPAT GUNAKAN?

Oposisi mahu peluang guna mass media kerajaan

TUN RAZAK

KUALA LUMPUR 23 JULAI

KERAJAAN hari ini diseru supaya memberikan peluang yang lebih kepada parti-parti pembangkang untuk turut serta berbahas dalam beberapa issue menerusi saluran-saluran penerangan kerajaan.

Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas Batu) berkata, pada masa ini parti pembangkang langsung tidak diberi peluang untuk turut berbahas menerusi mass media kerajaan seperti radio dan tilivisyen.

Hingga ini, kata beliau, peluang hanya diberikan kepada parti-parti penyokong kerajaan sahaja dan ini adalah tidak adil.

Beliau menyatakan ini ketika membahaskan syor laporan Suruhanjaya Pilihanraya mengenai pembahagian kawasan Parlimen dan Negeri bagi Semenanjung Malaysia yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Tun Razak petang ini.

Kata beliau, parti pembangkang bukan sahaja tidak diberi peluang menerusi mass media kerajaan, tetapi telah disekat melalui akhbar-akhbar.

Mengenai pembahagian kawasan pilihanraya, beliau memberitahu, syor yang dibuat itu adalah tidak menggambarkan perpaduan dan menunjukkan jarak perbezaan yang besar antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

Had umur

Beliau menyeru kerajaan supaya mengawasi pilihanraya yang akan berlangsung nanti tidak tergugat oleh sebarang kekacauan.

Sehubatnya, **Encik V. David (Pekemas — Datuk Keramat)** pula menyeru kerajaan menimbangkan had umur untuk pilihanraya dari 21 tahun kepada 18 tahun.

Katanya, pertimbangan ini perlu ah dikaji lebih teliti oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Beliau kemudian menyesali pihak kerajaan yang telah menggunakan banyak wang rakyat untuk menjalankan rapat-rapat raksaksa seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga di Seremban.

Encik Goh Hock Guan (Gerakan — Bangsar) berkata laporan itu merupakan satu langkah yang progresif ke arah membina negara.

Beliau menerima laporan itu walaupun kawasan Bangsar sekarang akan hilang dan terdapat kawasan Petaling dengan beberapa kawasan baru.

bandar mempunyai bilangan pengundi yang terlalu ramai.

Bagi kawasan Bangsar umpamanya, kata Encik Goh, merupakan kawasan Parlimen yang terbesar dengan pengundi seramai 81,000 orang dan kerusi luar bandar hanya mempunyai pengundi seramai 10,000 hingga 15,000 orang.

Pihak pembangkang telah menggesa supaya Bangsar mempunyai sekurang-kurangnya 4 orang ahli Parlimen.

Encik Goh mencabar Dr. Tan Chee Khoon dan Encik V. David supaya bertanding di kawasan luar bandar jika mereka merupakan rakyat Malaysia yang tulin.

Encik Fan Yew Teng (DAP — Kampar) telah bertanya ke manakah perginya bilangan pengundi seramai 243,040 orang yang berkurangan daripada kajian yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Beliau ingin tahu siapakah yang mesti disalahkan dan bagaimanakah perkara ini boleh berlaku.

Katanya, tiap-tiap tahun bilangan penduduk bertambah kira-kira 3 peratus dan sudah tentu orang akan menduga bahawa itu bermakna pertambahan.

Encik Tajuddin Ali (Per — Larut Utara) kemudian telah mensifatkan tuduhan yang dibuat oleh parti pembangkang ke atas suruhanjaya adalah tidak adil dan merupakan satu tuduhan jahat.

Beliau mencadangkan supaya mereka sebagai ahli Parlimen yang betul-betul mengamalkan demokrasi tarik balik tuduhan itu kerana ini menjatuhkan imej suruhanjaya itu.

Katanya, walaupun kawasannya sendiri telah dipecahkan tetapi beliau yakin itu adalah satu kerja yang rumit.

Raja Nong Chik Raja Ishak (Per — Kuala Selangor) menyebut tuduhan parti pembangkang yang mengatakan menyalahgunakan kuasa, ini katanya tidak benar.

Kalau betul, katanya pembangkang tidak dapat hidup, bergerak dengan bebas.

Mengenai pilihanraya yang bersih, katanya Barisan Nasional memang mengamalkan pilihanraya yang bersih dan tidak pula mencerca orang lain se-

Utusan Malaysia 31 Julai, 1974

PTR. KL. 48 48/78

TUN ABDUL RAZAK sedang menerima cenderamata patung-patung seekor lembu yang diperbuat daripada logam putih sempena pembukaan rasmi Rumah Sembelih Shah Alam baru-baru ini. Cenderamata ini disampaikan oleh Dr. M. Hussain, Pengarah Perusahaan Daging 'MAJUTERNAK' dalam upacara rasmi rumah tersebut.

Pusat Penyembelihan MAJUTERNAK yang termaju di Asia

LEMBAGA Kemajuan Ternakan Negara atau MAJUTERNAK yang berpusat di Shah Alam mempunyai rumah sembelihnya sendiri yang menelan belanja kira-kira $12.8 juta.

Pembukaan rasmi rumah sembelih ini telah dilakukan pada 18 Julai yang lalu. Rumah sembelih ini lengkap dengan alat-alat moden, dan boleh dianggap termoden di Asia Tenggara.

Perasmiannya telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dalam satu upacara yang dihadiri oleh kalangan yang berkenaan dengan perusahaan daging.

Dengan terdirinya sebuah tempat sembelih binatang-binatang ternakan seperti lembu, kerbau, mata pembukaan Rumah Sembelih Shah Alam itu, bahawa projek yang lengkap dengan alat-alat moden ini merupakan sistem pemusatan penyembelihan ternakan yang teratur dan bermutu tinggi, di samping menjamin mutu kesihatan daging yang dijual kepada rakyat.

Dengan adanya projek ini, kata Tun Abdul Razak dalam perutusan itu, adalah satu bokti atas hasrat dan keazaman kerajaan menyediakan kemudahan - kemudahan penting itu untuk menggalakkan perkembangan dan kegiatan pesat dalam perusahaan ternakan.

Ujudnya sebuah rumah sembelih yang terbesar di Shah Alam ini, menurut Tan Sri Mohd. Ghazali Jawi, Menteri Pertanian dan Perikanan dalam perutusannya adalah bokti. pelaksanaan projek MAJUTERNAK dalam bahagian perusahaan daging telah menjadi batu asas ke arah perusahaan haiwan yang lebih "sophisticated" bagi masa hadir dalam majlis pembukaan tersebut. Tun telah menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Negeri Denmark atas sumbangan Kerajaan Denmark dengan pembinaan Rumah Sembelih Shah Alam yang terbesar dan termoden sekali di Asia Tenggara.

Penghargaan ini telah disebutkan juga oleh Menteri Pertanian dan Perikanan, Tan Sri Haji Mohd. Ghazali Jawi dan Pengerusi MAJUTERNAK, Datuk (Dr.) Abdul Aziz Omar dalam ucapan aluan-aluan mereka di majlis pembukaan itu dan juga dalam buku cenderamata berkenaan.

Menurut tujuan utama dari pihak kerajaan, iaitu bahagian perkhidmatan Haiwan, bahawa mendirikan rumah sembelih yang moden dan menjamin mutu dan kesihatan adalah disebabkan hasil kajian yang dibuat oleh bahagian ini dalam tahun 1964, maka sejumlah rumah-rumah sembelih ternakan di seluruh negara sebanyak 312 buah itu didapati tidak mempunyai cara pemeriksaan daging yang teratur dan sebilangan besar dari bahan-bahan daging itu pula tidak digunakan langsung iaitu terbuang.

NO. SIRI : 48
NO. PEN : 48/78

Utusan Malaysia 31 Julai, 1974

PTR. 44 : 49 49/78



Gambar di atas menunjukkan poster Barisan Nasional yang akan digunakan dalam pilihanraya umum akan datang.

NO. SIRI : 49
NO. PEN : 49/78

Utusan Malaysia 31 Julai, 1974

PTR.45 : 50 50/78

Razak rasmikan pameran di Muzium Negara hari ini

Masa depan cerah bagi perusahaan kayu

TUN Abdul Razak akan merasmikan pameran ukiran kayu di Muzium Negara esok dan peristiwa ini mungkin merintis jalan kepada satu lagi perusahaan baru—perusahaan ukiran kayu.

Sebagai bukti perusahaan ini mempunyai masa depan yang cerah, hampir semua 57 bahan yang dipamerkan di muzium terlahpun ditempah awal-awal lagi sebelum pameran dirasmikan.

Pameran dan pertandingan ukiran kayu, hasil dayausaha Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Ali Haji Ahmad, diadakan untuk menghidupkan semula

KUALA LUMPUR 30 JULAI

kemahiran tradisi Melayu ini menjadikannya punca mata pencarian kepada pengukir kayu yang telahpun mengalih mata pencariannya kerana kekurangan keperluan bagi hasil mereka.

Hubungan

Di samping itu, pameran itu diharapkan dapat merapatkan hubungan pengukir-pengukir dengan bakal-bakal pembeli terdiri dari firma-firma, para diplomat asing dan atace perdagangan yang telah diundang menyaksikan pameran itu.

Datuk Ali berkata, kementeriannya, buat permulaan, akan bertindak sebagai penyelaras antara pengukir dengan pelanggan.

Lain-lain rancangan kementerian untuk menggalakkan perusahaan ukiran kayu ialah mengadakan kursus-kursus kepada para belia dan mereka yang ingin mempelajari ukiran kayu.

Ketua Pengarah Muzium Negara, Encik Shahrun Yub meramalkan perusahaan ukiran kayu mempunyai masa depan yang cemerlang.

Beliau yakin pameran itu akan menjadi daya galakan kepada pengukir-pengukir agar bakat mereka tidak terbuang begitu saja.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membelanjakan $30,000 untuk mengadakan pameran dan pertandingan ukiran kayu.

Pertandingan itu dibahagikan kepada dua bahagian -- bahan pameran besar dan kecil.

Pemenang

Pemenang - pemenangnya telahpun diumumkan. Bahagian bahan pameran besar, tempat pertama ialah Encik Abdul Latif bin Long dari Kelantan. Beliau mendapat hadiah $750.

Tempat kedua, Encik Mohamed Fadzil bin Mohamed Jaafar

NO. SIRI : 50
NO. PEN : 50/78

PTR.KO:51 51/78.

Bina satu masyarakat moden, adil, bersatu dan makmur jalan terus

Utusan Malaysia 8hb.Ogos.1974

MANIFESTO BARISAN

BARISAN Nasional hari ini mengumumkan manifesto pilihanrayanya bagi mendapatkan mandat baru rakyat untuk meneruskan usaha pembinaan satu masyarakat Malaysia moden yang adil, bersatu dan makmur seperti digariskan dalam Rukunegara.

Manifesto itu menggariskan rancangan-rancangan ekonomi serta sebelas projek besar yang sedang disiap atau sedang dilaksanakan.

Perdana Menteri Tun Abdul Razak selaku Pengerusi Barisan Nasional berikrar dalam manifesto itu bahawa beliau sedia memikul tanggungjawab untuk meneruskan usaha:

● Mengekalkan keamanan dan keselamatan negara serta melindungi jiwa, harta benda dan hak rakyat,

● Memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dalam negeri,

● Menentukan kedudukan negara kita berada di tempat yang mulia dan dihormati dalam gelanggang politik antarabangsa dengan mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali dan aktif,

● Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan sepenuh-penuhnya, dan

● Melahirkan masyarakat adil yang bersatupadu dan makmur sesuai dengan Rukunegara.

KUALA LUMPUR 7 OGOS

Katanya, kelima-lima matlamat penting ini akan hanya tercapai dengan sokongan semua pihak.

"Marilah kita bersatupadu dan meneruskan langkah demi kepentingan negara dan jenerasi akan datang," katanya .

Manifesto setebal 10 muka itu menyiarkan gambar berwarna wajah Tun Abdul Razak di muka depan dengan perkataan: "Barisan rakyat untuk Malaysia bahagia." Ia juga menyiarkan gambar 10 pemimpin barisan yang lain.

Di muka belakang manifesto itu tertulis perkataan 'Pilihan wajar': Barisan Nasional disertakan dengan simbol dacing. Lebih satu juta naskhah dalam Bahasa Malaysia, Inggeris, China, Tamil dan lain-lain bahasa di Sarawak dan Sabah telah diedarkan ke seluruh negara.

Tun Razak menarik perhatian Front Bersatu dan berkata Barisan Nasional adalah perkembangan yang lojik dari pertumbuhan dan kemajuan politik di Malaysia.

Katanya lagi, Barisan Nasional merupakan sebuah parti politik tunggal dan berkesan yang mencerminkan keseluruhan pendapat dan aliran politik negara yang lengkap.

Antara kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak pelancaran Rancangan Malaysia Kedua yang disebut dalam manifesto itu ialah pengeluaran kasar negara, bidang pekerjaan dan lain-lain kemajuan.

NO. SIRI : 51
NO. PEN : 51/78

PTR. KD. 52 53/78

Utusan Malaysia 8 Ogos, 1974



TUN RAZAK TANDA — TANGANI BORANG PENAMAAN CALUN

TUN Abdul Razak sedang menandatangani borang penamaan calun untuk bertanding di kawasan Parlimen Pekan di Pejabat UMNO Bahagian Pekan, pagi semalam.

Hari ini beliau akan diarak ke pusat penamaan calun di Pejabat Daerah Pekan untuk menyerahkan borang tersebut kepada Pegawai Pilihanraya dan juga Pegawai Daerah Pekan Encik Mokhtar bin Awang.

NO. SIRI : 52
NO. PEN : 52/78

PTR. PA : 53 53/78

Utusan Malaysia 8 Ogos, 1974

Kita boleh tubuh kerajaan Melayu jika kita mahu — Razak

KUANTAN 7 Ogos — Perdana Menteri Tun Abdul Razak berkata di sini "kita mahu menegakkan sebuah kerajaan nasional, bukan yang hanya diperintah oleh orang-orang Melayu walaupun kita boleh berbuat demikian."

Katanya, "tanpa kemenangan calun-calun bukan Melayu pun dari Barisan Nasional kita dapat menubuhkan sebuah kerajaan."

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada bakal-bakal calun, wakil mereka dan para pekerja pilihanraya Barisan Nasional di dewan rumah kediaman rasmi Menteri Besar petang ini.

Tun Razak menerangkan bahawa dengan ujudnya perpaduan di kalangan orang Melayu dan 70 peratus dari calun-calun yang bertanding adalah orang Melayu dari PAS dan UMNO sebuah kerajaan Melayu boleh dibentuk.

"Dengan kemenangan kesemua calun-calun itu kita dapat menubuhkan sebuah kerajaan yang hanya diperintah oleh orang orang Melayu tetapi kita tidak mahu ini, kita mahu sebuah kerajaan nasional," tegas Tun.

Beliau menambah untuk mengujudkan sebuah kerajaan nasional adalah terserah kepada orang-orang China dan India. Mereka hendaklah mengundi calun-calun bukan Melayu dari Barisan Nasional.

"Kalau tidak mereka tidak akan mempunyai wakil di dalam kerajaan yang akan ditubuhkan kelak," katanya.

NO. SIRI : 53
NO. PEN : 53/78

PTR. KA 54 54/78.

Utusan Malaysia 8 Ogos, 1974

Tun: Saya sedia undur bila tiba masanya

KUANTAN 7 Ogos — Tun Abdul Razak menyatakan petang ini beliau sedia untuk mengundurkan diri dari menjadi Perdana Menteri bila tiba masanya dan bila telah ada penggantinya.

"Orang mengatakan kerusi saya lembut, tetapi sebenarnya panas".

Tun memberitahu ini di dalam satu pertemuan dengan wakil-wakil parti Barisan Nasional di sini petang ini. "Hak menjadi wakil rakyat bukanlah hak seseorang, tetapi adalah hak parti, bila tiba masanya kita mestilah undur dan beri pelunag kepada orang lain

NO. SIRI : 54
NO. PEN : 54/78

Mingguan Malaysia 1 September, 1974

PTR.ULD : 55 55/78

PERUTUSAN PERDANA MENTERI

SAYA suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Letrik Negara sempena perayaan menyambut ulang tahunnya yang ke 25 pada 1hb. September ini.

Dalam masa suku abad itu, Lembaga Letrik Negara telah menempuh beberapa tingkatan perkembangan dalam sejarahnya, dari zaman kolonial kepada zaman kemerdekaan hinggalah kepada zaman pembangunan pesat pada masa ini. Dalam menempuh zaman itu, Lembaga Letrik Negara telah mencapai banyak kemajuan dalam kegiatannya.

Saya juga berasa bangga kerana lembaga ini telah dikendalikan dengan cekap dan sempurna oleh pegawai-pegawai yang bukan saja berkebolehan dan berkelulusan tinggi, tetapi juga berjiwa pembangunan dan sentiasa sensitif terhudap kehendak-kehendak rakyat. Tidak syak lagi, Lembaga Letrik Negara sekarang ini merupakan sebuah pertubuhan yang kukuh yang akan terus memainkan peranan pentingnya untuk pembangunan negara.

Sempena perayaan Jubili Perak ini, saya berharap Lembaga Letrik Negara akan terus meningkatkan kegiatannya untuk mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkannya.

Saya juga berseru kepada rakyat jelata dari semua lapisan baik di kota atau di desa supaya menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Letrik Negara dengan sebaik-baiknya bagi membaiki taraf hidup mereka sesuai dengan peredaran zaman

TUN HAJI ABDUL RAZAK
BIN HUSSEIN



PM TUN ABDUL RAZAK

NO. SIRI : 55
NO. PEN : 55/78

PTR. KA : 56 '56/78

Utusan Malaysia 2 September, 1974

Erti pembangunan menurut Razak

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Tun Abdul Razak mengatakan malam ini bahawa pembangunan negara bukan semata-mata suatu slogan sahaja, bahkan merupakan suatu matlamat nyata atau 'manifest destiny' yang akan dikembalikan kepada rakyat bagi memenuhi mandat yang diberikan oleh mereka.

"Inilah rasional Dasar Ekonomi Baru kita yang dijalankan melalui Rancangan Malaysia Kedua dan rancangan - rancangan berikutnya," kata Tun.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis jamuan perdana sempena menyambut perayaan jubli perak Lembaga Letrik Negara di sini malam ini.

Tun Razak memuji kejayaan - kejayaan yang telah dicapai oleh LLN sehingga ini, kerana, menurutnya, tenaga letrik adalah sangat penting kepada dunia moden dan 'begitulah pentingnya LLN kepada Malaysia hari ini yang sedang menuju zaman moden dan maju."

Tegasnya, tenaga letrik diperlukan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu:

○ Memodenkan sektor pertanian supaya menjamin pendapatan tinggi dan makanan yang cukup melalui daya pengeluaran yang lebih;

○ Memperkembang pembangunan industri dengan perhatian istimewa kepada perusahaan yang berasaskan pertanian (agro-based industries).

○ Menubuhkan pusat-pusat pertumbuhan baru dengan membuka lebih banyak kawasan pertanian di bawah rancangan FELDA dan lain-lain.

Beliau bagaimanapun mengingatkan bahawa LLN bukan satu ejensi yang wujud semata-mata untuk mencari keuntungan. "Bahkan ia merupakan suatu ejensi pembangunan yang menjadi alat penting ke arah mencapai matlamat-matlamat negara," ujar beliau.

Tun Razak lalu menyeru pemimpin-pemimpin masyarakat supaya membetulkan sebarang prasangka mengenai perkara ini.

Sempena dengan perayaan ulangtahun ke 25 LLN itu, Tun Razak berkata; "Saya harap semoga jubli perak ini akan membawa ilham baru bagi kejayaan-kejayaan yang lebih cemerlang lagi di masa hadapan."

Ini adalah kerana, menurut Tun, LLN memainkan peranan yang sangat penting

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 4)

P. M. TUN RAZAK

Lebih banyak stesyen dibina

DARI MUKA 1

kerana segala rancangan sangat-sangat memerlukan tenaga letrik, terutama sekali dalam usaha kerajaan hendak memodenkan kawasan luar bandar.

"Untuk tujuan ini, saya percaya LLN sedang merancang hendak mendirikan lebih banyak lagi stesyen penjana di seluruh negara dalam tahun-tahun akan datang," kata Tun.

Beliau memberitahu bahawa ampangan-ampangan yang dibina di Temenggor dan yang akan dibina di Kuala Tahan bukan sahaja akan menjadi stesyen haidro yang akan mengeluarkan tenaga letrik, tetapi juga untuk mengawal banjir yang sentiasa mendatangkan mala petaka kepada rakyat.

Kerana itulah kerajaan telah memberi sokongan penuh terhadap LLN membina stesyen penjana di Temenggor yang memakan belanja sebanyak $250 juta itu," kata Tun. Projek tersebut dijangka siap tahun 1978.

Katanya: Dengan siapnya rancangan ini, Lembaga Letrik Negara akan mendapat tambahan tenaga letrik sebanyak 350,000 kilowatt lagi.

"Kerajaan juga sangat berpuas hati di atas penyiasatan yang sedang dijalankan pada rancangan yang sama di Tembeling, di Sungai Trengganu dan di beberapa tempat lagi di Negeri Kelantan dan Perak.

NO. SIRI : 56
NO. PEN : 56/78

PTR: KA : 57 57/78

Utusan Malaysia 2 September, 1974

Razak sampai amanat penting hari ini

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Tun Abdul Razak dijangka akan menyampaikan amanat penting kepada anggota-anggota Parlimen Barisan Nasional dari seluruh negara esok sebagai persediaan menghadapi sidang Parlimen tidak lama lagi.

Di samping memberikan tahniah di atas kemenangan mereka dalam pilihanraya lalu, Tun Razak juga akan memberikan garis-garis bertindak sebagai panduan mereka bertugas dalam menunaikan kewajipan masing-masing sebagai wakil rakyat nanti.

"Ini adalah untuk mempastikan setiap orang wakil rakyat bertindak selaras dengan dasar 'action-oriented' Kerajaan Barisan Nasional yang akan dibentuk tidak lama lagi," kata punca Barisan Nasional di sini hari ini.

Sikap

Punca itu menegaskan bahawa Tun Razak berpendapat sikap baru wakil-wakil rakyat ini sangat-sangat diperlukan terutama sekali untuk mempastikan kepercayaan dan sokongan yang diberikan oleh rakyat terhadap Barisan Nasional itu tidak dihampakan.

Tun Razak akan berucap kepada ahli-ahli Parlimen baru itu dalam satu perjumpaan khas di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada pukul 4.00 petang esok.

Seramai 127 orang ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dari seluruh negara dijangka hadir di perjumpaan tersebut.

Utusan Malaysia difahamkan bahawa sidang Parlimen akan diadakan selepas Hari Raya ini, sebaik sahaja diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agung dan notis tiga minggu diberikan kepada setiap orang anggota Dewan.

NO. SIRI : 57
NO. PEN : 57/78

JUMAAT 6 SEPTEMBER 1974

PTR. KA : 58 58/78

Kegembiraan seorang Perdana Menteri

TUN RAZAK kelihatan gembira sambil mengumumkan anggota-anggota baru dalam kerajaannya dalam sidang akhbar di Bilik Gerakan Negara, Kuala Lumpur lewat petang semalam. — Gambar Ayub Tahir.

NO. SIRI : 58
NO. PEN : 58/78

ISNIN 9 SEPTEMBER 1974

PTR. KA': 59 59/78

RAZAK-WHITLAM BERUNDING DI BALI

DENPASAR, BALI, 8 Sept. — Tun Abdul Razak hari ini berunding secara tidak rasmi kira-kira 65 minit dengan Perdana Menteri Australia, Tuan Gough Whitlam di sini.

Rundingan yang tidak dijadualkan itu diadakan atas permintaan Tuan Whitlam.

Tun Razak diiringi oleh Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abidin Sulong manakala Tuan Whitlam oleh Timbalan Setiausaha Jabatan Hal Ehwal Luar, Tuan Richard Woolcott dan dutanya ke Indonesia, Tuan A.W. Furlonger.

Perdana Menteri Australia, yang singgah di sini sebelum berlepas pulang ke Canberra sebelum ini telah mengadakan rundingan tidak rasmi dengan Presiden Suharto di Jogjakarta.

Awal pagi ini, Perdana Menteri, Tun Razak telah bermain golf dengan Menteri Luar Indonesia, Tuan Adam Malik.

Tun Razak akan berlepas ke Surabaya di Jawa Timur pagi esok. Ketibaan beliau di Lapanganterbang Juanda di Jangka disambut oleh Presiden Suharto.

Kemudian Tun Razak akan menyaksikan pertunjukan lembu tahunan di Kampung Pandaan dekat Tretes, kira-kira 36 batu dari Surabaya di mana beliau akan makan tengah hari bersama dengan Presiden Suharto.

Selepas makan tengah hari, kedua-dua orang pemimpin itu akan mengadakan rundingan tidak rasmi.

Tun Razak dijadualkan berlepas balik ke sini petang itu juga untuk meneruskan lawatan tidak rasminya sehingga 14 September ini. — Bernama.

PM TUN RAZAK

NO. SIRI : 59
NO. PEN : 59/78

Utusan Malaysia 9 September, 1974

PTR. KA': 60 60/78

Razak ambil alih Ketua Perhubungan UMNO Trengganu

KEMAMAN 8 Sept. — Presiden UMNO, Tun Abdul Razak telah mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan UMNO Trengganu, mulai 1 September lalu.

Menteri Besar Haji Wan Mokhtar Ahmad dilantik sebagai timbalannya.

Perdana Menteri mengambil alih jawatan itu berikutan pengunduran diri bekas Menteri Besar Datuk Haji Nik Hassan Abdul Rahman setelah memegang jawatan itu sejak Februari 1972.

Ini diumumkan oleh Haji Wan Mokhtar dalam satu perjumpaan dengan kira-kira 1,000 orang penyokong Barisan Nasional anjuran UMNO Bahagian Kemaman, di Dewan Bandaran di sini malam tadi.

Haji Wan Mokhtar

Menurutnya, Naib Presiden UMNO Encik Ghafar Baba telah membawa sendiri perutusan Tun Razak mengenai perkara tersebut.

Perjumpaan tersebut bertujuan meraikan beliau sebagai Menteri Besar dan Datuk Haji Wan Kadir Ismail sebagai Timbalan Menteri Perhubungan.

"Perubahan di kalangan jawatankuasa perhubungan akan dapat diketahui apabila Tun Razak mempengerusikan mesyuarat perhubungan negeri tidak lama lagi," katanya.

Inilah kali kedua Tun Razak mengambil alih selaku ketua Perhubungan UMNO Trengganu. Kali pertama dalam bulan Ogos 1970 hingga Februari 1972, apabila Allahyarham Tan Sri Ibrahim Fikri mengundurkan diri.

Tun Razak juga pernah mengambil alih selaku Ketua UMNO Bahagian Kemaman dari tahun 1968 hingga 1971.

NO. SIRI : 60
NO. PEN : 60/78

PTR.KA:61 61/78

RAZAK DISAMBUT MERIAH DI BALI

KETIBAAN Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdul Razak bersama isterinya, Toh Puan Rahah ke Bali Sabtu kelmarin untuk berihat selama seminggu telah disambut dengan meriah penuh dengan tradisi penduduk-penduduk pulau itu.

Menunggu di Lapanganterbang Bali untuk menyambut ketibaan Tun dan Toh Puan ialah Menteri Luar Indonesia, Tun Adam Malik.

* Gambar menunjukkan Tun Razak dan Toh Puan Rahah diiringi oleh Tun Adam Malik berjalan di atas permaidani merah di tengah-tengah dua barisan penari Bali di Lapanganterbang Ngurah Rai.

NO. SIRI : 61
NO. PEN : 61/78

Mingguan Malaysia 15 September, 1974

PTR. KA: 62 60/78.

TRETES, Jawa Timur: Presiden Indonesia, Jeneral Suharto dan Perdana Menteri Tun Abdul Razak telah mengadakan rundingan tidak rasmi selama dua jam Isnin lalu di kota persiaran ini di kaki Gunung Welirang — dua jam perjalanan dengan kereta dari Surabaya.

Gambar atas menunjukkan Tun Abdul Razak (kiri) dan Presiden Suharto (kanan) duduk bersama sebelum rundingan dijalankan di "Villa Foresta." — Gambar AP.

Razak disambut meriah di Kota Kinabalu

KOTA KINABALU 14 Sept. — Tun Abdul Razak telah diberi sambutan meriah apabila beliau tiba di sini hari ini untuk lawatan selama dua hari.

Perdana Menteri bersama isterinya, Toh Puan Hajah Rahah tiba dengan kapalterbang jet Kerajaan Sabah pada pukul 11.30 pagi waktu Sabah.

Mereka telah diundang menghadiri perayaan sambutan harijadi yang ke 54 Yang Dipertua Negara Sabah dan Hari Kebangsaan.

Tun Razak telah disambut oleh Ketua Menteri, Tun Datu Haji Mustapha.

Perdana Menteri kemudian telah menerima tabik hormat dan memeriksa satu barisan kehormatan terdiri daripada 104 orang pegawai dan anggota Pasukan Polis Hutan.

KOMPANG

Selepas itu beliau telah diperkenalkan kepada orang orang kenamaan termasuk menteri-menteri negeri, pembantu menteri dan pemimpin masyarakat.

Satu pasukan kompang telah mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri dengan pukulan kompang yang bergema di lapanganterbang di sini.

Selepas itu Tun Razak dengan diiringi oleh Tun Datu Mustapha

Mingguan Malaysia 15 September, 1974

PTR.KA: 63.63/78

Tun Razak ketuai senarai kurniaan

Keputeraan Sultan Perak: 189 terima darjah kebesaran

IPOH 14 SEPT.

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak mengetuai senarai 189 orang yang menerima kurniaan Sultan Perak sempena ulangtahun keputeraan baginda ke 50 dengan darjah kebesaran Seri Paduka Cura Simanja Kini (S.P.C.M.) bergelar Dato' Sri.

NO. SIRI : 63
NO. PEN : 63/78

Utusan Malaysia 17 September, 1974

PTR:KA: 64 64/78.

Kemenangan cemerlang Barisan di Sarawak

TUN RAZAK PUASHATI

KOTA KINABALU 16 SEPT.

TUN Abdul Razak berpuashati dengan kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional di Sarawak, memandangkan keadaan dan masaalah perhubungan di negeri itu.

Masaalah perhubungan di Sarawak, negeri yang terluas sekali di Malaysia, menyebabkan rakyat sukar mendapat penerangan yang jelas mengenai konsep Barisan Nasional.

Namun demikian dengan kemenangan yang dicapai itu, beliau yakin perubahan dan pembangunan yang lebih pesat dapat dijalankan di negeri itu.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap dalam satu majlis jamuan bagi merayakan kemenangan Barisan Nasional di dewan masyarakat di sini malam tadi.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun dan Yang Dipertua Agung PAS Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda.



Tun Razak

Beliau berikrar, dengan sokongan kuat yang diberikan oleh rakyat, kerajaan akan dapat melaksanakan janji-janji yang dibuat dalam manifesto pilihanrayanya.

Perdana Menteri yakin Barisan Nasional akan terus berkuasa kerana parti itu mewakili bilangan terbesar rakyat di Malaysia.

Lagi pun rakyat mempunyai penuh harapan kepadanya

NO. SIRI : 64
NO. PEN : 64/78

Utusan Malaysia 17 September, 1974

PTR. Ms: 65 65/78.

Kabinet yang memenuhi keperluan negara

Oleh S. Othman Melaka

TUN RAZAK

DALAM rencana ini, seorang pembaca, S. Othman, Melaka memberi pendapatnya tentang kabinet baru Barisan Nasional.

KABINET Tun Razak kali ini berorientasi kan tindakan. Bukan bermakna sebelum ini kabinetnya tidak bersifat bertindak cuma mulai sekarang soal tindakan hendak ditegaskan lagi. Atau dapat dikatakan mulai sekarang Tun Razak dan kabinetnya mahu bekerja lebih keras lagi biar segala objektif kerajaan dapat dicapai dengan segera.

Mengenangkan betapa kali ini kabinetnya mesti bersifat "action oriented" beberapa perubahan dibuat sesuai dengan keperluan negara masa kini. Bilangan menteri hanya tinggal 21 orang kerana jawatan Menteri Perpaduan Negara dan Menteri Hal Ehwal Sarawak di mansuhkan. Sebaliknya Jabatan Perdana Menteri mengambil alih tugas perpaduan negara. Bilangan Timbalan Menteri adalah besar — 16 orang. Didapati kabinet Tun Razak kali ini lebih besar. Bilangan ini sengaja ditambah kerana masaalah yang kita hadapi sekarang kian bertambah. Semoga bilangan seramai itu dapat menghadapi masaalah kita secara berkesan lagi.

Sumbang

Kalau adapun suara sumbang di kalangan pihak pembangkang yang mengatakan kabinet Tun Razak terlalu besar jika dibandingkan dengan Kabinet di Australia, maka perbandingan itu sepatutnya tidak boleh dibuat. Masaalah Australia dengan masaalah kita tidak sama. Malaysia lebih menghadapi masaalah dari Australia kerana patan dua orang Timbalan — Dato' Sri Haji Kamaruddin Isa dan Datuk Abdullah Ahmad. Encik Ghafar Baba = Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dibantu oleh dua orang Timbalan Menteri Encik Mokhtar Hashim dan Datuk Mustapha Jabar.

Dengan adanya jawatan Timbalan Menteri ini nanti akan dapat menjamin berkesannya segala dasar dan perlaksaan tiap-tiap Kementerian. Dua Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertanian dan pembangunan Luar Bandar tiap-tiap satu yang diujudkan adalah kerana memandangkan betapa berat tanggungjawab yang pasti dipikul oleh Jabatan Perdana Menteri (Khasnya Unit Perancangan Ekonominya) dan juga Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang juga merupakan penggerak nadi pembangunan di Malaysia.

Oleh sebab masa kini kedapatan banyak Perbadanan - Perbadanan Awam seperti MARA dan PERNAS dan beberapa badan berkanun yang lain guna memelsatkan lagi pembangunan, maka penyelarasan badan-badan berkanun di kira penting untuk menjamin berkesannya tiap-tiap badan tersebut dalam tugas mereka.

Maka sebuah kementerian diketuai oleh Datuk Hussein Onn dibentuk — Kementerian Perbadanan Awam untuk menyelaraskan semua ajensi berhubung dengan pembangunan. Dahulu jawatan menteri ini tidak diujudkan kerana belum di kira perlu lagi pun pertumbuhan badan-badan berkanun belum begitu banyak.

Itulah sebabnya dikatakan awal-awal tadi kementerian baru dibentuk dan ramai Timbalan Menteri dilantik semata-mata untuk memenuhi keperluan masa kini.

Bilangan Menteri dan Timbalan Menteri dan bilangan kementerian yang banyak sebenarnya memberi peluang kepada mereka untuk mengkhusus dalam tugas mereka. Bila ada pengkhususan, hasil yang didapati mungkin baik.

Selari

Mungkin pada masa akan datang bila banyak masaalah sudah dapat diatasi maka bilangan Menteri dan Timbalan Menteri akan dikurangkan kerana biar selari dengan keperluan masa itu.

Timbul juga komplen menyatakan kabinet Tun Razak kurang memenuhi janji atau harapan orang bukan Melayu yang mahukan lebih ramai lagi Menteri bukan Melayu di dalam kabinet Razak.

Setakat ini ada sepuluh Menteri bukan Melayu — 8 China dan 2 India. Rasanya bilangan ini sudah cukup untuk menjadikan kabinet Tun bersifat berbilang kaum. Apakah kita mahu kabinet ini mempunyai bilangan Menteri Melayu dan bukan Melayu sama banyak?

Sebenarnya tidak boleh dibuat demikian kerana bilangan ini berdasarkan berapa ramai wakil rakyat Melayu dan bukan Melayu dalam Parlimen. Lagi pun Tun Razak lebih mementingkan kelayakan para wakil untuk mengetuai sesuatu kementerian. Jadi bilangan yang ada itu sudah cukup dan sesuai dengan dasar kita — perpaduan.

Keadaan yang sama juga disuarakan oleh golongan wanita negeri ini. Golongan wanita mahukan bilangan Menteri wanita ditambah seorang lagi. Dirasakan juga dengan bilangan lima orang wakil wanita dalam Parlimen, seorang menteri wanita dilantik sudah cukup.

Setakat ini wanita cuma mempunya. seorang Menteri wanita sahaja iaitu Puan Hajah Aishah Ghani, Menteri Kebajikan Am. Untuk dilantik seorang Menteri wanita lagi rasa saya tidak sesuai kerana lain-lain wakil wanita dalam Parlimen adalah orang baru cuma seorang sahaja yang lama iaitu Datin Fatimah Majid. Dan wakil-wakil baru itu memerlukan masa yang begitu lama lagi untuk memegang jawatan Menteri atau Timbalan Menteri.

Peluang

Tetapi saya setuju jika seorang Setiausaha Parlimen dilantik di kalangan wakil wanita. Ini membolehkan wakil-wakil wanita menggunakan peluang untuk memegang jawatan yang lebih atas lagi.

Rintihan ini sepatutnya disuarakan sebelum pilihanraya dulu. Rayuan tu sepatutnya inginkan lebih ramai lagi kaum wanita diletakkan menjadi calun. Paling tidak dua puluh orang memandangkan bilangan kaum wanita yang ramai di negara ini.

Bukan tidak ada wanita yang layak menjadi Menteri di negeri ini. Cuma mereka yang layak itu tidak bertanding dalam pilihanraya.

Seolah-olah ada satu persedian dilakukan oleh Tuh Razak dalam pembentukan kabinet barunya. Muka-muka baru terlalu ramai diperkenalkan dalam kabinet. Baru dalam kabinet tapi dah lama dalam kancah politik. Antaranya Tun Datu Mustapha, Datuk Musa Hitam dan Dr. Mahathir. Menteri Timbalan Menteri yang merupakan muka baru ialah Dr. Sulaiman Daud, Encik Moktar Hashim, Datuk Mustapfa Jabar, Dato' Sri Kamaruddin Isa, Datuk Abdullah Ahmad, Encik Richard Ho, Datuk Athi Nahappan, Encik Abu Bakar Umar, Haji Hassan Adli, Tan Sri Chong, Encik Chan Siang Sun dan Encik Paul Leong Khee Seong.

Muka baru ini sengaja diketengahkan untuk menghadapi keperluan masa depan. Seolah-olah muka baru ini dilatih oleh Tun Razak dalam tugas-tugas kabinet. Nanti tidak tercari-cari siapa yang layak. Pun ketika ini Tun Razak begitu mudah mencari orang baru dalam kabinetnya kerana telah tersedia beberapa tokoh yang berkalibar.

NO. SIRI : 65
NO. PEN : 65/78

Útusan Malaysia 21 September, 1974

PTR. KD: 66 66/78.

CHRISTOPHER KUNJUNGI RAZAK



SIR Christopher Soames, Naib Presiden Suruhanjaya Ekonomi Eropah telah mengunjungi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak di Kuala Lumpur kelmarin.

Sir Christopher berada di Kuala Lumpur kerana menghadiri Persidangan Financial Times mengenai Hasil Bumi Asia Tenggara dan Ekonomi Dunia.

NO. SIRI : 66
NO. PEN : 66/78

Utusan Malaysia 7 Oktober, 1974

PTR. KA: 67 67/78

Tun sampaikan hadiah kepada peserta peraduan Quran Kebangsaan

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak petang tadi telah menyampaikan hadiah kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan Quran di peringkat kebangsaan.

Hadiah - hadiah yang berupa sagu hati itu telah disampaikan di Dewan Besar Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai.

Bagi peserta-peserta yang mendapat johan, naib johan dan pemenang ketiga dalam pertandingan peringkat kebangsaan masing-masing akan menerima hadiah mereka di upacara penutup oleh Seri Paduka Baginda yang Dipertuan Agung di Stadium Merdeka pada malam esok.

KUALA LUMPUR 6 OKTOBER

Dalam upacara penyampaian hadiah itu Perdana Menteri juga telah menyampaikan tiket kapalterbang untuk menunaikan fardu haji kepada qari dan qariah yang menang di peringkat kebangsaan.

Hadiah untuk menunaikan fardu haji itu adalah dari Kerajaan Saudi Arabia. Tiket tersebut membolehkan pemenang - pemenang itu untuk menunaikan fardu haji pada bila-bila masa sahaja.

Peserta-peserta yang menerima hadiah sagu hati itu ialah seramai 24 orang, 12 daripadanya ialah qariah.

Turut menerima hadiah saguhati ialah pembaca Quran jemputan kanak-kanak dari Trengganu iaitu adik Halim bin Awang Ibrahim dan dari Kedah adik Norini binti Mohamad Akib.

Sementara itu, pertandingan membaca Al-Quran peringkat antarabangsa bagi malam ke-3 telah dimulakan oleh peserta dari Brunai Haji Awang Damik bin Haji Kawang, di Stadium Merdeka malam ini.

Seramai 15 orang peserta mengambil bahagian pada malam yang terakhir ini. Peserta dari Malaysia Haji Ismail bin Haji Hashim adalah diantara yang memperdengarkan bacaannya pada malam ini.

Cuaca pada malam ini amat baik sekali. Stadium penuh sesak dengan orangramai yang datang berduyun-duyun untuk menyaksikan pertandingan tersebut.

Turut hadir ialah, Seri-Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung, Perdana Menteri Tun Razak dan menteri-menteri kabinet.

Upacara pembukaan pertandingan telah diserikan oleh kumpulan nasyid dari Sekolah Tinggi Agama dari Pekan Pahang.

Kumpulan tersebut yang dianggotai oleh seramai 60 orang murid-murid sekolah telah memperdengarkan dua buah nasyid ,antaranya berjudul 'Pemuda Islam.'

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung akan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan pada malam esok.

Keputusan pertandingan akan diumumkan esok dalam majlis penutup yang dijangka akan berlangsung dengan meriah.

Pertandingan membaca Al-Quran peringkat antarabangsa pada tahun ini disertai oleh 14 buah negara. Seramai 36 orang qari dan qariah mengambil bahagian 14 daripadanya adalah terdiri dari para qariah.

KELIHATAN pembaca jemputan kanak-kanak, Adik Norini binti Mohamad Akib dari Kedah sedang menerima hadiah saguhati dari Perdana Menteri Tun Abdul Razak petang semalam.



KELIHATAN Cik Lat binti Saad qariah dari Kedah sedang menerima hadiah saguhatinya daripada Perdana Menteri Tun Abdul Razak di Dewan Besar, Maktab Perguruan Bahasa, Lembah Pantai petang semalam.

NO. SIRI : 67
NO. PEN : 67/78

Mingguan Malaysia 27 Oktober 1974

Aliran pelancung-

Mingguan Malaysia 27 Oktober, 1974

PTR. KA : 68 68/78.

Hotel: Lebihkan lagi modal tempatan - Tun

KUALA LUMPUR 26 Okt. — Tun Razak menyatakan beliau ingin melihat lebih banyak lagi usaha bersama dijalankan untuk projek hotel-hotel yang bertarat antarabangsa yang dibiayai oleh modal tempatan.

Di samping itu kata Tun, hubungan pertalian dengan kumpulan antarabangsa adalah baik untuk mendapatkan expertise dalam semua bidang dan jurusan sebelum boleh berdiri di atas kaki sendiri.

Katanya: 'Kita juga boleh berbangga dengan bertambah pesatnya perusahaan hotel ini yang membuka peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan sekolah untuk mengisi tempat-tempat pada semua peringkat sambil mendapatkan kemahiran yang berguna."

Pelancung

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Hotel Regent di sini malam ini yang berharga $35 juta.

Beliau puashati dengan hotel ini kerana syarikat asalnya Landmarks Corporation Berhad ialah 100 peratus Malaysia dan UDA mempunyai penyertaan 30 peratus.

Tun menambah, dengan adanya Hotel Regent ini, Kuala Lumpur mempunyai tambahan satu landmark baru di kawasan Jalan Imbi yang tidak banyak mendapat perubahan.

Terdahulu dari itu Tun Razak menyatakan bahawa perusahaan pelancungan di negara ini semakin meningkat maju sejak diadakan sidang PATA dua tahun yang lalu.

Aliran pelancungan yang semakin ramai terutama setelah jet-tour dari Australia bertumpu ke mari, memerlukan kemudahan-kemudahan yang lebih baik bukan sahaja di bandaraya ini dan di Pulau Pinang tetapi juga di bandar-bandar lain.

Gembira

Perdana Menteri gembira dengan usaha-usaha membina hotel-hotel serta mengadakan lain-lain kemudahan di Negeri Melaka, Pulau Pangkor, Pulau Langkawi dan Pulau Tioman dalam usaha memajukan perusahaan pelancungan.

"Tidak syak lagi dalam tahun-tahun akan datang ini pelancungan akan merupakan salah satu punca kemajuan ekonomi negara ini," katanya.

Tun Razak juga menyatakan bahawa kerajaan sedang menimbangkan untuk mengadakan perkhidmatan jet di Kuantan dan Kuala Trengganu untuk menarik ramai lagi pelancung - pelancung datang ke negeri sebelah sini.



PM Tun Razak

NO. SIRI : 68
NO. PEN : 68/78

Utusan Malaysia 28 Oktober, 1974

PTR. KA: 69/69/78



PERUTUSAN DARI PERDANA MENTERI MALAYSIA

SAYA sukalah mengucapkan terima kasih kepada D & C Nomura Merchant Bankers kerana memberi kesempatan kepada saya memberikan sepatah dua kata sempena pelancarannya hari ini.

Saya juga suka mengucapkan tahniah kepada Development and Commercial Bank (Ltd) Berhad atas inisiatifnya mendapatkan kerjasama dari dua institusi kewangan Jepun yang terkemuka — The Nomura Securities Co. Ltd dan The Mitsui Bank Ltd. — dan The National Bank of Australia, untuk menubuhkan D & C Nomura Merchant Bankers Berhad ini.

Sesungguhnya ini adalah satu pertanda yang baik iaitu keyakinan intitusi kewangan dan juga kerajaan negara-negara asing terhadap kestabilan politik dan keteguhan ekonomi negara kita. Dengan bertambahnya sebuah lagi Merchant Bankers ini akan memesatkan lagi pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan pertumbuhan industri serta mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Saya yakin peranan yang dimainkan oleh D & C Nomura Merchant Bankers ini mendatangkan faedah besar kepada negara ini di masa akan datang. Saya harap D & C Nomura Merchant Bankers Berhad ini akan dapat memberi galakan kepada kaum Bumiputera yang ingin melibatkan diri dalam rancangan perindustrian supaya mereka akan menyertai dengan lebih giat lagi dalam sektor moden ini untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Saya ucapkan selamat Maju Jaya.

Kuala Lumpur. 21hb. Oktober. 1974.

[TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN]

NO. SIRI : 69
NO. PEN : 69/78

UTUSAN MALAYSIA
28hb. Oktober. 1974

PTR.KA : 70 70/78

GAMBAR menunjukkan Tun Razak sedang menyampaikan ucapannya di perasmian tersebut, kelihatan juga di sebelah kiri sekali Datuk Chong Kok Lim Pengerusi Lembaga Pengarah hotel tersebut, dan isteri Tun, Toh Puan Hajah Rahah.

Razak rasmikan 'Regent'

PERDANA Menteri Tun Abdul Razak malam semalam telah merasmikan pembukaan Hotel Regent - sebuah hotel yang menelan belanja berjuta-juta ringgit terletak di tengah-tengah Ibu Negara Kuala Lumpur.

Berbagai upacara kebudayaan termasuk tarian, nyanyian telah diadakan untuk merasmikan upacara perasmian itu.

Hotel tersebut mempunyai 400 bilik kelas pertama untuk para pelancung dihiasi dengan lambang keperibadian rakyat Malaysia.



DUA orang penari jelita yang didatang khas dari Hawaii untuk menghiburkan para jemputan dalam upacara perasmian hotel itu, kelihatan sedang menunjukkan tarian mereka yang juga terbayang di kolam mandi hotel tersebut.

NO. SIRI : 70
NO. PEN : 70/78

UTUSAN MALAYSIA
28hb.Oktober.1974

PTR.KL: 71 71/78

Dalam tempoh setahun dua ini keadaan ekonomi akan bertambah genting lagi

TUN: BERSEDIA DARI SEKARANG

" GAMBAR kanan kelihatan Tun Razak sedang menyematkan Pingat Tun Fatimah di baju Tun Sharifah Radziah, isteri bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman di upacara penyampaian pingat itu sempena perayaan Hari Wanita di Dewan Bahasa dan Pustaka, semalam.

TUN Abdul Razak hari ini mengingatkan seluruh rakyat supaya bersiap sedia dari sekarang lagi kerana "dalam tempoh setahun dua ini kita akan menghadapi keadaan ekonomi yang genting."

Perdana Menteri mahukan mulai dari sekarang rakyat, terutamanya mereka yang tinggal di desa-desa, melipatgandakan lagi pengeluaran bahan-bahan makanan, termasuk perusahaan ternakan.

Kepada kaum wanita yang disifatkannya sebagai "Nakhoda Rumah," Tun Razak menggesa mereka supaya memainkan peranan penting membangkitkan kesedaran tersebut di kalangan rakyat.

Berucap merasmikan Perayaan Hari Wanita dan Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pagi ini, Tun Razak juga telah:

- Menyatakan keyakinannya bahawa Malaysia akan dapat memenuhi secukupnya keperluan beras negara dan sekurangnya 80 peratus dari keperluan bahan makanan lain seperti daging dan buah-buahan dalam masa beberapa tahun ini;
- Menyatakan rasa gembiranya kerana keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pimpinan wanita bertambah teguh dan berjanji untuk menimbangkan kemungkinan menambahkan bilangan wanita dalam kerajaan di masa akan datang walaupun sekarang beliau masih belum boleh berbuat demikian;
- Menyeru kaum wanita supaya menitikberatkan juga soal pendidikan anak-anak mereka di samping menumpukan tenaga terhadap pembangunan ekonomi kerana "walau apapun kemewahan yang diperolehi, ia tidak akan membawa kebahagiaan jika masyarakat menyeleweng dari landasan."

KUALA LUMPUR 27 OKT.

Tun Razak berkata, sekarang ini sudah ramai kaum wanita menceburkan diri di lapangan perusahaan dan perniagaan, tetapi usaha masih boleh dilipatgandakan lagi supaya menyeluruh di kalangan kaum wanita, sama ada di bandar mahupun di desa.

Beliau menyeru mereka supaya mencontohi kaum wanita di Kelantan dan Trengganu yang melibatkan diri dengan giatnya dalam berbagai lapangan perniagaan.

Tun Razak juga mengingatkan rakyat supaya lebih banyak menggunakan barang-barang buatan negara ini sendiri dan jangan lagi bergantung kepada barang-barang yang diimpot.

Keperluan

Perdana Menteri memberitahu bahawa beliau telah pun mengarahkan Kerajaan Negeri dan jabatan kerajaan supaya mengutamakan pengeluaran bahan-bahan makanan supaya mencukupi keperluan negara seluruhnya.

Langkah-langkah juga sedang diambil supaya bahan-bahan pengeluaran utama, seperti getah, timah dan kayu-kayan, digunakan dengan lebih banyak lagi dalam membuat barang-barang keperluan dan perumahan awam.

Tun Razak berkata, beliau bangga dengan kejayaan pertubuhan wanita dalam memperjuangkan haksama dalam perkhidmatan dan perkara-perkara lain termasuk soal nikah cerai.

"Saya sendiri memanglah bersimpati dengan perjuangan kaum wanita itu dan kerajaan telah pun menimbangkan sebarang tuntutan yang menasabah oleh kaum wanita," kata Tun.

Keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap pimpinan wanita, kata Tun, bertambah teguh dan ini terboktikan dengan bertambahnya bilangan wanita dipilih oleh rakyat menduduki kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.

Bilangan mereka dalam Dewan Negara dan badan-badan serta lembaga yang ditubuhkan oleh kerajaan juga akan ditambah. Baru-baru ini, menurut Tun beliau telah melantik seorang wanita dalam Lembaga Perpaduan Negara dan seorang dalam Lembaga Pengarah BERNAMA.

Bagaimanapun dukacita sedikit saya belum boleh menambah-

GAMBAR kelihatan sebahagian dari tokoh-tokoh wanita dari seluruh negara dan para jemputan khas yang menghadiri majlis penyampaian Pingat Tun Fatimah kepada pemimpin-pemimpin wanita yang telah berjasa kepada bangsa dan negara sempena Perayaan Hari Wanita di Dewan Bahasa dan Pustaka semalam.

NO. SIRI : 71
NO. PEN : 71/78

PTR. KA : 72 72/78.

Utusan Malaysia 29 Oktober, 1974

Ekonomi dunia merosot: Razak arah pegawai2 kemajuan negeri tegas

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Tun Abdul Razak hari ini mengarahkan pegawai-pegawai kemajuan negeri mengambil langkah-langkah mengurangkan kesan tekanan kemerosotan ekonomi dunia di seluruh negeri.

Langkah- langkah tersebut ialah:

- Membanyakkan kerja gotong-royong, terutamanya projek-projek kecil pembangunan:
- Menggalakkan penanaman bahan makanan bagi menampung keperluan sehari-hari:
- Menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam perusahaan-perusahaan: dan
- Menggalakk a n penubuhan banyak lagi perusahaan berasaskan pertanian yang mengeluarkan bahan makanan.

Perdana Menteri juga mengingatkan supaya usaha pengeluaran makanan jangan semata-mata ditumpukan kepada pengeluaran beras.

Bahan-bahan makanan yang lain hendaklah diberi perhatian yang bersungguh - sungguh, tegasnya.

Beliau menyatakan ini dalam satu pertemuan dengan para pegawai tersebut di Bi ik Gerakan Perdana Menteri di sini.

KILANG

Beliau mengarahkan supaya bahan-bahan tempatan seperti timah dan kayu digunakan dalam pembinaan rumah-rumah supaya kilang-kilang berkenaan dapat terus menjalankan perusahaan di samping mempastikan rakyat mendapat pekerjaan.

Tun Razak berkata sebagai setiausaha-setiausaha jawatankuasa tindakan negeri, mereka bertanggungjawab menentukan dasar-dasar kebangsaan dilaksanakan dinegeri masing-masing.

Masaalah masaalah rumit dan besar yang tidak dapat diselesaikan oleh mereka hendaklah dibawa segera ke Kerajaan Pusat atau kepada beliau sendiri supaya tindakan yang berkesan dan cepat dapat diambil, tegasnya.

Mereka juga hendaklah mengawasi perlaksanaan projek-projek yang dijalankan oleh ejensi-ejensi kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKN) dan mempastikan ianya benar-benar menguntungkan dan memberi faedah kepada rakyat dan negara.

"Kita tidak boleh membenarkan projek-projek yang tidak dapat mendatangkan keuntungan,terus dilaksanakan kerana ia membawa akibat buruk kepada kerajaan", katanya.

Penelitian mestilah dibuat, katanya lagi, sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan lebih lebih lagi memandang kepada keadaan ekonomi dunia yang kian merosot.

Perdana Menteri menggesa kerajaan-kerajaan negeri menggunakan kebijaksanaan menarik pelabur menubuhkan perusahaan di negeri masing-masing.

NO. SIRI : 72
NO. PEN : 72/78

PTR. KA : 73 73/78.

Utusan Malaysia 29 Oktober, 1974

Razak: Sumber kepakaran dalam bank perlu dibina segera

TUN Abdul Razak malam ini menyebutkan tentang perlunya dibina segera satu sumber kepakaran dalam bank saudagar di negara ini, mengatur rancangan menyeluruh dan sistematik terhadap pengambilan, latihan dan perkembangan kakitangan.

KUALA LUMPUR 28 OKT.

Perdana Menteri berkata dalam usaha mengembangkan pertumbuhan bank saudagar,. perhatian haruslah diberikan terhadap pembangunan pengurusan yang baik dan berkesan yang penting dalam sebarang usaha.

Beliau menyatakan tidaklah dapat dirangukan tentang perlunya dibentuk satu sumber manusia dengan mempunyai keupayaan yang perlu untuk memberi khidmat di peringkat tinggi yang merupakan syarat awal bagi menjamin kejayaan sesuatu sektor yang memberi khidmat seperti bank saudagar.

Tun Razak berucap di upacara pelancaran rasm D and C Nomura Merchant Banker Berhad di sini.

Perdana Menteri menyatakan kerajaan mengalu-ngalukan penubuhan bank saudagar kerana memandangkan perannya yang yunik.

Katanya, walaupun saudagar merupakan institusi yang agak baru di negara ini, kehadiran mereka adalah memang kena pada waktunya memandangkan matlamat kerajaan hendak mempercepatkan lagi pembangunan perindustrian dan ekonomi.

Katanya, peruntukan kewangan dan nasihat dan kepakaran pengurusan oleh bank saudagar akan menolong dalam penggunaan optima wang yang boleh didapati untuk pembangunan seperti itu.

Tun Razak menegaskan dengan menawarkan khidmat terutama dalam semua aspek kewangan dan pengurusan pelaburan, bank-bank saudagar akan juga dapat memberi sumbangan terhadap pembangunan pasaran wang dan modal dan bertukar-tukar bil dengan lebih luas lagi.

NO. SIRI : 73
NO. PEN : 73/78

Utusan Malaysia 29 Oktober, 1974

PTR. KL 74 74/78



CENDERA-MATA DARI BELIA2 ASEAN-JEPUN

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Rombongan Belia ASEAN dan Jepun dalam siri lawatan mereka selama tiga hari ke negara ini sempat mengunjungi Perdana Menteri, Tun Abdul Razak di pejabatnya pagi tadi.

Selepas bertukar-tukar fikiran mengenai masaalah Belia ASEAN dan Jepun rombongan tersebut telah menyampaikan hadiah cenderamata kepada Perdana Menteri.

Rombongan tersebut tiba di pelabuhan Kelang dengan kapal Nippon Maru semalam diiringi oleh Belia Malaysia. Ketibaan mereka telah disambut dengan paluan kompang dan silat gayung.

● Gambar kelihatan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sedang menerima hadiah cenderamata yang disampai oleh wakil rombongan tersebut.

NO. SIRI : 74
NO. PEN : 74/78

PTR. KD: 75 75/78.

Utusan Malaysia 29 Oktober, 1974

● GAMBAR atas menunjukkan Tun Razak (di depa ı kiri) sedang berucap di upacara pelancaran Lembaga Perpaduan Negara di Jabatan Perdana Menteri semalam . Di kiri beliau ialah Tun Sambanthan manakala di kanan ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad.

Usaha2 ke arah ini mestilah dipisah dari politik — Razak

JALAN PUPUK PERPADUAN

TUN Abdul Razak hari ini berkata, usaha-usaha memupuk perasaan perpaduan dan menyatupadukan rakyat berbilang kaum negara ini hendaklah dipisahkan daripada politik.

Tegas beliau: "Ia hendaklah dijalankan oleh mereka yang tidak mengambil bahagian cergas dalam politik yang boleh menumpukan perhatian kepada masaalah penting ini dengan cara objektif daripada kacamata yang adil dan saksama".

"Mudah-mudahan cita-cita kita hendak membina satu negara yang maju, bersatupadu dan makmur akan dapat dilaksanakan dalam masa hayat hidup kita semua supaya dengan itu Malaysia yang kita kasihi ini akan terus maju dan jaya selama-lamanya," tambahnya.

Berucap melancarkan Lembaga Perpaduan Negara di Bilik Kabinet di sini, Perdana Menteri berkata: "Kerajaan yang saya pimpin dan juga Parti Barisan Nasional yang saya ketuai adalah bersungguh-sungguh kepada dasar membawa

KUALA LUMPUR 28 OKT.

perpaduan di kalangan rakyat daripada berbilang bangsa."

"Saya dan rakan-rakan saya sedar dan insaf iaitu hanyalah dengan adanya perpaduan di kalangan rakyat negara kita dapat bukan saja mengekalkan keamanan bahkan membina asas yang kukuh bagi kemajuan yang dicita-citakan oleh rakyat seluruh," kata beliau.

Tun Razak kesal kerana perasaan perkauman masih lagi menjadi bahan politik sebagaimana terbukti dalam pilihanraya umum yang baru lalu.

Hubungan

Dalam hubungan ini beliau berkata, langkah-langkah telah diambil untuk mengadakan kerjasama antara parti-parti yang dulu menentang kerajaan dengan menubuhkan satu parti yang lebih besar — Barisan Nasional.

"Pada masa BN mula-mula ditubuhkan, saya telah meneka ia mendapat sokongan lebih 80 peratus rakyat Malaysia yang taat setia kepada negara dan inginkan kepada keamanan dan perpaduan.

"Tekaan saya itu telah disahkan dalam pilihanraya lalu bila lebih daripada 80 peratus calun-calun Barisan Nasional telah mendapat sokongan rakyat," kata beliau.

Tun Razak berkata dari segi politik "kita telah membina satu asas perpaduan yang saya harap akan menimbulkan keinsafan dan persefahaman".

Perdana Menteri mengulangi bahawa dasar pelajaran yang bercorak nasional dan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang lebih luas adalah dua faktor yang telah dapat mengadakan perhubungan di kalangan rakyat.

Ia juga menimbulkan perasaan persefahaman yang lebih erat di kalangan rakyat, ujar Tun Razak.

Bagaimanapun beliau menegaskan "Kita masih dapati dalam masyarakat kita rakyat dari berbagai kaum duduk berasingan dan ini mestilah diatasi".

Tun Razak juga menyentuh perkara-perkara berikut dalam ucapannya itu:

● Percaya Dasar Ekonomi Baru akan menjadi landasan yang akan dapat mengatasi masaalah-masaalah pembahagian yang berlainan dalam bidang pekerjaan dan perusahaan.

● Yakin dasar pelajaran kebangsaan sekarang akan dapat menjamin muda-mudi dan anak anak yang masih di bangku sekolah menjadi warganegara yang benar-benar bersemangat dan berperasaan Malaysia dan menumpukan taat setia yang sepenuhnya kepada negara.

● Kementerian Perpaduan Negara dalam masa 2½ tahun lalu telah dapat menjalankan beberapa langkah yang memberi kesan memuaskan.

Usaha menyatupadukan rakyat daripada berbilang kaum tak dapat tiada mengambil masa yang agak pan-

NO. SIRI : 75
NO. REN : 75/78

PTR. KA : JG 76/78

Utusan Malaysia 7 November 1974

2 menteri dilantik rundingkan soal keciciran nama pengundi - Razak

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Kabinet telah melantik dua orang menteri untuk berunding dengan Suruhanjaya Pilihanraya bagi mencari jalan supaya tidak berlaku lagi keciciran nama-nama pengundi dari daftar.

Mereka itu ialah Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar Baba dan Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir Yusof.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak mengumumkan demikian hari ini ketika menjawab **Dr. Tan Chee Khoon (Pekemas-Kepong)** semasa soaljawab di Dewan Rakyat. Dr. Tan mahu kerajaan menubuhkan sebuah suruhanjaya diketuai seorang hakim untuk menyiasat keciciran itu.

Kecil

Menjawab **Encik Lim Kit Siang (DAP-Kota Melaka)** Tun Razak berkata, hanya 4,133 orang sahaja telah melaporkan kepada Suruhanjaya Pilihanjaya yang nama mereka telah ketinggalan dari daftar pengundi.

Ini hanya merupakan 0.01 peratus sahaja daripada jumlah seluruh pengundi yang berdaftar.

Perdana Menteri menerangkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa penyelidikan untuk menyiasat lebih lanjut sebab-sebab keciciran itu.

Perkara itu diketahui berlaku kerana beberapa sebab termasuk pendaftaran lebih dari sekali dan tukar alamat.

Dalam proses membetulkan nama-nama pengundi mungkin terdapat keciciran beberapa nama pengundi-pengundi lain tetapi bilangannya adalah kecil.

Tun Razak memberitahu bahawa Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (BN-Kinabatangan) bahawa dari kira-kira 300,000 nama pemilih yang dipotong dan dianggarkan 244,103 ialah mereka yang berdaftar lebih dari sekali.

Sebahagian daripada mereka telah pun dilaporkan kepada polis yang masih menjalankan penyiasatan.

Tun Razak juga menerangkan bahawa 58,036 daripada nama yang dipotong itu kerana kematian.

Tun Razak menerangkan, suruhanjaya sentiasa waspada supaya kehilangan nama pengundi daripada daftar pemilih tidak berlaku.

Menjawab **Encik Lee Lam Thye (DAP-Kuala Lumpur Bandar)** Tun Razak berkata sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan menjalankan pendaftaran dan penyemakan pendaftaran sepanjang tahun.

Mengenai syor Encik Lim supaya kerajaan menimbang mengadakan pindaan kepada undang-undang untuk mengenakan pendaftaran wajib, Tun Razak berkata perkara itu sedang dikaji.

NO. SIRI : 76
NO. PEN : 76/78

Utusan Malaysia 9 November 1974

PTR.KA : 77 77/78

RAZAK PENGERUSI SIDANG MB DAN K. MENTERI

PERDANA Menteri Tun Razak telah mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di Bilik Gerakan, Jabatan Perdana Menteri di sini pagi semalam.

Sebelum mesyuarat itu bermula, mereka telah diberi taklimat mengenai aliran stagflasi dan inflasi dunia yang melibatkan keadaan ekonomi negara serta langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi.

Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Ghafar Baba, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Kadir Shamsuddin dan lain-lain pegawai kanan kerajaan.

Gambar menunjukkan dalam mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri di Bilik Gerakan yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri semalam. (Lihat muka 1).

NO. SIRI : 77
NO. PEN : 77/78

PTR. KA: 78 78/78

SABTU 9 NOVEMBER 1974

TUN RAZAK

Peranan kerajaan2 negeri penting hadapi tekanannya

STAGFLASI: LANGKAH2 PERLU—PM

KUALA LUMPUR 8 NOV.

KERAJAAN Pusat akan menjalankan beberapa langkah perlu untuk mengatasi kesulitan yang akan dihadapi akibat tekanan stagflasi dunia, Tun Abdul Razak berkata hari ini.

Perdana Menteri menegaskan pentingnya peranan kerajaan-kerajaan negeri dalam menjayakan usaha Kerajaan Pusat dan langkah-langkah yang dijalankan supaya tekanan stagflasi dunia yang melibatkan ekonomi negara tidak terlalu buruk.

Beliau memberitahu para Menteri Besar dan Ketua Menteri di Bilik Gerakan Perdana Menteri bahawa terpulanglah tiap negeri menggunakan kebijaksanaan masing-masing bagi menjayakannya.

Tun Razak berkata demikian sebelum mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, pagi ini.

Sebelum mesyuarat itu bermula, mereka telah diberi taklimat mengenai aliran stagflasi dan inflasi dunia yang melibatkan keadaan ekonomi negara serta langkah-langkah kerajaan bagi mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi.

Tiga perkara mustahak

Taklimat juga diberi mengenai cara dan peraturan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan yang akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Ghafar Baba, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Setiausaha Negeri, Tan Sri Kadir Shamsuddin dan lain-lain pegawai kanan kerajaan.

Tun Razak mengulangi rancangan tiga perkara yang mustahak diutamakan dalam beberapa tahun akan datang untuk mengatasi kesulitan ekonomi negara.

Pertama: Membanyakkan penubuhan kilang barang-barang makanan dan perindustrian berasaskan pertanian .

Kedua: Perusahaan-perusahaan yang boleh membanyakkan penggunaan bahan-bahan tempatan; dan

Ketiga: Membanyak dan mengutamakan projek-projek yang menggunakan tenaga pe-

Pusat sedia beri bantuan

DARI MUKA 1

Beliau menyeru kerajaan - kerajaan negeri memberi kerjasama penuh dalam melaksanakan rancangan - rancangan itu, terutama dalam hal tanah serta usaha menyedia dan mengadakan kemudahan - kemudahan bagi menggalakkan penubuhan kilang dan perusahaan serta penanaman modal ke negeri masing-masing.

Terpulanglah kepada tiap negeri menggunakan kebijaksanaan masing-masing bagaimana hendak menyediakan kemudahan - kemudahan itu.

Kerajaan Pusat bersedia memberi bantuan dan sokongan, tegasnya.

Kerajaan negeri juga, menurutnya hendaklah berusaha mendapatkan usaha-bersama dari mana-mana lapangan swasta.

Mengenai Rancangan Malaysia Ketiga, Tun Razak menerangkan bahawa adalah menjadi tanggung jawab kerajaan negeri menyediakan rancangan masing-masing untuk ditimbangkan oleh Kerajaan Pusat.

Katanya, dalam menyediakan rancangan - rancangan itu kerajaan negeri hendaklah menentukan supaya ada perseimbangan dalam kemajuan tiap daerah dan kawasan dalam negeri masing-masing.

Tegasnya, adalah penting bagi rancangan - rancangan yang dikemukakan oleh negeri-negeri diatur dan dirancangkan mengikut keutamaan negeri berkenaan serta boleh memberi kemajuan menyeluruh untuk faedah dan kepentingan negara.

Beliau menggesa kerajaan - kerajaan negeri melicinkan jentera pentadbiran

Mingguan Malaysia 10 November 1974

PTR KA : 79 79/78.

Kerana tentang calun2 Barisan dalam pilihanraya lalu —Tun

UMNO PECAT 100 AHLI

TUN Razak (tengah) kelihatan sedang mempengerusikan mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO di Ibupejabat UMNO semalam.
Dalam gambar (dari kanan) Dato' Haron Haji Idris, Menteri Besar Selangor, Datuk Senu Abdul Rahman, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Hussein Onn, Timbalan Presiden UMNO dan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Bendahari Agung UMNO.

KUALA LUMPUR 9 Nov. — UMNO Malaysia telah memecat lebih 100 orang anggota parti itu kerana menentang calun-calun Barisan Nasional dalam pilihanraya Ogos lalu.

Presiden UMNO, Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa tindakan itu dibuat oleh Majlis Kerja Tertinggi dalam mesyuaratnya di Rumah UMNO hari ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Perdana Menteri menjelaskan bahawa antara yang dipecat termasuk ahli UMNO yang menjadi calun, pencadang dan penyokong calun, ejen pilihanraya serta mereka yang terang-terang menentang Barisan Nasional.

"UMNO terpaksa bertindak tegas terhadap mereka yang menentang Barisan Nasional demi kepentingan dan keutuhan parti," tegasnya.

Oleh MAHADI ABDUL

Inilah mesyuarat kali pertama majlis tertinggi selepas pilihanraya lalu.

Menurut Tun Razak, anggota-anggota UMNO lain yang tidak terlibat dengan pemecatan tersebut tetapi telah menentang Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu, akan juga disiasat oleh Jawatankuasa Tatatertib Parti.

Beliau mengumumkan perlantikan Ketua dan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Negeri-Negeri Setiausaha Agung, Bendahari dan Ketua Perhubungan.

Tun Razak sendiri mengetuai perhubungan UMNO negeri Trengganu, sementara Menteri Besar Trengganu, Haji Wan Mokhtar Ismail menjadi timbalannya.

Ketua Menteri Melaka, Haji Abdul Ghani Ali telah dilantik menjadi ketua perhubungan negeri Melaka menggantikan Encik Ghafar Baba yang telah dilantik menjadi Setiausaha Agung Barisan Nasional.

Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Datuk Haji Ahmad Manaf telah dilantik menjadi timbalannya.

Tokoh-tokoh

Datuk Senu Abdul Rahman dilantik semula menjadi Setiausaha Agung UMNO, demikian juga Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan Senator Haji Othman Abdullah dengan jawatan lamanya sebagai Bendahari Agung dan Ketua Penerangan. [illegible] Timbalan Ketua

Sambongan. 10hb. November. 1974

Ketetapan UMNO

DARI MUKA 1

tua) dan Haji Ahmad Abdullah (Timbalan Ketua).

Tun Razak seterusnya memberitahu mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi UMNO telah membuat ketetapan bahawa penyelarasan bahagian bahagian UMNO akan dijalankan mulai sekarang.

Langkah ini perlu dilakukan dan terpulang kepada jawatankuasa bahagian-bahagian untuk membuat perundingan dengan cawangan masing-masing, katanya.

Dengan penyelarasan ini diharap perjalanan UMNO di peringkat bahagian dan cawangan akan bertambah licin lagi sesuai dengan keadaan sekarang.

Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi hari ini merupakan pertama kali diadakan selepas pilihan raya dan telah juga membincangkan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan kepentingan parti.

Mingguan Malaysia 10 November 1974

PTR. 14A : 80 80/78



Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, sebagai seorang angguta Parlimen turut mengangkat sumpah di upacara angkat sumpah yang berlangsung di bilek mesyuarat Dewan Rakyat Isnin lalu.

NO. SIRI : 80
NO. PEN : 80/78

JUMAAT 22 NOVEMBER 1974

PTR. LA : 81 81/78.

Elaun wakil-wakil rakyat akan ditambah — Razak

IPOH 21 Nov. — Elaun ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negeri akan ditambah untuk membolehkan mereka berkhidmat lebih cekap.

Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berkata hari ini, wakil-wakil rakyat sekarang dikehendaki menumpukan lebih banyak masa kepada rakyat di kawasan masing-masing.

Ini bererti mereka memerlukan wang lebih, bukan saja sebagai ganti rugi kehilangan pendapatan sebagai ahli perniagaan atau tugas-tugas profession mereka, tetapi juga untuk menjamin perkhidmatan mereka yang lebih cekap kepada rakyat, katanya ketika berucap kepada kira-kira 200 orang ahli Barisan Nasional di sini.

Pejabat

Beliau memberitahu bahawa satu rang undang-undang untuk menambahkan elaun kepada ahli-ahli Parlimen akan dibentang dalam sidang Dewan Rakyat sekarang.

Beliau juga memberitahu bahawa Barisan Nasional akan mengadakan pejabat di semua kawasan Parlimen untuk memberi khidmat kepada rakyat.

Jawatankuasa Barisan Nasional peringkat negeri akan ditubuhkan dipengerusikan oleh Menteri Besar. Jawatankuasa peringkat kawasan Parlimen pula akan diketuai oleh ahli-ahli Parlimen yang berkenaan.

Kiranya satu-satu kawasan itu dikuasai oleh pembangkang, Menteri Besar akan memilih seorang yang layak menjadi pengerusinya dengan persetujuan Tun Razak.

Tun Razak mengarahkan semua pegawai Barisan Nasional dan para anggota memberi gambaran jelas kepada rakyat tentang kedudukan stagflasi ekonomi sekarang dan langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kesulitan rakyat.

Perjumpaan itu telah bertafakur selama satu minit sebagai memperingati Allahyarham Ahli Majlis Kerja Negeri, Datuk Masud bin Untoi, yang meninggal dunia baru-baru ini.

NO. PEN : 81
NO. PEN : 81/78

Utusan Malaysia 23 November 1974

PTR.KA: 82 82/78.

SEKITAR BANDAR TAIPING 100 TAHUN



PERDANA Menteri, Tun Razak [kanan] sambil tersenyum sedang menyampaikan wang berjumlah $106 kepada Nenek Hawa binti Hussein — penduduk paling tua di Taiping.



TUN Razak sedang memotong kek hari jadi Taiping yang ke 100.

TV & RADIO

jam 7.15 malam ini

Rupanya mendiangkan bapanya dia paling rapat dan lapangan seni lakun dan setakat ini telahpun turut mengambil bahagian dalam beberapa buah drama yang diterbitkan oleh pihak RTS.

"Saya mempunyai minat yang besar dalam lapangan seniakun dan saya mempunyai hasrat untuk menjadi seorang bintang filem yang lebih terkenal dari ayah dan emak saya," katanya lagi.

NO. SIRI : 82
NO. PEN : 82/78

Utusan Malaysia 23 November 1974.

PAR WA: 83 83/78.

ISTERI Perdana Menteri, Toh Puan Rahah [di tengah] sedang mempelawa Nenek Hawa [kanan] untuk menjamah kuih yang dihidang dalam satu jamuan teh sempena Perayaan Ulangtahun Ke 100 Bandar Taiping.

PTR.KL : 83 83/78

Utusan Malaysia 28 November 1974.

KUALA LUMPUR
27 NOV.

Razak arah LPN siap sedia hadapi pasaran baru

TUN Razak malam ini mengarahkan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bersiap sedia bagi menghadapi suasana pasaran baru beras dalam dan luar negeri ketika stagflasi melanda seluruh dunia sekarang.

Perdana Menteri menerangkan bahawa dengan berlakunya peralihan di pasaran dunia, beras boleh dibeli dengan senang di negara-negara pengekspot dan harganya mula turun.

Setakat mana harga ini turun dan mungkinkah harga beras di pasaran dunia turun lebih rendah dari harga beras di Malaysia belum boleh diramalkan, tambahnya.

Berucap di majlis makan malam ulangtahun ketiga LPN di sebuah hotel di sini, Tun Razak berkata:

TUGAS

"Tetapi adalah menjadi kewajipan dan tugas LPN bersiap sedia menghadapi situasi pasaran baharu dalam dan luar negeri di masa stagflasi yang dihadapi oleh seluruh dunia sekarang."

Beliau juga memberitahu bahawa seramai 100,000 keluarga petani di negara ini masih mengerjakan tanah sawah seluas 300,000 ekar dengan tanaman padi setahun sekali.

Katanya, tidaklah mungkin bagi kerajaan mengadakan kemudahan - kemudahan tanaman dua kali setahun kepada mereka kerana kebanyakan dari tanah itu berjauhan dan berpecah-pecah.

Dalam ucapannya itu, Tun Razak telah juga menyentuh perkara-perkara berikut:

- LPN telah mengimpot beras sebanyak 358,000 tan atau 3.58 juta guni sejak dari awal tahun 1973 hingga sekarang.
- Seramai 750 pemborong beras swasta bergantung kepada bantuan LPN bagi mendapatkan bekalan beras.
- Dasar kerajaan untuk mengeluarkan beras yang cukup bagi keperluan rakyat di negara ini.

Menurut Tun Razak, beberapa bulan selepas tahirnya LPN, perusahaan beras di seluruh dunia mula berubah dan harga di pasaran dunia telah meningkat naik.

Kenaikan harga ini telah memberi kesan kepada negara ini oleh kerana Malaysia masih mengimpot kira-kira 200,000 tan setahun atau 15 peratus daripada keperluannya, katanya.

"Adalah menjadi tugas LPN untuk menentukan adanya bekalan yang cukup di seluruh dunia dan saya sukacita hal ini dapat dihasilkan oleh LPN dengan baik", kata Tun Razak.

Menurutnya lagi, LPN telah mengimpot beras dari awal tahun 1973 hingga sekarang sebanyak 358,000 tan atau 3.58 juta guni dan ini adalah satu kejayaan yang patut dipuji kerana memandangkan kepada keadaan kekurangan beras di dunia.

Tun Razak menerangkan oleh kerana negara ini belum mengeluarkan beras yang secukupnya, maka kita terpaksa mengimpot kira-kira 15 peratus daripada jumlah beras keperluan negara.

Harga beras yang diimpot itu berjumlah $420 juta dan kerajaan telah mengeluarkan direct subsidi sebanyak $140 juta untuk mempastikan harga beras dalam negeri tidak melebihi apa yang berpatutan, katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa kerajaan telah mengadakan langkah-langkah lain yang positif seperti kawalan harga, perlesenan atas peniaga-peniaga beras, anti sorok dan anti penyeludupan dalam usaha untuk menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

NO. SIRI : 83
NO. PEN : 83/78

PTR.KA: 84 84/78

Utusan Malaysia 30 November 1974.

Perutusan Khas Tun Abd Razak



SAYA mengucapkan tahniah kepada Sekolah Tun Fatimah dan Sekolah Alam Shah yang telah berjaya memasuki Peringkat Akhir Pertandingan Bahas antara Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh. Inilah pertama kali Pertandingan Bahas dianjurkan dan saya mengambil kesempatan ini juga mengucapkan terimakasih kerana diberi penghormatan merasmikan Pertandingan Peringkat Akhir ini.

Seperti dimaklum Pertandingan Bahas Antara Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh ini bertujuan menimbulkan minat di kalangan pelajar-pelajar supaya mempunyai kecekapan dalam bidang pembahasan.

Di samping melatih pelajar-pelajar berpidato dan bertikam lidah atas sesuatu perkara, ini serentak akan meningkatkan kecerdasan mereka berfikir untuk membentangkan hujjah-hujjah yang bernas serta meyakinkan para pendengar Pertandingan ini.

Saya berharap pertandingan ini akan membangkitkan kecenderungan di kalangan pelajar-pelajar untuk mengikuti perkembangan dan kemajuan di bidang ekonomi, sosial dan politik terutama mengenai negara kita sendiri dan juga dunia am.

Begitu juga saya berharap agar mutu perbahasan di sekolah-sekolah meningkat tinggi dari masa kesemasa supaya pertandingan ini terus menjadi satu tradisi yang boleh dibanggakan oleh semua.

Akhirnya saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada semua guru-guru besar Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh, Ahli-Ahli Jawatankuasa Pertandingan Akhir Perbahasan dan semua pihak yang telah menjayakan Pertandingan ini. Kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian di semua peringkat dan pada Pertandingan Akhir ini saya mengucapkan syabas, mudah-mudahan mereka akan terus berusaha hingga mendapat kejayaan pada masa hadapan.

NO. SIRI : 84
NO. PEN : 84/78

PTR.KA: 85 85/78

Mingguan Malaysia 8 Disember 1974

SEBAHAGIAN anggota Majlis Tertinggi, dari kanan Encik Ghafar Baba, Datuk Senu Abdul Rahman, Tun Razak, Datuk Hussein Onn, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Dato' Haji Harun Idris, Datuk Wan Kadir Ismail dan Cik Marina Yusoff.

Dr. Mahathir arah pihak berkuasa teruskan jadual — Razak

PEPERIKSAAN DI VARSITI TETAP ADA

KUALA LUMPUR 7 Dis. — Peperiksaan bagi para pelajar universiti-universiti TETAP diadakan sebagaimana dijadualkan, Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini.

Katanya, Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan pihak berkuasa 'universiti supaya meneruskan jadual peperiksaan akhir penggal di universiti-universiti"

Perdana Menteri menolak rayuan setengah-setengah supaya ditangguhkan peperiksaan itu ke satu masa lain kerana tunjuk perasaan yang berlaku.

"Peperiksaan tetap dijalankan seperti dijadualkan dan kita tidak dapat hendak menangguhkannya," kata Tun Razak kepada para pemberita selepas sidang Majlis Tertinggi UMNO tengahari ini.

Oleh: MAHADI ABDUL

"Penuntut-penuntut yang benar-benar belajar tentunya akan bersedia menghadapi peperiksaan itu. Tetapi sekiranya pelajar-pelajar sibuk dengan tunjuk perasaan itu adalah urusan mereka", tegasnya.

Beliau juga memberitahu bahawa keadaan sekarang sudah terkawal dan para pelajar yang terlibat dengan tunjuk--tunjuk perasaan telah kembali ke kampus masing-masing. Beliau juga menyentuh perkara berikut:

- Perhimpunan agung UMNO tahun depan akan diadakan pada 27, 28 dan 29 Jun di Hilton Kuala Lumpur.
- Penyelarasan bahagian-bahagian UMNO mengikut kawasan pilihanraya Parlimen tetap berjalan terus.
- Ahli-ahli parti hendaklah memberikan kerjasama yang penuh dalam menjayakan 'pelan induk' yang akan dilancarkan oleh kerajaan dalam usaha mengatasi inflasi.

Perdana Menteri memberitahu, sidang Majlis Kerja Tertinggi UMNO hari ini telah membincangkan dengan serious mengenai keadaan negara terutama tunjuk perasaan yang dilancarkan oleh pelajar-pelajar baru-baru ini.

Katanya, dalam perhimpunan agung khas UMNO semalam, pemimpin-pemimpin UMNO telah diseru supaya bersama-sama bertanggungjawab dalam menghadapi tunjuk perasaan yang di akukan oleh pelajar-pelajar itu.

"Dengan kerjasama ini diharap perkara yang berlaku ini tidak akan berulang lagi," kata Tun Razak.

Mengenai peristiwa di Kampung Kerinchi di sini di mana setengah-setengah orang di kampung itu telah memberikan sokongan kepada pelajar, Tun Razak berkata: "Perkara itu telah selesai.

"Ketua Polis Wilayah Persekutuan telah pergi menemui ketua kampung di situ dan telah mengatasi perkara yang berlaku itu," kata beliau.

NO. SIRI : 85
NO. PEN : 85/78

ISNIN 9 DISEMBER 1974

PTR. KA : 86 86/78.

Berita lapar dusta – Razak

DARI MUKA 1

Tun Razak menjelaskan negara memerlukan lebih ramai orang-orang yang terpelajar untuk menjalankan pentadbiran dan membawa kemajuan kepada negara dan rakyat.

Kerajaan kata Tun Razak, membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk memberi pelajaran kepada pelajar-pelajar dan kerajaan tidak suka melihat wang rakyat yang begitu banyak disia-siakan saja.

Beliau percaya dan yakin keadaan di universiti-universiti sekarang dapat dipulihkan dan pelajar-pelajar sekalian dapat meneruskan pelajaran mereka seperti sediakala.

Tun Razak mensifatkan dusta dan bohong semata-mata tentang dakwaan pelajar-pelajar dalam surat-surat siaran mereka yang menyebut kononnya rakyat khasnya di Baling Kedah, lapar kerana keadaan inflasi.

Katanya, semua orang tahu di negara ini tidak ada orang yang lapar apatah lagi mati kebuluran dan perkara ini tidak mungkin berlaku selagi rakyat sanggup berusaha mencari rezeki.

Tun Razak kemudian menyebut latar belakang peristiwa demonstrasi dan gerakan-gerakan haram pelajar universiti adalah ekoran dari beberapa demonstrasi yang berlaku di Negeri Kedah dan di utara Negeri Perak pada minggu lalu akibat dihasut oleh para pelajar dan anasir-anasir lain sehingga melibatkan penduduk-penduduk kampung.

Katanya, pada 3 Disember pelajar-pelajar dari Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, Institut Teknoloji MARA, Institut Teknoloji Kebangsaan, dan Kolej Tunku Abdul Rahman mengadakan demonstrasi haram di Padang Selangor Kelab dan oleh kerana perbuatan itu melanggar undang-undang pihak polis terpaksa mengambil tindakan menyuraikan mereka.

Akan tetapi sebahagian dari mereka ini masih berdegil dan lari berlindung dalam Masjid Negara di mana mereka melakukan perbagai perbuatan cemar seperti mengugut pegawai-pegawai masjid dan merosakkan perkakas-perkakas di masjid itu sambil membaling batu serta pasu-pasu pada pihak polis dan orang-ramai.

Oleh sebab pihak polis memikirkan perbuatan pelajar-pelajar ini membahayakan keselamatan rakyat dan ketenteraman awam maka dengan permintaan Imam Besar Masjid Negara anggota-anggota polis masuk ke dalam masjid untuk menyuraikan mereka.

Kerana kejadian tersebut kerajaan sangat memandang berat atas perkara itu dan pihak polis telah mengambil langkah mengawasi Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya, ITK dan ITM.

Menurutnya di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan pelajar-pelajar menyalahgunakan kebebasan universiti dengan menjadikan kampus itu kubu mereka untuk merancang dan menjalankan kekerasan serta mengadakan demonstrasi dan mengganggu ketenteraman awam.

Malam hari Jumaat mereka cuba keluar dari kampus dan membakar kayu-kayu yang berada di tepi jalan termasuklah tanda-tanda jalan dan juga merosakkan lampu isyarat dan pondok-pondok polis berdekatan dengan universiti.

Bila didapati keadaan tidak juga reda sejak beberapa hari hingga kelmarin kerajaan mengambil kesimpulan kalau tindakan tegas tidak diambil terhadap ketua-ketua pelajar yang menghasut itu keadaan akan menjadi bertambah buruk.

Tambahan pula, kata Tun, ketua-ketua pelajar itu berlindung dalam bilik-bilik asrama universiti-universiti tapi yang keluar menjalankan gerakan ialah pelajar-pelajar lain yang terikut-ikut saja dan mereka bolehlah dikatakan tidak bersalah.

Kerajaan juga kata Tun Razak merasa pihak berkuasa universiti-universiti nampaknya tidak dapat lagi mengawal ketenteraman di universiti dan setengah-setengah kuliah yang berjalan sentiasa terganggu sehingga tidak dapat dihadiri oleh pelajar-pelajar sedangkan sebilangan besar ingin meneruskan pelajaran mereka.

Menyentuh harga getah Tun Razak berkata dengan langkah-langkah tegas kerajaan baru-baru ini harga getah mulai meningkat naik dan hari ini harga getah $1.43 sen sekilo atau lebih kurang 88 sen sekati bagi RSS nombor satu.

Menurut Tun Razak segala langkah kerajaan untuk memerangi inflasi dan lain-lain akan terhalang sekiranya puak-puak anti nasional dan komunis serta pelajar-pelajar yang dipengaruhi oleh mereka menjalankan gerakan demonstrasi haram itu.

Katanya, kita menghantar pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi bukanlah bertujuan supaya mereka berdemonstrasi tetapi ialah untuk belajar dan mengisi dada dengan ilmu pengetahuan untuk menjadi rakyat berguna.

Kita mahu elakkan tumpah darah — Razak

KUALA LUMPUR 8 Dis. — Tun Razak malam ini mengumumkan gerakan pembersihan di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan serta penangkapan 11 orang, termasuk 10 pemimpin pelajar, yang telah menghasut demonstrasi-demonstrasi haram sejak beberapa hari lalu

Tujuan pertama tindakan itu, katanya dalam satu ucapan menerusi radio dan talivisyen, ialah untuk menjaga supaya gerakan haram itu tidak merebak hingga membawa kepada pertumpahan darah dan kehilangan jiwa.

Tujuan kedua pula ialah untuk mengasingkan ketua-ketua pelajar itu daripada penuntut-penuntut yang tidak bersalah dan yang telah dipaksa oleh mereka supaya ikut melakukan perbuatan jahat mereka itu.

Tun Razak menyeru ibubapa supaya jangan bimbang.

Tun Razak berkata gerakan menangkap ketua-ketua penuntut itu, telah dapat dijalankan dengan sempurna dan "boleh dikatakan semua ketua-ketua pelajar yang bertanggungjawab melancarkan gerakan haram itu sekarang ditangkap dan ditahan."

Subuh tadi pihak polis telah masuk ke dalam kampus Universiti Kebangsaan dan Universiti Malaya dengan tujuan menangkap ketua-ketua pelajar yang bersembunyi di kedua-dua kampus itu.

Kata Tun Razak, kita mempunyai 20,000 orang pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi di negeri ini dan ketua-ketua pelajar yang jahat ini hanyalah antara 10 hingga 20 orang sahaja.

TUN RAZAK

"Mereka ini dipengaruhi oleh anasir-anasir komunis dan anasir-anasir dari luar negeri yang bertujuan untuk menimbulkan huru-hara negara ini," katanya.

HURU HARA

Menurutnya, pelajar-pelajar yang menjadi ketua-ketua adalah mereka yang telah gagal dalam pengajian dan mereka tidak lagi berniat hendak belajar tetapi semata-mata hendak menjalankan gerakan-gerakan jahat menentang kerajaan untuk menimbulkan huru-hara.

Utusan Malaysia 10 Disember 1974

PTR.KA : 87 87/78.

Tun arah wakil-wakil rakyat selesai segera semua rungutan rakyat

KUALA LUMPUR 9 DIS.

TUN Abdul Razak hari ini mengarahkan wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan supaya menyelesaikan segera setiap rungutan rakyat sebelum timbul sesuatu kejadian yang tidak diingini.

Menurut beliau, sungutan-sungutan seringkali timbul kerana mereka kurang berdamping dengan rakyat.

Bercakap kepada para pemberita selepas melakukan lawatan ke Ibupejabat Kerajaan Negeri Selangor dan menemui wakil-wakil rakyat Barisan Nasional di Bangunan Sultan Abdul Samad di sini pagi ini, Perdana Menteri berkata:

"Pegawai-pegawai kanan mestilah melebihkan lawatan masing-masing melihat projek-projek yang dilaksanakan untuk mengetahkan perkara yang tidak diingini berlaku akibat kurangnya pengawasan.

"Wakil-wakil rakyat pula mestilah berdamping rapat dengan rakyat untuk membolehkan mereka benar-benar memahami aspirasi masyarakat."

Tun Razak mengakui sungutan masih timbul di kalangan rakyat terutama untuk mendapatkan permohonan tanah.

"Saya tahu bahawa kuasa membahagikan tanah terletak di tangan Menteri-Menteri Besar," kata Tun Razak.

Dalam hubungan ini beliau sekali lagi menyatakan bahawa beliau mahu supaya kerajaan-kerajaan negeri mengutamakan permohonan untuk mendapatkan tanah secara berkumpul (berkelumpuk).

"Kawasan tanah seperti ini senang dijaga dan dapat dijayakan dengan sempurna," katanya.

Menurut beliau, kalau tanah itu diluluskan untuk perseorangan dan terpencil pula letaknya selalunya tidak berjaga dan tidak produktif.

"Ada pula tuan-tuan tanah yang menunggu harganya naik untuk dijual sahaja," katanya.

Bercakap tentang masaalah perumahan di Selangor, Tun Razak memberitahu, kerajaan negeri akan melancarkan rancangan rumah murah yang siap dipasang (frefabricated) untuk mengurangkan masaalah perumahan yang semakin mendesak sekarang.

Menteri Besar, Dato' Harun Idris, kata beliau telah bersetuju untuk melaksanakan rancangan itu.

Katanya, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mungkin menubuhkan sebuah syarikat khusus untuk mengendalikan rancangan tersebut.

Tentang pembangunan Shah Alam — Ibu Negeri Selangor yang baru — Tun Razak melahirkan rasa puashati dengan pembangunannya setakat ini.

"Peruntukan yang dijanjikan berikutan dengan pengambilan alih Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan akan dibuat seperti yang dijanjikan," katanya.

Dato' Harun memberitahu, sebanyak $50 juta telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat untuk pembangunan ibu negeri itu tahun depan.

Tun Razak terdahulu dari itu telah diberi taklimat oleh Dato' Harun mengenai jentera pentadbiran negeri. Mereka telah berbincang

GAMBAR atas Tun Razak (kiri) sedang berucap kepada wakil-wakil rakyat itu. Di sebelah kanannya ialah Dato' Harun manakala di sebelah kiri pula Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Alwi Jantan, Anggota EXCO, Encik Sanad dan Haji Ahmad Razali.

Gambar bawah sebahagian dari anggota-anggota Dewan Undangan Negeri sedang mendengar amanat Tun Abdul Razak.

NO. SIRI : 87
NO. PEN : 87/78

Utusan Malaysia 13 Disember 1974

● **GAMBAR menunjukkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mansor Othman sedang memperkatakan sesuatu dalam satu perjumpaan antara Tun Razak dengan ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli Exco dan wakil rakyat di Bilik Gerakan Negeri di Seremban semalam.**

JUMAAT 13 DISEMBER 1974

PTR. KA: 88 88/78.

Razak: Strateji utama tentang ancaman inflasi dan stagflasi

TIAP2 DAERAH CUKUP MAKANAN

SEREMBAN 12 Dis. — Setiap daerah di seluruh negara, mulai dari sekarang, dikehendaki mengeluarkan bahan makanan sekurang-kurangnya cukup untuk menampung keperluan penduduknya sendiri, Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini.

Perdana Menteri berkata, ini adalah salah satu strateji utama dalam usaha untuk memperhebatkan lagi pengeluaran bahan makanan di negara ini bagi menentang ancaman inflasi dan stagflasi.

Untuk tujuan ini, setiap orang rakyat dikehendaki bertanggungjawab memainkan peranan masing-masing mengeluarkan bahan makanan sendiri sebagai sumbangan utama ke arah mempastikan kejayaan matlamat strateji tersebut.

Strateji ini, menurut Tun, merupakan asas utama rancangan memperhebatkan pengeluaran bahan makanan secara besar-besaran di negara ini di bawah "Sistem Buku Hijau" yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Utusan Malaysia difahamkan bahawa Perdana Menteri sendiri akan melancarkan sistem Buku Hijau itu penghujung minggu depan dan mengumumkan butir-butir lanjut mengenainya.

Tun Razak pagi ini telah melakukan lawatan singkat ke Negeri Sembilan untuk mendengar taklimat - taklimat mengenai pembangunan di samping menemui ketua ketua jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan.

Perdana Menteri juga telah menemui semua wakil rakyat dalam perjumpaan yang memakan masa selama lebih tiga jam itu. Inilah lawatan Tun yang pertama ke Negeri Sembilan sejak pilihanraya umum lalu.

Bercakap kepada para pemberita kemudiannya, Perdana Menteri juga telah menyebut perkara-perkara berikut:

- Setiap orang rakyat di negara ini, tanpa mengira miskin atau kayanya, adalah berhak mendapat perkhidmatan yang sempurna dari pegawai-pegawai kerajaan tanpa perlu memberi sebarang rasuah;
- Perusahaan gula tebu Negeri Sembilan yang menelan belanja lebih $75 juta dijangka akan memulakan pengeluarannya pada 20 Disember ini di samping berbagai lagi projek pembangunan lain yang dijangka akan mula memberi faedah kepada rakyat dalam masa dua atau tiga tahun lagi.

Negeri Sembilan sekarang ini menghadapi masaalah kekurangan tanah untuk memesatkan lagi pembangunannya kerana sekarang ini ia hanya mempunyai 60,000 ekar tanah lagi tanah yang belum dimajukan.

Tun Razak berkata, beliau sangat gembira dan berpuashati di atas kemajuan pesat yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya.

Projek keluarkan hasil 2 tahun lagi

DARI MUKA 1

Beliau yakin dalam masa dua atau tiga tahun lagi segala projek pembangunan itu termasuk perindustrian dan sebagainya akan mula mengeluarkan hasil untuk faedah rakyatz seluruhnya.

Salah satu projek terbesar ialah perusahaan gula tebu Negeri Sembilan yang dijangka akan memulakan pengeluarannya pada 20 Disember ini kata Tun.

Menuru beliau, sekarang ini masaalah yang dihadapi oleh kerajaan negeri hanyalah soal kekurangan tanah kerana ia sekarang hanya mempunyai kira-kira 60,000 ekar sahaja lagi yang belum digunakan.

Kerana itu, Tun Razak mengarahkan supaya segala projek kemajuan tanah di masa akan datang dijalankan secara berkelumpuk dan Kerajaan Pusat akan memberikan segala bimbingan dan bantuan yang diperlukan

Mengenai perjumpaannya dengan Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kerajaan, Tun Razak berkata beliau telah mengingatkan mereka tentang betapa pentingnya segala kegiatan diselaraskan demi kepentingan rakyat.

Tun Razak juga menarik perhatian mereka terhadap berbagai pengaduan yang diterimanya sendiri daripada rakyat mengenai sikap pegawai pegawai kerajaan dalam memberikan khidmat kepada rakyat.

"Saya tidak mahu lagi dengar sebarang pengaduan daripada rakyat mengatakan mereka terpaksa membayar untuk mendapatkan perkhidmatan yang sempurna", tambahnya.

Tun Razak menegaskan sikap seumpama ini di kalangan rakyat adalah penting untuk memberantaskan rasuah. "Saya yakin jika rakyat tidak membayar, maka rasuah juga tidak berlaku", katanya.

Tun Razak berkata, dalam perjumpaan itu beliau juga telah menerangkan kepada mereka tentang keadaan sebenarnya mengenai tunjuk-tunjuk perasaan pelajar baru-baru ini dan berbagai masaalah yang berbangkit.

13hb.Disember1974

PTR.KL: 89 89/78.

Seri-Seri Paduka selamat pulang

SERI-Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung dan Raja Permaisuri Agung diiringi oleh Tun Abdul Razak (kiri) setibanya baginda berdua di Lapanganterbang Antarabangsa Subang dari lawatan keluar negeri petang semalam. Kelihatan juga Toh Puan Hajah Rahah (nombor dua dari kanan).

NO. SIRI : 89
NO. PEN : 89/78